

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 26

Selasa

20 Disember 2016

K A N D U N G A N

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela
(Sabah) (Pindaan) 2016 (Halaman 40)
- Rang Undang-undang Kesalahan
Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 (Halaman 49)
- Rang Undang-undang Lambang dan Nama
(Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2016 (Halaman 84)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 20 Disember 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.32 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016, Rang Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 dan Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2016 sebagaimana yang tertera di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini sebagai nombor satu, dua dan tiga dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 21 Disember 2016.”

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chia Song Cheng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah statistik rasmi Laporan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) terhadap kadar kes jenayah seluruh negara dan apakah usaha dipertingkatkan oleh Kementerian untuk mengubah persepsi rakyat terhadap kadar jenayah.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Chia Song Cheng yang bertanya soalan yang amat tepat pada waktunya dan saya yakin ramai lagi Dewan yang mulia ini akan bertanya soalan- izinkan lebih daripada lima soalan.

Tuan Yang di-Pertua, Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Results Areas* (NKRA) telah diperkenalkan oleh kerajaan dan mempunyai elemen-elemen enam bidang utama antaranya mengurangkan jenayah. Dalam hal ini, pertanggungjawaban diletakkan kepada KDN adalah untuk menterjemahkan pelaksanaan program-program yang mendasarkan kepada soal pengurangan jenayah di seluruh negara dan meningkatkan rasa selamat serta mengurangkan, dengan izin, *civil of crime* di kalangan rakyat selain membolehkan negara ini benar-benar selamat bukan sahaja untuk kita warganegaranya tetapi untuk para pelancong dan pelabur-pelabur asing.

Bagi tujuan ini, KDN memberikan penekanan terhadap tiga aspek iaitu pertamanya mencapai pengurangan berterusan dalam jenayah indeks.

Keduanya, mempertingkatkan kesedaran awam tentang keselamatan dengan menggalakkan penyertaan orang awam menerusi aktiviti kesukarelawanan dan ketiga, memastikan kecemerlangan dalam urusan sistem keadilan jenayah agar dapat membina keyakinan awam dengan mempertingkatkan tahap profesionalisme pegawai polis dan mempercepatkan proses pendakwaan di mahkamah.

Tuan Chia Song Cheng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri terhadap jawapan tadi. Menurut jenayah indeks yang telah diberikan oleh kementerian, indeks jenayah seluruh negara diumumkan telah menurun secara drastik.

Namun berdasarkan satu tinjauan awal yang telah dialami oleh masyarakat mendapati segelintir kes-kes jenayah yang ingin dilaporkan oleh masyarakat telah diasingkan dan ditentukan atau dalam kata lain *cherry-picking*, dengan izin, oleh pegawai PDRM untuk membuka kertas siasatan atau sebaliknya. Justeru itu, soalan tambahan saya kepada

kementerian ialah apakah kriteria atau standard prosedur yang telah diberikan oleh kementerian kepada pegawai PDRM untuk menentukan kertas siasatan dibuka untuk setiap kes jenayah yang dilaporkan oleh masyarakat.

Ini adalah kerana jika kertas siasatan dibuka, maka jumlah jenayah tersebut akan dimasukkan ke dalam jenayah indeks. Soalan yang seterusnya ialah, apakah ada segelintir pihak yang membuat kenyataan bahawa statistik jenayah indeks yang dinyatakan itu sebagai angka yang tidak benar sekadar untuk memberikan gambaran bahawa kes jenayah telah berkurangan sejak NKRA diperkenalkan?

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pendekkan soalan tambahan.

Tuan Chia Song Cheng: Adakah kenyataan itu benar? Lagi satu soalan, pendek sahaja. Adakah NKRA mengurangkan jenayah itu akan diteruskan, dan sampai bila program ini akan dilaksanakan memandangkan kenyataan kejayaan yang telah dicapai khususnya mengurangkan jenayah indeks dalam negara. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, ada empat soalan dalam satu soalan. Tentu telah menunggu begitu lama untuk bertanya soalan berkenaan. Saya ingin menyebutkan bahawa kadar jenayah telah berkurangan antara 4.2 peratus sehingga 12.6 peratus dari tahun 2011 hingga akhir tahun lalu, *insya-Allah* pada tahun 2016 ini, kita akan terus berusaha sehingga beberapa hari lagi ini untuk menurunkan lebih banyak lagi.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua ialah apabila jenayah indeks ini telah turun, peratusan yang diperlihatkan telah ditafsirkan sebagai seolah-olah ia hanya sebagai suatu perangkaan untuk mengaburi mata rakyat keseluruhannya. Akan tetapi kita tidak boleh lari daripada beberapa fakta umpamanya saya ingin sebutkan bahawa contohnya pada tahun 2011 terdapat 1066,295 kes, ini fakta. Akan tetapi ia menurun kepada 153,669 kes, ini fakta. Penurunannya ketika itu sebanyak 7.5 peratus.

Adakah ini satu pengaburan mata atau satu usaha untuk menutup kelemahan? Begitu juga kita lihat pada tahun 2013, ia berlaku sebanyak 147,062 kes. Walaupun tahun sebelum itu berkurangan sebanyak 7.5 peratus tetapi tahun berikutnya berkurangan hanya 4.2 peratus, itu satu fakta dan kalau kita mahu mendabik dada tentu kita tidak mahu mengakui bahawa pengurangan itu berbeza dengan tahun sebelumnya secara perbandingan.

Saya ingin menyebutkan bahawa biarpun secara puratanya jenayah indeks tetapi persepsi tidak meningkat. Kadar jenayah kurang tetapi persepsi ataupun tanggapan terhadap pengurangan jenayah itu tidak meningkat, kenapakah? Kerana kita mempunyai prasangka yang

terlalu berat kepada pihak polis. Kita tidak mahu mengakui hakikat bahawa polis telah menjalankan tugas yang terbaik.

Pada waktu yang sama, media yang berada di tahap dengan izin *below the line* tidak pernah mahu mengakui hakikat bahawa pencapaian yang terbaik telah dapat dibuat. Oleh yang demikian, kita harus berusaha dengan menambahkan tenaga kesukarelawanan di kalangan rakyat dan saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, saya akan minta pihak Ketua Pengarah RELA yang menjadikan RELA sebagai tenaga di barisan hadapan untuk membantu polis, saya akan relakan semua Ahli-ahli Dewan Negara ini dengan pangkatnya yang baik untuk membantu polis... [Tepuk] Akan tetapi bergantung siapa yang baik, ketertibannya dan bertanya soalan pada hari ini saya akan beri [Ketawa] Saya bergurau sahaja. Akan tetapi saya akan berikan termasuk yang mewakili parti lain pun, saya akan berikan pangkat RELA, memperlihatkan bahawa keadilan itu dilakukan oleh pihak kerajaan kepada semua pihak.

Di samping itu, untuk menjawab soalan tambahan yang pertama. Tadi mukadimah sahaja. IP, dengan izin, ataupun *Investigation Paper*, Kertas Siasatan ini mempunyai kriteria tertentu yang kita tentukan bukan berdasarkan kepada, dengan izin, *timeline* tetapi berdasarkan kepada perincian sesuatu kes siasatan kerana semua siasatan hendaklah ditentukan 100 peratus mempunyai pembuktian yang cukup dan mempunyai saksi yang wibawa atau *credible* kerana permintaan dan arahan Jabatan Peguam Negara sebarang pertuduhan yang hendak dilakukan oleh pihak pendakwa mesti mempunyai bukti dan saksi yang cukup. Mesti berada di tahap 100 peratus. Itulah sebabnya, dengan izin, *the thorough Investigation Paper* ini harus dibuat oleh pihak polis. Dalam perkara ini saya fikir kriteria yang diperlukan oleh Yang Berhormat tadi adalah mengenai *thoroughness*, dengan izin, *thoroughness of each investigation*.

Keduanya tentang jenayah indeks. Ia menjadi jenayah indeks bukan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tetapi ia adalah berdasarkan kepada kriteria tertentu dalam soal penjenayah. Umpamanya *organize crime*, dengan izin, atau jenayah yang terancang, pada hemat saya ia telah berada di tahap paling minimum sekarang ini atas tindakan-tindakan segera oleh pihak polis. Gengsterisme ataupun keterlibatan dalam pertubuhan kongsi gelap, ia telah dipantau dengan sepenuhnya walaupun wujud tetapi ia berlaku di dalam apa yang dipanggil sebagai *gang fight* dan ini telah menurun dengan banyaknya tetapi persepsi tidak meningkat.

Begitu juga tentang adakah soal NKRA mahu diteruskan? Pasti demi rakyat, demi negara, demi kepentingan keseluruhan rantau ini NKRA akan diteruskan. Inilah komitmen

kerajaan Barisan Nasional. Oleh sebab itu, saya harap mereka yang belum membantu dan menyokong Barisan Nasional, bertukar arahlah kerana kerajaan yang baik Kerajaan Barisan Nasional [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada tiga orang pemimpin negara, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Oleh sebab itu, tolong pendekkan soalan tambahan dan juga jangan berhujah. Silakan Yang Berhormat Dato' Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri hadir bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Hishammuddin dan juga Yang Berhormat Menteri, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin. Tiga orang Menteri yang besar hari ini hadir ke Dewan Negara, beri tepukan kepada pemimpin kita [*Tepuk*]

Saya terus kepada soalan. Pertamanya saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak polis PDRM kerana telah berjaya menurunkan kadar indeks jenayah melalui NKRA yang telah dilaksanakan. Hari ini kita lihat bahawa rakyat sudah begitu selesa, yang tidak selesa pembangkang. Saya cuba hendak kaitkan bahawa kadar jenayah kalau Yang Berhormat Menteri boleh setuju, adakah kadar jenayah di Pulau Pinang dan juga di Selangor lebih tinggi daripada negeri lain kerana bagi saya, contoh Negeri Sembilan, judi haram dihapuskan sama sekali.

Judi ini datang dari Selangor, datang dari Pulau Pinang. Datang ke Negeri Sembilan tetapi tindakan tuntas kerajaan negeri bersama majlis perbandaran, potong bekalan air, potong bekalan elektrik, potong segala-galanya, akhirnya meniaga tidak dapat dilaksanakan. Adakah ini berlaku juga pada Pulau Pinang? Berlaku kah tidak tindakan bersepadu mencegah jenayah judi dan sebagainya.

■1020

Jadi saya hendak tahu, adakah kadar perjudian, maksiat dan juga dadah ini peratus penurunan yang mana lebih ataupun keadaan indeks jenayah mengikut kategori yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat berniat untuk meneruskan tugas di Dewan ini atau berhajat untuk berada di Dewan lain selepas ini. Akan tetapi soalan itu memperlihatkan bahawa beliau mempunyai potensi yang besar.

Saya ingin menyebutkan bahawa pihak pembangkang juga prihatin terhadap soal pengurangan jenayah terutama pembangkang yang menjadi Ahli Dewan Negara ini semua baik-baik dan membantu pihak PDRM. Di luar pada Dewan ini saya kurang pasti, saya kena *check* perkara ini.

Akan tetapi secara spesifik untuk Selangor dan Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya pihak kerajaan negeri juga berusaha untuk mengurangkan jenayah tetapi kita tahu bahawa pada waktu yang sama pihak kerajaan negeri yang memberikan lesen-lesen pusat hiburan keluarga (PHK) yang diberikan oleh kerajaan tempatan. Di mana kerajaan tempatan adalah di bawah kerajaan negeri menggalakkan perjudian ini berlaku. Perjudian ini ada kaitan dengan soal jenayah. Dua buah negeri ini khususnya Pulau Pinang dan Selangor, lesen PHK ini diberikan dengan tujuan kononnya sebagai pusat hiburan untuk ahli keluarga. Apa yang berlaku ia ditukar menjadi pusat perjudian.

Walaupun kita tahu beberapa tindakan telah dilakukan oleh pihak PDRM dan juga oleh beberapa buah agensi penguatkuasaan, namun apabila lesen PHK ini terus diberikan ertinya ia seolah-olah menggalakkan jenayah daripada berlaku. Akan tetapi saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan khususnya, tidak ada sebarang lesen PHK. Inilah contoh negeri yang terbaik antaranya. Negeri Sembilan tidak menyambung lesen-lesen PHK yang telah tamat tempoh, ini contoh yang terbaik juga. Saya harap ia akan diikuti oleh negeri-negeri yang lain. Saya ucapkan terima kasih, mudah-mudahan kita berjumpa di Dewan yang lain nanti, *Insyallah*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Norliza, silakan.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang juga Timbalan Perdana Menteri yang hadir pada pagi ini. Soalan saya ringkas sahaja, saya ingin lanjutan sedikit mengenai gengsterisme sebagai mana yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri tadi, tahniah kerana ia menurun. Akan tetapi saya ingin khususnya di Pulau Pinang yang mana baru-baru ini kes tembak-menembak hingga melibatkan orang awam. Jadi saya rasa kalau kes ini tidak tangani dengan efektif, ia menjadi satu ketakutan kepada rakyat kerana jalan sahaja boleh kena tembak dekat mana-mana. Jadi saya rasa- bagaimanakah kaedah pemantauan ini dibuat?

Saya ingin bertanya sewaktu pengebumian dijalankan, berlaku perarakan yang begitu besar melibatkan jalan-jalan di Pulau Pinang ditutup. Adakah ini dibenarkan dan adakah ia perlu dilaporkan? Bagaimanakah langkah-langkah yang sepatutnya dilakukan untuk menangani masalah seumpama ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua ini soalan yang spesifik ya, khusus. Saya ingin menyebutkan bahawa kes yang berlaku di Pulau Pinang ini kes yang pada tanggapan saya terpencil. Ini kerana tembakan itu dilakukan oleh pengawal peribadinya ataupun *bodyguard* yang diberikan lesen oleh syarikat kawalan keselamatan tanpa mengetahui bahawa pengawal peribadi itu mempunyai masalah mental. Jadi tindakan sedang dilakukan oleh pihak KDN kepada syarikat kawalan keselamatan itu kerana syarikat itu tidak melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap pengawal peribadi itu.

Perarakan berlaku sebagaimana yang pernah dilakukan di tempat-tempat lain, kerana ada pengikut-pengikut kepada kumpulan tertentu. Satu ketika sebuah pertubuhan haram telah juga mengadakan perarakan yang sama dan kebetulan nombor plat keretanya ditukar kepada nama si mati itu dengan nombor gengsternya, nombor kongsi gelapnya. Nama tertentu saya tidak perlu sebutkan di Dewan yang mulia ini, nama tertentu dan nombor gengsternya. Umpamanya nombor 38, Halim 38 ataupun Loga 04 umpamanyalah [*Ketawa*] Saya bukan menuduh tetapi contoh, contoh ya. Jadi ini juga berlaku.

Memang kita tidak membenarkan sebarang perarakan dilakukan, seolah-olah mendewadewakan keadaan itu dan polis sedang melakukan tindakan untuk menentukan siapakah penganjur pada perarakan berkenaan. Kita tidak mahu sebarang pendewaan terhadap mana-mana individu yang mengetuai mana-mana pertubuhan yang tidak didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan 1966, ertinya pertubuhan tidak didaftarkan pertubuhan gelap atau kongsi gelap. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana perkara ini memang berlaku di Pulau Pinang tetapi polis sedang mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang dikasihi. Saya pertamanya juga hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak PDRM. Apabila jawapan Yang Berhormat Menteri telah menunjukkan berlaku penurunan indeks jenayah yang cukup memberangsangkan.

Namun Yang Berhormat Menteri, ada juga menyebut tadi kononnya ada tanggapan negatif yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu khususnya media-media yang disogok dan dibantu oleh mereka yang ingin menghuru-harakan negara ini dilihat tidak bertanggungjawab dengan memaparkan bahawasanya Malaysia sebuah negara yang tidak selamat. Dengan kononnya indeks jenayah ini yang meningkat amat tinggi.

Jadi Yang Berhormat Menteri, apa tindakan yang tegas yang boleh diambil kepada mereka ini yang tidak bertanggungjawab sama sekali apabila membawa isu jenayah ini, pada kita ini merupakan satu isu yang cukup besar? Ia menentukan *the safety of the country*, dengan izin, jadi apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian kepada individu ataupun pihak-pihak yang mendalangi kononnya telah memberikan imej yang tidak baik dan selamat kepada negara ini? Jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat soalan itu mempunyai satu kualiti yang cukup baik. Jadi pastikanlah kerusi yang ada di kawasan Yang Berhormat itu dirampas oleh beliau, bergantung kepada sejauh mana beliau dapat berkompromi dengan ketua bahagiannya *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan soal persepsi yang negatif kerana kita lihat dilakukan dengan niat yang tidak baik. Saya ingin menyebutkan bahawa kalau kita berbeza pendapat sekali pun, fakta harus diakui sebagai fakta. Niat yang baik datang daripada amalan yang baik. Dengan izin... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Apa yang kita lakukan, bergantung kepada niat. Kalau niatnya tidak mahu menerima fakta terhadap penurunan kadar jenayah, maka yang berlaku persepsi yang negatif. Dalam perkara ini, biarpun kita berbeza pendapat saya sering sebutkan, kita berbalik kepada hukum akhlak kita, tasawuf kita... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kita boleh berbeza pendapat tetapi kita ada ketertiban untuk menangani perbezaan pendapat.

Kalau niat kita betul biarpun kita berbeza pendapat, akuilah hakikat. Kalau kadar jenayah menurun, menurunlah. Persepsinya harus meningkat tetapi ini tidak. Ertinya kes-kes yang begini, kes yang mempolitikkan sesuatu yang ditolak sebagai fakta dan ini harus ditentukan supaya masyarakat melakukan penilaian objektif.

■1030

Akan tetapi Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, beberapa usaha telah dilakukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Antaranya kita melakukan *modern policing* ataupun yang kita panggil sebagai memodenkan usaha-usaha pencegahan jenayah yang dilakukan oleh pihak polis. Bukan sekadar menambah aset dan juga peralatan, umpamanya daripada segi, dengan izin, *high definition* CCTV. Di mana kita akan meletakkan CCTV yang berdefinisi tinggi ini di tempat-tempat yang dipanggil sebagai *hot spot* dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kita juga mahu supaya *omnipresence* ataupun keberadaan anggota polis di satu buah kawasan *hot spot* itu perlu ada di kalangan mereka yang berpakaian seragam atau tidak

berpakaian seragam. Apa yang dilakukan sekarang ini dengan kerjasama Kementerian Pertahanan, kita melakukan rondaan bersama iaitu pihak polis dan pihak tentera. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertahanan yang ada di belakang yang berunding dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya. Saya tidak pasti sama ada rundingan itu untuk peringkat nasional atau peringkat negeri. Saya tidak tahu *[Ketawa]*

Akan tetapi rondaan bersama ini dilakukan sejak saya di Kementerian Pertahanan dan saya berpindah di Kementerian Dalam Negeri dan Menteri Pertahanan ketika itu pindah- ialah Menteri Pertahanan ketika itu, sayalah, pindah ke Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri berpindah ke Kementerian Pertahanan. Ini merupakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang kita lakukan. Ertinya, kita menggunakan pendekatan kolaborasi antara pelbagai agensi jabatan dan kementerian.

Kedua, kita juga mewujudkan unit rondaan bermotosikal. Ini merupakan satu usaha di mana di balai polis atau IPD, ibu pejabat polis daerah diberikan motosikal berkuasa rendah, mudah masuk ke kawasan perumahan, di kampung-kampung dan juga di jalan-jalan sempit. Di mana mereka mengadakan rondaan dalam 24/7 ataupun 24 jam dan tindakan boleh dilakukan. Saya ingin menyebutkan daripada segi sebarang laporan, mengikut piawaian antarabangsa ia mesti diambil dalam tempoh lima minit, tindakannya. *Alhamdulillah*, secara purata kita berada di tahap 3.75 minit. Akan tetapi tidak mustahil kalau cukup peralatannya dan cukup anggotanya, unit rondaan bermotosikal ini akan dapat mempercepatkan tindakan-tindakan pencegahan jenayah.

Di samping itu, kita juga melakukan tindakan melalui *community policing* iaitu satu bentuk *engagement* dengan pihak rakyat melalui umpamanya Yayasan Pencegahan Jenayah (MCPF) agar kempen-kempen kesedaran, dengan izin, *wellness campaign* dapat dilakukan agar soal jenayah ini bukan hanya di tangani pihak Polis Diraja Malaysia tetapi harus ada maklumat dan juga pencegahan serta *educating the people*, dengan izin, supaya tidak melakukan penjenayahan.

Saya ingin menyebutkan juga dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa 52 peratus banduan yang berada di penjara-penjara Malaysia, sekarang ini terdapat 57,000 orang banduan di seluruh penjara. 52 peratus daripadanya banduan yang melakukan kesalahan yang bersabit dengan dadah. Ertinya, *52 percent*, dengan izin, *52 percent of the inmates in our prisons involved in drugs related crimes*. Jadi, ertinya ada korelasi, ada hubung kait antara soal dadah dan soal jenayah.

Jadi, dalam hal ini apa yang dilakukan dalam bentuk *community policing* adalah untuk menimbulkan kesedaran, mengambil tindakan dan juga melakukan pencegahan terhadap perlakuan jenayah. Di samping itu, kita juga mengadakan kerjasama dengan beberapa pihak, umpamanya *United Against Crime*. Ini dilakukan ketika Yang Berhormat Menteri Pertahanan masih lagi Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan saya teruskan. Mana-mana yang baik saya teruskan supaya kita dapat bekerjasama. Dalam tindakan yang begitu, pihak berkuasa melakukan beberapa tindakan yang proaktif.

Di samping itu, saya ingin memaklumkan bahawa, dengan izin, *a dedicated force* diwujudkan, umpamanya kita menubuhkan STING atau *Special Tactical Intelligence Narcotic Group* iaitu satu pasukan elit yang membanteras soal dadah. Walaupun jumlah ini tidak ramai, saya ingin sebutkan di Dewan yang mulia ini, terdapat 200 orang pasukan elit ini. Sebarang tindakan yang datang dari Bukit Aman terus kepada kumpulan sasaran. Tidak melalui IPK, tidak melalui IPD, tidak melalui balai. Sebab ada tuduhan di kalangan masyarakat, kononnya pegawai-pegawai polis dan anggota polis di peringkat balai, di peringkat IPD, IPK, bersekongkol dengan penjenayah itu. Maka, untuk mempertingkatkan persepsi, kita wujudkan STING ini.

Begitu juga kita wujudkan STAGG yang kita panggil *Special Task Force for Anti-Vice, Gaming and Gangsterism* yang menangani persoalan perjudian dan juga kongsi gelap. Satu lagi ialah *Special Task Force on Organised Crime* ataupun STAFOC bagi tujuan pencegahan jenayah berat dan terancang. Tiga pasukan elit ini bila mendapat maklumat, terus pergi ke kumpulan sasaran. Ini merupakan satu usaha yang terbaik yang datangnya dari Bukit Aman dan kita laksanakan.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa kami telah memperkenalkan Akta Pencegahan Jenayah ataupun POCA dan juga Akta Anti Keganasan atau POTA. Ini dua akta yang telah kita perbahaskan dengan panjang lebar di Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga telah membincangkannya. Ini adalah sebagai satu usaha jangka panjang untuk menentukan agar kadar jenayah dan keganasan dapat diturunkan. Saya ingin merekodkan di Dewan yang mulia ini bahawa perbahasan mengenai POCA ini berjalan selama lebih daripada 12 jam. Ketika saya membentangkan di Dewan Rakyat bermula daripada pukul 11.30 pagi dan berakhir pada pukul 2.38 pagi hari besoknya.

Saya ingin merekodkan juga bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang ada sekarang ini ketika duduk di tempat Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah turun daripada kerusinya. Tidak makan, tidak minum dan tidak ke tempat-tempat lain untuk menunaikan hajatnya. Saya tidak tahu bagaimana beliau melakukannya tetapi saya ingin merekodkan di

Dewan yang mulia ini bahawa rekod yang terbaik telah dilakukan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan saya harap Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dapat melakukannya juga supaya lebih daripada kemampuan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya ucapkan terima kasih. Saya harap berlaku adil pada rakan-rakan saya yang lain. Saya telah mengambil masanya 38 minit dan 38 nombor kegemaran saya dan saya harap saya dapat menamatkan soalan tambahan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Usaha gigih Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia untuk membanteras jenayah. Akan tetapi Yang Amat Berhormat, saya kena beri satu soalan lagi tambahan dari Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Amat Berhormat yang telah memberikan jawapan tadi yang kita, rasa tenang dan berpuas hati. Kita harap jenayah indeks ini akan turun daripada semasa ke semasa dan kita doakan negara kita aman damai. Daripada jawapan lisan yang saya tanya sebelum ini, saya dapati bahawa indeks samun berkumpulan tanpa senjata api dan samun kumpulan dengan senjata api ini merupakan kumpulan jenayah yang tertinggi di negara kita.

■1040

Jadi, tadi saya melihat Yang Amat Berhormat menyebut ia ada hubungan juga dengan masalah perjudian dan sebagainya. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang telah menyebut negeri Kelantan tidak beri lesen judi sejak sekian lama. Itu merupakan satu tindakan yang baik untuk keselamatan dan kesejahteraan.

Soalan saya hendak tujukan kepada Yang Amat Berhormat saya tengok kedai malam, kedai yang dibuka larut malam sehingga lebih dari jam 12 malam, masih dibuka di sepanjang jalan di negara kita. Saya ingin tahu, adakah kedai-kedai ini mempunyai potensi atau saham secara tidak langsung kepada kegiatan jenayah dalam negara kita? Kalau kita lihat negara-negara barat, mereka menutup kedai pada awal malam dan kita dilanjutkan sampai pagi pun ada Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Kalau semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia di sana dan di sini, semua sikap dan pemikiran macam Ahli Yang Berhormat ini alangkah baiknya... *[Dewan ketawa] [Tepuk]*

Saya harap lain-lain wakil pembangkang bersikap seperti beliau supaya negara ini lebih aman. Untuk rumah makan ataupun restoran dipanggil restoran 24 jam. Saya ada penaungnya

di sini, restoran mamak yang beliau tidak faham yang saya ketika itu bercakap. Sekarang kita tengok [Ketawa]

Tidak ada kolorasi Yang Berhormat antara jenayah dengan restoran 24 jam, tidak ada kolorasi. Kalau berlaku pun ia merupakan kes-kes yang terpencil. Yang ada kolorasi yang cukup ialah soal obesiti. Obesiti ertinya tidak ada sesiapa pun yang obes di Dewan yang mulia ini. Kalau adapun sila tarik nafas lebih supaya tidak nampak obesiti itu. Ada kolorasi antara obesiti dengan restoran yang 24 jam itu tetapi daripada segi kadar jenayah tidak ada.

Namun di Kelantan, restoran itu menyebabkan kadar- ini bukan soalan Kementerian Dalam Negeri. Kadar kandungan gula dalam darah yang tertinggi ialah di Kelantan kerana orang Kelantan suka makanan yang manis dan restoran itu ada tetapi untuk jenayah, ia tidak ada kolorasi.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bertanya dan tidak bertanya. Mana-mana yang beragama Kristian, saya ucapkan *Merry Christmas* dan pada semua saya ucapkan Selamat Tahun Baru. Mudah-mudahan pada tahun mendatang, apabila kita bertemu lagi, saya harap ada dalam kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berpindah Dewan sama ada di peringkat nasional atau peringkat negeri. Terima kasih.

2. Dato' Sri Khairudin Samad minta Menteri Pertahanan menyatakan, apa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam menangani ancaman keselamatan dari luar yang mampu menggugat kedaulatan negara.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius isu keselamatan negara dan pelbagai usaha sentiasa diambil dalam memastikan kedaulatan negara akan terus terjamin daripada sebarang bentuk ancaman sama ada yang bersifat ancaman tradisional seperti peperangan atau konflik atau bukan tradisional seperti keganasan khususnya ancaman daripada kumpulan Daish, jenayah rentas sempadan, pencerobohan dan keselamatan siber.

Daripada aspek dalaman, ATM sentiasa mempertingkatkan kesiapsiagaannya dengan melaksanakan operasi *exercise* serta latihan, memperoleh maklumat perisikan dan menjalin kolaborasi antara agensi-agensi yang berkaitan. Seiringan dengan itu, pembangunan dan pengukuhan keupayaan ATM juga telah diberikan perhatian serius bagi memastikan setiap rancangan dalam Pelan Pembangunan Strategik Keupayaan ATM atau pelan 4D MAF atau *The Fourth Dimension Malaysian Armed Forces Planter*, capai.

Dalam konteks ini, ATM telah menentukan wujud keseimbangan antara pembangunan keupayaan baru dengan izin, *development of new capabilities* dan kesiapsiagaan angkatan, *forces readiness* menerusi langkah transformasi angkatan ke arah menjadikan ia sebagai sebuah angkatan yang versatil, berwibawa, responsif dan juga jitu. ATM telah melaksanakan peranannya secara berterusan melalui pelbagai operasi bersama yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM dan juga operasi gabungan yang melibatkan angkatan tentera negara-negara jiran.

ATM merupakan sebahagian daripada komponen pasukan khas yang ditubuhkan di bawah Majlis Keselamatan Negara bersama PDRM dan APMM yang dikenali sebagai *National Special Operation Forces* yang berperanan untuk menangani ancaman-ancaman khusus daripada pengganas seperti Daish.

Daripada aspek luaran pula, bagi tahun 2016, ATM telah terlibat di dalam 63 siri *exercise* gabungan yang dijalankan di dalam negara di peringkat serantau dan juga di peringkat global. Kerjasama pertahanan secara dua hala dan pelbagai hala di peringkat serantau dan global dilaksanakan melalui beberapa buah platform seperti mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN, Perjanjian Pertahanan Lima Negara atau *Five Powers Defence Arrangements* (FPDA), *ASEAN Regional Forum* (ARF) dan *Malacca Straits Patrol* (MSP). ATM baru-baru ini telah mengadakan dua *exercise* secara besar-besaran iaitu *Tigers Strike* bersama Amerika Syarikat di Pantai Timur Sabah dan *exercise* Aman Youyi bersama negara China di Paya Indah, Sepang, Selangor.

Mengenai perkongsian maklumat perisikan pula, ia dilaksanakan melalui beberapa forum seperti *Asia-Pacific Intelligence Chiefs Conference*, *ASEAN Military Intelligence Informal Meeting*, *Intelligence Exchange* dan *Analyze to analyze Intelligence Exchange* (ATAC).

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya, bagi menjamin dan memastikan tahap keselamatan di Selat Melaka dapat dikekalkan, ATM melalui program *Malacca Straits Patrol* telah dan akan terus bekerjasama rapat dengan negara-negara anggota iaitu Indonesia, Singapura, Thailand. Kerjasama ini amat efektif dan ia telah berjaya menentukan keselamatan perairan tersebut.

Bagi memastikan kedaulatan Pantai Timur Sabah terus terpelihara, inisiatif terkini kerajaan ialah kita dalam proses akhir perbincangan dalam membentuk rangka kerjasama keselamatan di Laut Sulu di bawah inisiatif *Trilateral Cooperative Corporation Arrangement* antara Malaysia, Indonesia dan Filipina. Usaha ini dilaksanakan kerana kita sedar ancaman keselamatan di lautan tersebut tidak mampu ditangani oleh sebuah negara sahaja.

Bagi menjalinkan kerjasama dan kesefahaman di antara negara-negara ASEAN dalam menangani ancaman kumpulan Daish pula, ATM bersama *Wasatiyyah Institute of Malaysia* telah menganjurkan *ASEAN Wasatiyyah Conference 2016* pada 22 hingga 24 November yang telah dihadiri oleh wakil-wakil dari negara-negara ASEAN serta pemerhati dari Arab Saudi yang telah menghasilkan resolusi bersama di mana pendekatan *wasatiyyah* yang dipelopori oleh Malaysia telah diakui sebagai salah satu kaedah terbaik bagi menangani gerakan ekstremis dan salah faham terhadap Islam yang sebenar.

Akhir kata, segala usaha yang telah dan sedang diambil ini akan dapat mengukuhkan sistem pertahanan negara dan sekali gus dapat memastikan agar keselamatan, kedaulatan serta kesejahteraan negara sentiasa terpelihara. Terima kasih.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kagumlah Menteri-menteri kanan datang dalam Dewan ini, bila bagi jawapan, merangkumi soalan tambahan macam ada ilmu yang mereka tahu kita hendak tanya apa selepas itu. Cuma saya berharap tadi Menteri Pertahanan sama juga macam Menteri Dalam Negeri, Yang Amat Berhormat tadi, umumkan hendak wataniahkan satu Dewan Negara tetapi tidak umum. Tidak mengumumkan jadi, kita mendoakan agar Yang Berhormat Menteri Pertahanan baik hati, selepas ini umum.

■1050

Ini kerana, saya melihat jawapan tadi sudah tepat cuma saya hairan kalau PATI ini boleh masuk dalam negara kita apa akan jadi kalau penjenayah ataupun mereka yang hendak mengancam keadaan negara kita ini boleh juga bolos. Dengan adanya Wataniah daripada- Ahli Dewan Negara yang diwataniahkan *insya-Allah* kita akan dapat membantu apa pandangan Menteri terhadap soalan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri itu cadangan sahaja.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pertamanya saya hendak mengesahkan hubungan saya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam hal ini cukup erat lagi dan saya setuju sangat dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat di mana pendekatan lautan biru di mana begitu mudah perubahan di antara KDN dan MINDEF dan hubungan ini akan diteruskan.

Jadi kalau sekiranya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri hendak merelakan Dewan, saya tidak ada pilihan untuk wataniahkan Dewan juga [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dalam perkara ini penting iaitu kita sedar bahawa meletakkan tanggungjawab dan amanah di bahu pihak-pihak berkuasa sahaja tidak mencukupi. Mata dan telinga di peringkat akar umbi di bawah sana penting. Apa yang menular di Berlin semalam apa yang berlaku kepada anggota keselamatan yang ditugaskan dan diamanahkan untuk menjaga pemimpin-pemimpin luar negara di Turki mengambil tindakan yang agak drastik menunjukkan bahawa landskap keselamatan dunia sekarang sudah pun berubah.

Oleh sebab itu kita tidak ada pilihan. Bukan sahaja bekerjasama di antara agensi-agensi yang telah pun ditugaskan dan diamanahkan untuk menjaga keselamatan tetapi pendekatan kita dengan akar umbi dan di bawah ini. Ini memerlukan kerjasama semua pihak dan wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membantu saya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana landskap baru ini menuntut kita untuk memikir di luar kotak-memikir cara bagaimana mereka sanggup melakukan apa sahaja bukan *traditional* yang kalau sebelum ini kita sudah biasa sekarang ini kaedah-kaedah yang kita tidak sangka boleh digunakan untuk menjejaskan keselamatan kita dan di peringkat pertahanan pula *the blurring of the lines between security and defense*, dengan izin, merupakan sesuatu yang banyak negara termasuk negara-negara yang lebih maju terkapai-kapai untuk mencari jalan penyelesaian.

Akan tetapi, kami berdua Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri beri jaminan kepada Dewan ini bahawa selagi kita memimpin, selagi Kerajaan Barisan Nasional merupakan memerintah dalam hal keamanan, keselamatan, pertahanan negara kita tidak akan sekali-kali berkompromi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada di kalangan Yang Berhormat ini bertulis lebih awal untuk soalan tambahan kerana mereka membuat keputusan semalam bila tengok soalan. So, saya kena beri keutamaan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa antara sebab saya diberi kerana saya baru empat hari dalam Dewan ini.

Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Pertahanan kerana hadir dalam Dewan dan juga saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri turut sama hadir. Pengalaman saya yang pertama dan saya hendak beritahu saya ucap tahniah dan syabas,

bersyukur kerana keselamatan negara luar dan dalam telah dijaga baik oleh kedua-dua Menteri ini. Terima kasih.

Soalan saya Dato' Seri apa langkah kementerian untuk menghadapi ancaman-ancaman alaf baru tanpa sempadan iaitu penyebaran fahaman *Islamic State*, dengan izin, atau pun IS di negara ini? Berapakah bilangan anggota Angkatan Tentera Malaysia yang berjaya dikesan serta apakah program-program yang dibuat oleh kementerian bagi menghalang fahaman ini meresap di kalangan anggota tentera? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Datuk Mus yang saya tahu dia sendiri pun tidak sangka Senator hari ini. Ini sebab baju dia pun baju lama tidak boleh berbutang [*Ketawa*] Akan tetapi, soalan tambahan itu begitu tepat sekali kerana mereka ini mengintai sama ada peluang dan ruang untuk mereka mengeksploitasi apa jua kelemahan yang wujud di negara kita.

Pertamanya, saya hendak tekankan di sini suka tidak suka kestabilan banyak berkisar kepada kesatuan kita dan dalam isu keselamatan dan pertahanan ada had dan batasan kita mempolitikkannya dan sebab itu di bawah kerajaan Barisan Nasional perkara-perkara yang disebut tadi memerlukan satu tindakan yang khusus Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi sebut tindakan yang diambil oleh pihak PDRM walaupun mungkin tidak popular mungkin melibatkan ada anggota kita sendiri.

Sama juga di MINDEF di mana anggota-anggota kita kalau sekiranya dikenal pasti terlibat kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka. Mengikut statistik bagi tahun 2014 dan 2015 seramai 14 orang anggota kita pun telah ditahan dan telah pun didakwa. *Alhamdulillah*, bagi tahun 2016 sehingga kini tidak ada anggota ATM yang dikesan cenderung atau terlibat dalam kegiatan keganasan ini dan tinggal beberapa hari lagi tahun ini marilah kita bersama-sama doakan bahawa keadaan itu berterusan.

Tindakan yang sedang kita ambil di MINDEF dinamakan *task force* Perisai Wira yang telah ditubuhkan pada tahun 2014 untuk melaksanakan operasi membanteras penglibatan anggota ATM dalam IS atau Daesh- *task force* ini merupakan gabungan komponen bahagian perisikan pertahanan dengan komponen perisikan perkhidmatan darat, laut, dan udara serta diperkukuhkan dengan penglibatan Kor Agama Angkatan Tentera.

Kini, kita sedang mengenal pasti punca anggota tentera terjebak dalam kegiatan militan IS atau Daesh. Keduanya, kita sedang mengadakan program pemulihan kepada anggota-

anggota kita yang terjebak dan sekarang ini kita juga sedang melaksanakan langkah-langkah *preventive* jangka panjang. Program ini akan diteruskan dan diperhebat tahun depan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi lagi amat berminat hendak bertanya soalan Menteri Dalam Negeri tadi. Kita beruntunglah dapat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang begitu *loyal*, setia kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita juga hari itu difitnah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri suruh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri letak jawatan. Lepas itu dinafikan, lepas itu baru ini suara KJ pula, lepas ini- inilah kerja pembangkang yang saya tidak sempat hendak tanya Menteri Dalam Negeri tadi.

Tuan Pengerusi: Tidak apa Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ya, saya ini Tuan Yang di-Pertua sebab berada di sempadan *duk round* sungai Golok saya tengok bila saya *round* dengan bomba baru ini- sempadan saya tengok cuma yang jaga sempadan ini askar sahaja. Kalau bolehlah hubungan Menteri Pertahan dengan Menteri KDN ini baik kalau boleh biar kolaborasi. Polis ada, *army* ada, RELA ada biar bersama sebab kita amat takutlah kalau penjenayah ini Daesh, IS ini masuk melalui Thailand. Kita cukup takut.

Jadi saya hendak biarlah ada kolaborasi antara- hubungan pun baik Menteri Dalam Negeri dan Menteri Pertahanan- biar polis pun ada, askar pun ada, RELA pun ada dan kalau oleh empat buah jabatan bersama untuk *round* sempadan. Ini sebab kita khuatir sebab bukan saya hendak kata integriti tidak ada integriti- bila saya tengok antara pos-pos tentera lebih kurang dua depa sahaja tetapi beras boleh lepas, lori satu malam.

■1100

Jadi kalau boleh biar ada kolaborasi di antara agensi itu di sempadan. Cuma, dia hendak berniaga beras itu biar dia berniagalah, tetapi saya takut masuk Daesh kah IS melalui Thailand, melalui Sungai Golok masuk ke Malaysia... [*Disampuk*] Daesh. Beras tidak apalah. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang ada kolaborasi dan mungkin kawasan yang Yang Berhormat Abdullah pergi itu mungkin kawasan yang telah pun di tugaskan kepada pihak tentera.

Akan tetapi saya juga setuju, melihat kepada perkembangan terkini, keselamatan di sempadan kita ini memerlukan sesuatu fokus. Lebih-lebih lagi apabila kita tengok jenayah-

jenayah yang merentasi sempadan bukan sahaja berada dia atas tanggungjawab dan juga tumpuan Kementerian Dalam Negeri, kerana rangkaian sama ada penyeludupan manusia, penyeludupan dadah senjata dan sebagainya juga boleh digunakan untuk pihak-pihak pengganas atau IS dan Daesh ini mengeksploitasikannya. Kedua, keuntungan yang dibuat daripada penyeludupan ini, kewangannya dan keuntungannya mungkin masuk ke *black economy*, dan kalau sekiranya tidak boleh masuk dalam ekonomi yang sebenar, akhirnya akan jatuh ke tangan pihak pengganas.

Ini menjadi kebimbangan kami berdua iaitu Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Pertahanan dan penekanannya, saya setuju, mungkin tahun depan kita boleh tengok secara lebih berfokus kepada keselamatan kita dan bagaimana agensi-agensi berkenaan dapat bekerjasama rapat. Bagi pihak MINDEF dan PDRM, saya boleh beri jaminan kepada Dewan ini, tidak menimbulkan masalah langsung. Cuma, apa dia ancaman, apa dia kelebihan yang ada kepada kita, apa yang perlu kita pastikan bahawa SOP yang kita wujudkan untuk pelbagai agensi ini dapat digerakkan senada, seirama untuk berdepan dengan musuh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini saya diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk mengalu-alukan kedatangan MIC Bahagian Kota Raja... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Kita beri tepukan gemuruh kepada mereka... [*Tepuk*]

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah menyentuh kepada ancaman *asymmetric* ataupun bukan tradisional. Apa perancangan Kementerian Pertahanan di dalam menangani ancaman *asymmetric* seperti ancaman siber, dengan izin, *cyber security*? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *Cyber security* di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedia maklum di bawah cawangan khas kita. Kita mempunyai kemampuan untuk melihat kepada *cyber security per se*. Namun di MINDEF, kita sedang melihat kepada *cyber defense* iaitu ancaman di mana ada pihak-pihak tertentu yang mungkin menyerang institusi-institusi dan juga kementerian-kementerian dan ini diletakkan di bawah BSPP, risik kita.

Saya boleh maklumkan kepada Dewan ini, sudah dua tahun kita bekerjasama rapat dengan pakar-pakar di dunia ini untuk mewujudkan kemampuan kita untuk berdepan dengan ancaman *cyber defense* ini. Tidak boleh saya ceritakan secara *details* tetapi percayalah bahawa ini telah difikirkan dua, tiga tahun sebelum ini, dan hujung tahun ini mungkin kemampuan kita

untuk berdepan dengan ancaman *cyber defense* atau *cyber attacks* ini mungkin di antara yang terbaik di rantau kita. *Insyaa-Allah*.

3. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, jumlah acara yang dirancang untuk dipertandingkan dalam Sukan SEA 2017, persiapan tempat atau *venue* pertandingan, aturan pertandingan dan urus setia pertandingan serta persediaan atlet negara dan komitmen persatuan-persatuan sukan bagi acara ini.

Menteri Belia dan Suka [Brig. Jen. Khairy Jamaluddin]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff bersekali dengan soalan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff yang juga pada hari ini 20 Disember kerana berkaitan dengan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 akan mempertandingkan sebanyak 38 jenis sukan yang melibatkan 405 acara setelah senarai tersebut diluluskan semasa Mesyuarat Persekutuan Sukan SEA yang telah diadakan pada 13 hingga 14 Julai tahun ini yang diadakan di Kuala Lumpur.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Sekretariat Kuala Lumpur 2017 juga telah mengadakan perjumpaan dengan semua 38 buah persatuan sukan kebangsaan pada bulan Oktober yang lepas bagi membincangkan segala aspek penting pengelolaan khususnya daripada segi teknikal seperti peraturan pertandingan, keperluan pegawai teknikal dan penetapan jadual pertandingan.

Jawatankuasa Pengelola Temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 yang dipengerusikan oleh saya juga telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima kali bagi memandu dan memantau pelaksanaan oleh 18 jawatankuasa kecil yang diberikan tugas dan peranan yang penting dalam menjayakan penganjuran yang terbaik Temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017.

Daripada segi persediaan atlet, KBS melalui Majlis Sukan Negara telah pun melaksanakan Program Kita Juara bermula pada bulan September 2015 iaitu program persediaan atlet ke arah Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program Kita Juara ini dilaksanakan dengan memberikan *empowerment* kepada persatuan sukan kebangsaan serta mewujudkan sebuah jawatankuasa kerja Majlis Sukan Negara dan persatuan sukan kebangsaan bagi setiap jenis sukan sebagai kaedah pemantauan program.

Program ini juga akan melalui tiga fasa latihan iaitu fasa pertama bermula September 2015 sehingga September 2016, fasa kedua baru sahaja bermula dari Oktober 2016 hingga Mac 2017, manakala fasa ketiga bermula April sehingga Ogos 2017. Sehingga kini, Program Kita Juara mempunyai seramai 892 orang atlet dan 139 orang jurulatih dari 38 jenis sukan untuk Sukan SEA.

Bagi memastikan sasaran untuk menjadi juara keseluruhan dicapai, Jawatankuasa Pengelola Temasya Sukan SEA telah pun memainkan peranan yang penting dalam menyediakan cadangan awal jadual pertandingan dengan mengambil kira penyertaan dan sasaran pingat atlet-atlet negara. Walau bagaimanapun, jadual ini hanya akan dimuktamadkan apabila Jawatankuasa Pengelola menerima senarai penuh penyertaan daripada negara-negara peserta pada bulan Julai tahun hadapan.

Majlis Sukan Negara yang bertanggungjawab sebagai persediaan atlet juga telah pun memberi tumpuan khusus kepada atlet-atlet yang mempunyai potensi untuk memenangi emas dengan membantu menyediakan lebih banyak pendedahan pertandingan, latihan, khidmat sokongan serta perkhidmatan sains dan perubatan sukan. Atlet-atlet juga akan melalui lebih banyak simulasi pertandingan semasa pelaksanaan fasa tiga Program Kita Juara untuk memastikan atlet negara dapat menyesuaikan diri dengan suasana pertandingan dan mempertingkatkan ketahanan mental mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu perhimpunan atlet fasa kedua Program Kita Juara akan bermula pada hari ini sehingga 22 Disember bertempat di Hotel Renaissance Kuala Lumpur iaitu penginapan rasmi kontinjen Malaysia sepanjang Sukan SEA. Perhimpunan atlet ini adalah bertujuan untuk menanamkan semangat *esprit de corps* di kalangan atlet, jurulatih, pegawai dan pengurus pasukan selain menyemarakkan lagi semangat kenegaraan yang tinggi kepada semua peserta. Pihak pengurusan kontinjen juga akan melakukan *dry run* pengurusan dan pentadbiran kontinjen Malaysia semasa perhimpunan atlet kali ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri memberi jawapan yang terperinci. Soalan tambahan?... Ada soalan tambahan, atau Menteri sudah ada jawab?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Ada, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Khairy Jamaluddin yang amat serius dalam memastikan kejohanan Sukan SEA 2017 berjalan dengan jayanya.

Sukan menyatukan semua rakyat tanpa mengira fahaman politik dan perbezaan pendapat.

■1110

Jadi bersempena acara penutup yang bakal diadakan menjelang sambutan ke-60 hari ulang tahun kemerdekaan negara, jadi soalan saya apakah rancangan yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi memastikan penganjuran Sukan SEA kali ini menjadi media penyatuan semua rakyat tanpa mengira ideologi politik. Agar signifikasi acara penutup Sukan SEA 2017 dijadikan acara yang hebat, yang gah, yang gilang-gemilang bagi membuktikan Malaysia kekal unggul sebagai negara berbilang kaum dan bangsa yang bukan sahaja bersatu tapi dapat mengekalkan kedaulatan negara selepas 60 tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan yang sangat-sangat penting tadi. Tarikh-tarikh yang dipilih untuk Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN sengaja dipilih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, untuk kita sama-sama dapat meraikan dua tarikh penting negara. Pertamanya, sudah pasti Hari Kebangsaan 31 Ogos, Sukan SEA akan bermula pada 19 Ogos dan akan tamat pada 31 Ogos. Pada waktu malam akan diadakan acara penutupan rasmi Sukan SEA.

Jadi mengikut perancangan kerajaan, setakat ini kita akan mengadakan majlis sambutan Hari Kebangsaan seperti biasa pada waktu pagi, dan pada waktu malam kita akan adakan acara penutupan rasmi Sukan SEA yang akan diselaraskan oleh KBS dan juga Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang akan menjaga sambutan Hari Kebangsaan pada waktu pagi.

Manakala bagi Sukan Para ASEAN pula, yang mana kita raikan pencapaian luar biasa daripada atlet para kita, ia akan diadakan satu hari selepas Hari Malaysia bermula pada 17 September hingga 23 September. Sudah pasti tarikh-tarikh ini semua diadakan secara dipilih oleh sengaja oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita menaikkan lagi semangat perpaduan, semangat patriotik dan untuk kita meraikan satu pencapaian yang hebat daripada atlet kita dan juga selaku tuan rumah bagi Sukan SEA.

Antara faktor yang boleh menarik minat rakyat untuk sama-sama hadir dan sama-sama kita menyemarakkan lagi sambutan majlis penutup Sukan SEA adalah sebenarnya, banyak bergantung pada kejayaan kontinjen kita muncul sebagai juara keseluruhan. Sebab itulah kita ada program "Kita Juara". Kita nak pastikan bahawa pada 30 Ogos bukan hanya kita sambut Hari Kebangsaan kita tetapi juga kita sambut Hari Kebangsaan kita dalam suasana yang

sangat-sangat cemerlang. Di mana kita raikan kemenangan keseluruhan kontinjen Malaysia dalam Sukan SEA.

Untuk rekod Dewan ini kali terakhir kita menjadi tuan rumah Sukan SEA pada tahun 2001 kita telah muncul sebagai juara keseluruhan, itu sebab kepimpinan menteri yang sangat cemerlang pada waktu itu, kebetulan dia ada di belakang saya [*Tepuk*] Dato' Seri Hishammuddin sekarang ini Menteri Pertahanan. Saya ada satu cabaran yang sungguh besar untuk memastikan bahawa dapat mengulangi pencapaian cemerlang yang telah di kecap oleh bekas Menteri Sukan, sekarang ini Menteri Pertahanan kita.

Kita juga akan menambahkan lagi semangat perpaduan bukan hanya melalui pencapaian sukan tetapi juga melalui barisan sukarelawan kita. Kita akan ada seramai hampir 20,000 orang sukarelawan yang akan bergiat aktif daripada sekarang, sedang menjalani latihan dan mereka ini akan menjadi antara penggerak bukan hanya sukan tapi penggerak penyatuan rakyat juga. Tema untuk Sukan SEA kali ini "*Bangkit Bersama*", kerana kita tidak mahu Sukan SEA ini hanya tertumpu pada sukan tetapi kita mahu seluruh negara kita bangkit bersama dengan Sukan SEA untuk melihat Malaysia cemerlang dalam temasya tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Datuk Zali.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah masih lagi kita berada dalam suasana kita bangga, kerana pencapaian di Sukan Olimpik kita dan juga Menteri sendiri telah pun berjaya mengangkat martabat terutama para atlet Paralimpik kita yang mana mereka mendapat ganjaran yang sama dengan atlet-atlet normal kita. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri... [*Tepuk*]

Seterusnya soalan saya ialah, apa langkah kementerian untuk pastikan atlet-atlet negara kita agar tidak terlibat dalam isu pengambilan dadah yang masih berlaku sehingga hari ini sama ada secara sengaja atau pun tidak sengaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Zali atas soalan yang penting itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah meletakkan satu dasar- *zero tolerance* untuk *doping* terutamanya menjelang Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN. Kita tidak mahu walaupun satu kes positif di kalangan atlet-atlet terutamanya atlet kebangsaan kita berlaku pada Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN. Ke arah itu kita telah meningkatkan lagi beberapa langkah awal untuk memastikan bahawa tidak akan ada sebarang kes *doping*.

Perkara ini menjadi lebih serius sebab baru-baru ini di Sukan Malaysia yang diadakan di Sarawak ada beberapa kes yang melibatkan atlet-atlet pelapis kita yang terlibat dalam *doping* dan setelah perkembangan itu diumumkan, telah minta supaya Agensi *Anti-Doping* Kebangsaan (ADAMAS), meningkatkan lagi tindakan pencegahan supaya kita dapat mengatasi masalah ini. Antaranya taklimat yang lebih kerap yang diberikan kepada atlet kita berkenaan dengan bahan-bahan yang dilarang oleh *World Anti-Doping Agency* (WADA).

Senarai ini penting untuk disampaikan kepada pihak atlet kerana ada di kalangan mereka yang telah mengambil beberapa buah bahan yang dilarang yang tidak diketahui dilarang oleh atlet tersebut. Walaupun itu bukanlah alasan kerana mereka menanggung *liability* ataupun tanggungjawab sepenuhnya ke atas apa saja yang mereka *consume* tetapi kita kena pastikan mereka memahami bahawa senarai ini adalah senarai yang telah diluluskan oleh badan antarabangsa *Anti-Doping*, dan senarai ini tidak boleh diubah.

Kedua, langkah untuk kita mengadakan ujian *doping* secara rawak yang saya telah arahkan dibuat daripada sekarang juga. Biasanya kita akan buat ujian *doping* sebelum temasya besar. Akan tetapi saya telah arahkan supaya kita buat *random doping test*, daripada sekarang juga dan kita tidak memberitahu atlet kita bila kita akan adakan *doping test itu* dan kita akan buat secara berperingkat, mengikut sukan dan sebagainya. Daripada beberapa bulan yang lepas, kita telah mengambil *sample urine* ataupun *sample* air kencing daripada mereka untuk diuji supaya mereka sentiasa memahami bahawa pemantauan sentiasa dibuat.

Ketiga melalui Majlis Olimpik Malaysia dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Kita minta supaya jurulatih dan pegawai juga dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku apa-apa kes *doping*. Soal bagaimana nak dipertanggungjawabkan pegawai-pegawai ini kita serahkan kepada persatuan sukan kebangsaan tetapi mesti ada satu usaha untuk kita melihat bahawa pegawai dan jurulatih yang menjaga anak-anak buah mereka itu ada tanggungjawab sekiranya ada terlalu banyak kes *doping* yang berlaku yang melibatkan anak-anak buah mereka yang mungkin terlalu muda ataupun mungkin dalam kes-kes tertentu hanya mengikut arahan sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili.

Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, adakah negeri-negeri diberi peluang untuk menghostkan beberapa acara Sukan SEA 2017? Dan kalau ada, bolehkah namakan negeri-negeri yang akan diberi peluang untuk menjadi *host* acara-acara yang akan diadakan pada sukan tersebut. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Sukan SEA kali ini, kebanyakan daripada sukan itu akan dipertandingkan di Kuala Lumpur, di Lembah Klang. Namun demikian, ada beberapa sukan disebabkan kemudahan yang spesifik perlu diadakan, ataupun dipertandingkan di kawasan yang di luar dari Lembah Klang, antaranya sukan pelayaran, ataupun *sailing*, dengan izin, yang kita adakan di Pulau Langkawi. Ini sebab kita ada Pusat Pelayaran Kebangsaan di Langkawi.

Kedua, sukan basikal yang diadakan di Nilai, Negeri Sembilan kerana di situ tempat *velodrome* nasional yang dibina khusus untuk *bicycle track*.

■1120

Ketiga ialah sukan *endurance* bagi sukan equestrian yang diadakan di Terengganu disebabkan di situ Pusat *Endurance* Kebangsaan. Itu keputusan yang dibuat kerana keperluan sukan dan keperluan lokasi. Pada awalnya kita telah mencadangkan untuk membawa beberapa sukan ke negeri-negeri lain seperti Sarawak dan Sabah. Namun apabila kita melihat kepada kos dan lebih penting lagi persetujuan daripada negara-negara lain yang terpaksa menanggung kos untuk memecahkan kontinjen mereka, pegawai mereka, teknikal mereka dan sebagainya, maka sekretariat telah buat keputusan untuk mengadakan pertandingan sukan ini, kebanyakannya di satu buah tempat sahaja.

Namun demikian, saya harap apabila kita sekali lagi menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA, apabila giliran kita muncul sekali lagi mungkin kita boleh usulkan untuk mengadakan Sukan SEA sepenuhnya di kawasan yang di luar dari Kuala Lumpur, mungkin di negeri lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada juga soalan? Silakan.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: *Mike, mike.*

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein selaku Menteri Pertahanan. Hendak mengucapkan tahniah ramai sudah cakap tahniah tentang Olimpik dan sahabat saya dari Melaka juga sudah mengucapkan tahniah, Olimpik dan juga Paralimpik walaupun ada sukan-sukan yang menjunam sekali, terutama bola sepak dan juga hoki. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri agar dapat membuat sesuatu supaya melonjakkan balik sukan bola sepak dan juga hoki.

Jadi soalan *doping* pun sahabat saya sudah bertanya, hanya satu sahaja. Tahun 2015 Sukan SEA, saya terlibat secara langsung dalam satu acara sukan. Ini soalan saya, masalah sukarelawan. Saya lihat di Singapura yang saya terlibat secara langsung memang begitu tip top sekali dengan izin. Jadi saya harap sukarelawan yang di negara kita akan menjadi tuan rumah Sukan SEA 2017 dan diharap kita akan menjadi johan keseluruhan. Jadi untuk menjaga imej negara kita, sukarelawan ini, adakah langkah-langkah untuk mengadakan kursus. Mungkin sukarelawan ini ramai, mungkin 1,000 lebih atau 2,000, jadi mereka merupakan duta-duta kita untuk negara-negara di Sukan SEA. Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya sangat setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat. Saya pun hadir pada 2015 di Singapura dan saya melihat penganjuran mereka baik terutamanya daripada segi pengendalian pasukan sukarelawan mereka. Oleh sebab itu saya banyak memberi fokus kepada persediaan barisan sukarelawan kita yang pendaftarannya telah bermula dari tahun lepas sehinggalah sekarang kita masih lagi membuka tempoh pendaftaran bagi sukarelawan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita akan adakan dua fasa latihan bagi sukarelawan kita. Fasa pertama sedang bermula dan pengendali bagi kursus latihan sukarelawan kita adalah Universiti Kebangsaan Malaysia. Kita telah melantik Universiti Kebangsaan Malaysia yang ada pengalaman dalam bidang latihan sukarelawan ini sebagai rakan untuk membantu kita memberi latihan.

Fasa pertama latihan umum kepada sukarelawan kita daripada segi tugas, tanggungjawab Sukan SEA dan sebagainya dan fasa kedua yang akan diadakan pada tahun depan latihan khusus untuk sukarelawan kita. Jadi kita akan pecahkan sukarelawan kita mengikut tugas-tugas spesifik. Contohnya keselamatan, logistik, penginapan ataupun sukarelawan yang ditugaskan kepada VIP, orang kenamaan dan sebagainya dan kita memberi latihan khusus kepada mereka.

Kedua untuk makluman Yang Berhormat kita ambil kepelbagaian daripada segi latar belakang sukarelawan kita. Biasanya sukarelawan kita ini kita selalu tengok adalah orang muda sahaja tetapi kali ini kita menggalakkan supaya sukarelawan ini bukan hanya tenaga muda yang sudah pasti ada tenaga yang banyak tetapi dipimpin oleh sukarelawan yang berpengalaman.

Jadi kita jemput pesara-pesara kerajaan, bekas guru dan sebagainya untuk turut terlibat sebab saya tengok di Singapura bukan hanya orang muda tetapi yang ada bersama dengan mereka, yang memberi bimbingan kepada mereka di lokasi-lokasi pertandingan sukarelawan

yang berpengalaman. Jadi kita cantumkan tenaga muda dengan orang yang berpengalaman, *insya-Allah* kita akan melihat barisan sukarelawan yang terbaik bagi Sukan SEA kali ini.

4. Datuk Haji Abidullah bin Salleh [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, perancangan berimpak besar yang telah diambil atau dirancang bagi orang luar bertambah tertarik dengan keistimewaan dan kelainan yang ada di Malaysia justeru menambah lagi bilangan pelancong ke dalam negara kita.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bagi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia kami merancang dan juga melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak besar bagi menarik lebih ramai lagi pelancong asing ke negara kita terutama daripada pasaran negara China. Negara China juga merupakan pasaran terbesar dunia bagi pelancong *outbound* dengan bilangan seramai 128 juta orang pada tahun 2015 yang melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak USD292 bilion. Bagi negara kita pasaran China merupakan pasaran ketiga terbesar dengan peningkatan perbelanjaan per kapita secara konsisten sebanyak empat peratus setiap tahun.

Antara inisiatif yang sedang dan juga yang telah kami lakukan adalah bagi menarik pelancong dari luar negara khususnya daripada pasaran negara China adalah pertama, menjalinkan kerjasama dengan pengusaha *E-commerce* terbesar di China iaitu Alibaba dengan melancarkan *Malaysia Tourism Pavilion* (MTP) di dalam Alitrip yang menghubungkan pengusaha pelancong Malaysia kepada pelancong China. Usaha pemasaran *online* juga ini dilancarkan dengan mengambil kira trend pemasaran masa kini. Platform ini dijangkakan dapat meningkatkan jualan program-program percutian ke Malaysia di mana Alibaba Group ini mempunyai lebih kurang 500 juta orang pengguna berdaftar dan lebih daripada 100 juta orang pengguna di dalam portal pelancongan Alitrip.

Kedua, bagi meneruskan kempen pengiklanan domestik dan juga antarabangsa yang merangkumi semua jenis media cetak, media elektronik, media luaran, *billboard* dan juga *new media* khususnya secara digital dan juga *online*.

Ketiga, memperbanyakkan kerjasama pintar dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan juga badan-badan korporat. Kesemua inisiatif ini dijangkakan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong luar terutama bagi pasaran negara China dan seterusnya memacu pertumbuhan sektor pelancongan dan kebudayaan dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, apa langkah pihak kementerian dalam memastikan industri getah memperoleh kesinambungan ekonomi ekoran persaingan dengan getah sintetik.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2015, industri hiliran getah Malaysia menggunakan 890,000 tan getah di mana 47 peratus daripadanya getah tiruan (SR) dan baki sebanyak 53 peratus adalah getah asli (NR). Daripada jumlah getah tiruan sebahagian besar 80 peratus merupakan getah *nitrile butadiene* (NBR) yang kebanyakannya digunakan untuk membuat sarung tangan *nitrile*. Perubahan dalam nisbah tidak didorong oleh penurunan dalam penggunaan getah asli tetapi disebabkan oleh pertumbuhan penggunaan getah *nitrile butadiene* yang lebih pesat. Ini disebabkan oleh penukaran dalam pengeluaran sarung tangan lateks kepada sarung tangan *nitrile* disebabkan peningkatan dalam permintaan.

Hampir 68 peratus daripada permintaan global terhadap sarung tangan datang dari negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun iaitu yang memihak kepada sarung tangan *nitrile*. Selain itu terdapat faktor-faktor lain penyumbang kepada penurunan penggunaan getah asli dalam negara termasuk pertumbuhan marginal dalam jualan atau eksport produk getah kering. Secara keseluruhannya getah tiruan bukan merupakan pesaing kepada getah asli kerana kedua-dua jenis getah saling melengkapi antara satu sama lain dalam menghasilkan produk-produk getah yang berkualiti tinggi.

Permintaan bagi getah asli dalam pengeluaran tayar, komponen automotif dan barangan getah perindustrian di dapati telah berkembang selari dengan permintaan penduduk dunia dan senario ini menjamin permintaan terhadap getah asli adalah berterusan. Terima kasih.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima Yang Berhormat Menteri yang datang menjawab. Soalan saya, melalui kesan langsung pada harga getah asli kita berbanding dengan getah sintetik. Apa yang kita tahu hari ini, harga semasa getah asli di negara kita naik RM4 lebih sekilo. Ini bagi manfaat kepada semua pekebun, pekebun kecil mahupun estet. Bila mana harga minyak mentah minyak dunia menurun, mereka ini beralih daripada getah asli kepada getah sintetik kerana ia lebih murah.

Apa kesan langsung dengan penurunan harga minyak dunia mengakibatkan harga getah juga turun.

Keduanya, apa langkah selain daripada produk yang disebutkan tadi sarung tangan, mungkin yang lain perubatan contohnya, ada di kebanyakan getah lateks ini digunakan untuk buat kondom contohnya. Ini permintaan yang cukup tinggi.

Mereka ini lebih berminat kepada getah tiruan ataupun sintetik ini kerana senang didapati, harganya murah. Jadi, apa tindakan kementerian bagi kita membendung atau mengawal harga yang mana pekebun-pekebun kecil hari ini baru sahaja dapat menikmati dengan harga yang bagus dalam tempoh dua, tiga minggu ini. Adakah ia dapat kita langsunikan sehingga harga ini dapat menampung kos sara hidup mereka yang terutamanya penoreh-penoreh getah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya penggunaan SR ataupun *synthetic rubber* ini, dia hanya tertumpu kepada pembuatan sarung tangan dan juga kondom. Selain daripada itu, *synthetic rubber* ini digunakan bersama dengan *natural rubber*. Contohnya tayar ini digunakan bercampur sintetik dengan *natural rubber*. Demikian juga lain-lain penggunaan. Jadi, maksudnya di sini ialah lateks *base products*. Hasil-hasil ataupun produk-produk dihasilkan daripada lateks hanya sarung tangan sahaja dan juga lateks tidak banyak dia punya hasil. Jadi tidak bersaing, malahan ada syarikat-syarikat yang mengeluarkan sarung tangan menggunakan natural atau menggunakan *synthetic rubber* juga ada menggunakan juga, menghasilkan juga sarung tangan menggunakan lateks ataupun *natural rubber*.

Jadi sebenarnya dia tidak bersaing. Itu sebabnya kita tidak begitu risau tentang harga minyak tanah ataupun petroleum telah turun, sebabnya hasil-hasil lain ataupun produk-produk daripada *dry rubber* itu semuanya dicantum, digabung semula *synthetic rubber* dengan *natural rubber* digabungkan untuk menghasilkan produk-produk ini. Jadi ia sebenarnya tidak bersaing. Jadi, tadi ada pertanyaan berhubung macam mana kita boleh membantu pekebun-pekebun kecil yang sekarang ini menikmati harga getah yang cukup naik RM8.90 bagi SMR.

Sebenarnya kerajaan telah menghasilkan, mewujudkan satu sistem yang dinamakan IPG. IPG ini dinamakan insentif pengeluaran getah. Sistem ini di mana paras harga yang ditetapkan ialah RM5.50 bagi 1 kilogram SMR, RM5.50 bagi SMR dan RM2.20 bagi *cup lump*. Ini harga paras. Kalau diturunkan daripada RM5.50, maka kerajaan akan bayar selebihnya. Ini sistem IPG, demikian juga bagi *cup lump*. Kalau dia turun daripada RM2.20, maka dia akan dibayar oleh kerajaan. Kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta bagi tahun 2016 dan RM250 juta untuk tahun 2017. Untuk tujuan ini untuk mengimbangi, jadi tidak ada masalah.

Sekarang ini IPG tidak berkesan, tidak berfungsi sebab harga di paras yang tinggi RM8.90 kalau tidak silap saya pada kelmarin dan juga harga *cup lump* RM3 lebih juga harga kelmarin.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi dia tidak jadi tidak ada masalah. Kalaupun harga itu turun kerajaan akan bantu. Sekarang ini dia harga tinggi, jadi kerajaan tidak perlu membantu. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila ada soalan lain. Tidak ada dan saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul.

6. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Pendidikan menyatakan, penglibatan guru dan pemegang adat kaum dari Sabah dan Sarawak sebagai panel penilai buku teks untuk mengelakkan terdapatnya unsur-unsur negatif dalam penulisan buku teks melibatkan kaum orang asal di kedua-dua negeri itu.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul atas soalan.

Sebelum itu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi, juga Timbalan Yang di-Pertua kerana baru-baru ini telah pun mengizinkan dua Ahli Dewan Negara Yang Berhormat Senator Puan Shanim dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Norliza untuk melibatkan diri dalam mesyuarat *Commonwealth Parliamentary Acquisition* yang mana kita telah berjaya calon kita Yang Berhormat Ahli Parlimen Parit Sulong telah berjaya memenangi pemilihan jawatan *Commonwealth Women Parliamentary Chair Person*. Ini merupakan satu kejayaan yang begitu kita megahkan. Ini merupakan satu pengiktirafan negara-negara Komanwel terhadap pimpinan negara. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara.

Yang Berhormat, untuk menjawab soalan penulisan buku teks melalui proses semakan dan kawalan mutu oleh Jawatankuasa Penilaian, Pemantapan dan Pemurnian yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Jawatankuasa ini terdiri daripada pensyarah dari universiti awam dan juga institut pendidikan guru (IPG) guru-guru cemerlang yang berlatarbelakangkan opsyen setiap mata pelajaran serta melibatkan wakil-wakil pelbagai kaum dan zon termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Sebagai contoh, kita ada tiga buah Jawatankuasa, dalam jawatankuasa ini contoh jawatankuasa pertama- jawatankuasa penyemakan pruf muka surat yang mana terdapat 7 ahli

dan daripada 7 ahli yang ada dalam jawatankuasa ini, dua seorang wakil guru dari Sabah iaitu Puan Lahdanitah binti Harun dan juga seorang wakil guru dari Sarawak Puan Norhidayati Lo binti Abdullah.

Manakala dalam jawatankuasa penyemakan naskhah sedia kamera (NSK) 7 orang wakil dan daripada 7 orang wakil itu 3 iaitu pengerusi dari Sabah iaitu Profesor Madya Dr. Bil Charmallah dari Universiti Malaysia Sabah, kepakaran dalam sejarah berkaitan Sarawak dan juga Sabah; Dr. Maureen De Silva dari Universiti Malaysia Sabah, kepakaran dalam sejarah berkaitan Sabah dan berasal dari Sabah juga; manakala seorang guru cemerlang dari Sabah Encik Hamid bin Awang dari SMK Datuk Pengiran Galpam Sandakan, Sabah.

Manakala dalam Jawatankuasa Panel Pakar Rujuk Kurikulum dan Buku Teks Sejarah KPM, terdapat 6 orang pakar rujuk. Daripada 6 orang pakar rujuk ini seorang dari Sabah iaitu Profesor Dr. Ismail bin Ali dari UMS; dan juga dari Sarawak Datuk Dr. Haji Sanib bin Said dari Unimas. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk P. Kamalanathan. Sila.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri saya memang faham bahawa ada jawatankuasa yang ditubuhkan dalam penulisan buku-buku teks bagi kegunaan pelajar-pelajar kita.

■1140

Saya akui, dan saya juga selaku bekas pensyarah terlibat dalam beberapa pro forma dan membuat kurikulum di peringkat IPG pada satu ketika dahulu.

Kemusykilan saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berdasarkan kepada rungutan-rungutan di pihak bawah di mana ramai yang mengatakan bahawa terdapat ketidakefisienan dalam fakta-fakta yang disampaikan oleh penulis-penulis buku teks. Kita maklum Sabah Sarawak, contohnya di Sabah sahaja- Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup ada di sini dari Sabah- memang mengakui bahawa kita ada ramai etnik, subetnik dengan budaya mereka masing-masing.

Saya kemukakan di sini iaitu apakah usaha kementerian bagi memperbaiki fakta-fakta yang sebenar? Walaupun saya difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ada jawatankuasa yang dibentuk dan ada juga jawatankuasa yang mewakili, tetapi mungkin tidak menyeluruh untuk mewakili kaum-kaum ataupun sub-sub etnik yang lain.

Malah, satu laporan polis contohnya, dibuat oleh Persatuan Murut Sabah kerana fakta yang tidak betul dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan 1 yang mengatakan bahawa sebelum

seseorang mayat kaum Murut ini dikebumikan, mayatnya akan dibakar. Ini bercanggah dengan budaya kita dari suku kaum Murut di negeri Sabah.

Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri agar jawatankuasa yang dibentuk pada masa akan datang akan melibatkan pengamal-pengamal adat dari negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas. Kami memang megah atas pencapaian Yang Berhormat, bekas pensyarah IPG yang bersama kita di Kementerian Pendidikan Malaysia, masih bersama dalam jiwa beliau untuk menyelami isu-isu pendidikan bersama-sama kita. Kita ucap terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita ambil maklum tentang laporan polis yang telah dibuat dan kita juga sedar ada fakta yang tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, buku yang telah digunakan pada masa itu tidak lagi digunakan lagi. Malah sebenarnya tahun itu merupakan tahun terakhir buku itu dipakai guna dan mulai tahun hadapan, buku itu tidak akan dipakai guna. Kita telah membuat semakan semula dalam buku-buku tersebut.

Yang Berhormat, untuk Kementerian Pendidikan Malaysia melibatkan semua wakil suku kaum di Sabah dan juga Sarawak agak payah kerana menurut sumber Jabatan Penerangan Negara, kita mempunyai lebih kurang 32 suku kaum etnik di Sabah dan di Sarawak ada 28 suku kaum. Mahupun wakil-wakil kaum dan etnik dari seluruh negara yang mewakili, ada 80 suku etnik atau suku kaum.

Begitu juga di Semenanjung Malaysia, juga terdapat pelbagai etnik dan keturunan. Sebagai contoh, di Negeri Sembilan sahaja mempunyai sembilan orang Ketua Adat yang dibahagikan mengikut daerah.

Namun begitu, Yang Berhormat, untuk mengatasi isu ini, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil langkah berhati-hati dan akan mendapatkan nasihat dan kepakaran daripada pihak-pihak atau kaum-kaum yang berkaitan jika diperlukan bagi mengesahkan fakta sebelum diterbitkan. Kita terbuka. Apabila kita mendapat nasihat- Yang Berhormat Menteri juga banyak memberi nasihat kepada kita Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, Yang Berhormat Dewan Rakyat, guru-guru, PIBG, cikgu-cikgu. Apabila mereka mengenal pasti fakta-fakta ini, mereka akan berkongsi maklumat. Kita sentiasa terbuka mendapat pandangan-pandangan ini. Hasrat kami ialah untuk sekiranya ada fakta-fakta yang

tidak benar, kita akan adakan satu proses untuk menyemak semula dan membetulkan, sekiranya fakta itu memang tidak benar, dengan merujuk kepada pakar-pakar kaum dan adat.

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Saya hendak bertanya sedikit tentang pendidikan peribumi di Semenanjung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah sejauh manakah perkembangan pelaksanaan bahasa Semai dan penyediaan Buku Teks Bahasa Semai sehingga hari ini? Sekian, terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat Senator, terima kasih atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan soalan asal dengan soalan tambahan ini tidak ada kena-mengena, saya boleh memberi jawapan ini secara terperinci secara bertulis untuk Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

7. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Perdana Menteri menyatakan, apa status perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini memandangkan terdapat ketegangan antara kaum dan adakah kerajaan akan kaji untuk menubuhkan semula Kementerian Perpaduan Negara untuk mengatasi masalah perkauman di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat berbilang kaum, budaya dan bangsa di negara ini sememangnya mempunyai tahap penerimaan dalam kepelbagaian. Namun, kadangkala timbulnya juga perbalahan dan pertelingkahan di kalangan masyarakat kita.

Mengikut seorang profesor tempatan, Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA) di Universiti Kebangsaan Malaysia yang memperkenalkan konsep kesepaduan sosial di Malaysia menjelaskan bahawa tahap hubungan kaum di Malaysia berada dalam tahap ketegangan yang stabil atau, dengan izin, *stable tension*.

Apa yang dimaksudkan sebagai ketegangan yang stabil adalah apabila kita dapat melihat secara keseluruhannya rakyat boleh terus hidup secara aman dan harmoni walaupun kadangkala terdapat pertelingkahan yang kecil melibatkan kumpulan tertentu. Walaupun wujud pertengkar kecil, namun ia berjaya diselesaikan dengan segera melalui proses perundingan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we talk conflict, but we walk cohesion*.

Malah, negara Malaysia juga adalah antara sebuah negara yang paling aman jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Menurut Laporan Indeks Keamanan Sedunia

atau *Global Peace Index*, pada tahun 2016, tahun ini, Malaysia berada di kedudukan kedua sebagai sebuah negara paling aman di rantau ASEAN.

Pemantauan dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui instrumen Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) pula mendapati bahawa fenomena ketegangan di kalangan kelompok masyarakat masih berada di tahap stabil dan terkawal. Nilai IKM telah menurun kepada 9.6 kes per sejuta orang penduduk pada tahun 2015 berbanding dengan 14.1 kes per sejuta orang penduduk pada tahun 2014.

Menyentuh berkaitan dengan patriotisme terhadap negara, melalui kajian Indeks Patriotisme Negara 2015, Biro Tatanegara atau BTN melaporkan bahawa tahap patriotisme rakyat Malaysia menghampiri tahap yang sangat baik dan tinggi iaitu 4.19 daripada skala 5.0.

■1150

Kesemua ini Tuan Yang di-Pertua merupakan petunjuk dan kajian yang begitu jelas sekali menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, rakyat Malaysia pelbagai kaum dapat hidup bersatu padu dan sekali gus berjaya meningkatkan tahap patriotisme. Saya ingin memetik- tetapi sebelum itu saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat Senator untuk menubuhkan semula Kementerian Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi mengatasi masalah perkauman di Malaysia. Saya berkeyakinan bahawa cadangan ini diambil perhatian oleh kerajaan untuk pertimbangan. Kembali kepada apa yang saya katakan tadi itu untuk memetik kata-kata Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri kelima.

Ini saya petikkan apa yang beliau cakap. *“Sesungguhnya segala kejayaan yang dicapai hari ini ditunjangi oleh usaha dan pengorbanan pejuang-pejuang kita yang terdahulu Tunku Abdul Rahman telah berjuang bagi mencapai kemerdekaan. Tun Abdul Razak berusaha gigih bagi membawa pembangunan. Tun Hussien Onn memerah keringat bagi memupuk perpaduan rakyat dan Tun Dr. Mahathir Mohammad telah menentang arus bagi mencipta pemodenan. Mereka sebagai pemimpin kita bersama rakyat sekalian telah membawa Malaysia ke tahap yang berada pada hari ini. Semua ini berlaku oleh sebab perpaduan sentiasa dipelihara oleh kerajaan.”*

Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pula berkata, bahawa perpaduan nasional di negara ini hanya akan benar-benar bermakna jika tiada rakyat yang terpinggir. Pembinaan negara bangsa bukanlah suatu proses yang mudah yang memerlukan persefahaman, tolak ansur dan yang paling utama komitmen serta pengorbanan

yang tinggi. Ini semua menunjukkan bahawa perpaduan ini merupakan tanggungjawab kita semua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Sila soalan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk tanya soalan yang kedua.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang keterangan yang diberi. Akan tetapi, malangnya saya tidak begitu yakin bahawa jawapan itu benar-benar mencerminkan keadaan yang sebenarnya kerana kalau kita rujuk kepada keadaan di negara ini sekarang, kita mendapati bahawa ketegangan kaum itu memang ada. Tidak kisahlah kalau kita rujuk kepada kajian yang dijalankan oleh sarjana ataupun ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin. Dan perpecahan itu dapat dicerminkan melalui soal ekonomi, soal kepentingan bangsa masing-masing, soal sosial, soal pendidikan dan soal agama.

Takkanlah kita hendak tutup mata tentang perkara-perkara seperti ini yang telah menonjol? Kita boleh berpegang kepada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin kita. Saya berharaplah itu bukan hanya retorik. Akan tetapi bagi saya, saya rasa jika kerajaan tidak bertindak secara positif untuk mewujudkan satu buah badan yang akan cuba mengatasi masalah perkauman, sudah akan sampai pada satu masa kita akan menghadapi banyak masalah. Misalnya di Sabah dan Sarawak ada pergerakan yang hendak pisahkan Sabah dan Sarawak daripada negara Malaysia kerana ada kelompok-kelompok di Sabah dan Sarawak yang menganggap bahawa mereka dilayan seperti *third class citizen*.

Baik, saya telah membuat cadangan kalau boleh kita wujudkan semula *Department of Nationality*. Kalau kerajaan enggan berbuat demikian, apa salahnya kalau kita terima cadangan-cadangan daripada individu-individu yang terkemuka untuk mewujudkan satu NCC yang kedua kerana kita jangan lupalah selepas peristiwa 13 Mei ada NCC yang ditubuhkan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah menimpa negara ini. Maka pada hari ini memang ada masalah-masalah yang begitu banyak. Kita tidak boleh pejam mata kata, "*it doesn't exist*", dengan izin. Maka kalau boleh saya hendak cadangkan timbanglah cadangan saya untuk wujudkan NCC yang kedua. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya suka pertanyaan itu. Akan tetapi saya bercakap sebentar tadi, saya akui sememangnya ada pertelingkahan di antara kaum ini tetapi yang amat penting langkah-langkah yang kita ambil untuk mengatasi ini ialah kita sentiasa memantau ini. Kita lihat supaya perkara yang berlaku seperti ini tidak mencetuskan

sesuatu yang setiap hari membesar sehinggalah ia menjadi nasional. Kita dapat meredakan semua ini. Ini yang perlu kita buat dan ini yang sentiasa kita buat.

Sementara di dalam negara ini, di mana ada manusia atau di mana negara yang tidak ada sedikit sebanyak pergaduhan. Kita berterima kasih kepada kerajaan oleh sebab kerajaan kita prihatin sekali tentang ini. Saya telah menyentuh, saya telah memetik kata-kata pemimpin-pemimpin terdahulu walaupun mungkin ada timbul sesuatu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Maka saya ulangi apa yang saya cakapkan sebentar tadi bahawa ini tanggungjawab kita semua. Jangan pula bila kita mendengar apa yang berlaku di antara satu dengan yang lain, kita guna itu sebagai isu politik untuk *to get the political mileage*. Semua ini ialah tanggungjawab kita untuk mengamankan bagi melihat supaya negara kita ini terus maju ke hadapan. Nilai perpaduan Yang Berhormat amat baik sekali. Kita tidak boleh kira sebenarnya nilai perpaduan ini.

Tentang cadangan NUCC kedua ini, saya ingin beritahu kepada Dewan yang mulia ini, NUCC yang kita tubuhkan baru-baru ini hanya diberikan satu tugas yang spesifik untuk menjalankan kajian, untuk mewujudkan satu *master blueprint*, untuk memantau, menjaga perpaduan pada keseluruhannya untuk mengenal pasti isu-isu, *the core issues* terutama dari sudut agama, terutama daripada perkauman dan daripada inklusiviti bagi kita untuk adil membahagi-bahagikan pembangunan ekonomi. Oleh sebab mereka sudah *already produce a master blueprint*, jadi perlu bagi kerajaan untuk membuat satu tindakan untuk melaksanakan itu. Jadi, ini pun sudah siap, hanya sekarang saya hanya menunggu kelulusan daripada pihak kerajaan untuk melaksanakan pelan tindakan itu. Ia merentasi semua. Mungkin Yang Berhormat pun juga terlibat dalam perkara ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sedikit keterangan. Yang saya timbulkan baru tadi bukan NUCC tetapi NCC. NCC ini amat berbeza daripada NUCC. Kalau kita rujuk balik selepas peristiwa 13 Mei, NCC ini didirikan dan merangkumi semua kelompok, semua pihak untuk bincangkan masalah-masalah yang dihadapi bukan NUCC yang hanya ditubuhkan oleh kerajaan untuk *blueprint* semua yang selalunya tidak dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Baik terima kasih Yang Berhormat. Itulah yang saya maksudkan sebentar tadi itu. Ini merupakan mungkin selepas kejadian ini, mungkin ada satu undang-undang yang akan digubal bagi kita untuk berbincang untuk merangkumi semua. Ini mungkin lebih lagi komprehensif daripada yang sudah-sudah.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih banyak Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebelum saya... [*Seorang Ahli bangun*] Ya, sekejap.

■1200

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua boleh sekejap? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan dalam isu perpaduan negara. Saya ada satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri, sejak kita capai kemerdekaan adakah kita telah berjaya membentuk sebuah bangsa Malaysia? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang begitu kompleks sekali. Akan tetapi bagi saya, saya amat berbangga sekali oleh sebab setiap mana kita pergi di luar negara atau di mana-mana *we always refer ourselves as Malaysian*. Di dalam sekarang ini pun, sekarang ini juga kita cadang, Yang Amat Berhormat sendiri pun telah mewujudkan satu falsafah 1Malaysia. Ini bukan senang. *I know, you know is not easy to build church*. Kalau saya tidak silap negara China mengambil *thousands of years to refer themselves as Chinese*. Walhal di bawah itu ada etnik-etnik yang lain. Begitu juga dengan ini, *this process is ongoing answers is complex. If you want make to answer whether we succeed or not I cannot answer right now*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan bahawa selepas itu sebelum saya pergi kepada soalan nombor lapan dimaklumkan siapa hendak mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela Sabah 2016 tolong serahkan nama kepada saya secepat mungkin. Silakan.

8. Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, baru-baru ini, polis telah berjaya menumpaskan sindiket pengemis di Perak yang melibatkan realiti isu pengemis warga asing, pengemis sindiket dan gelandangan. Para pengemis di sebalik sindiket haram mempergunakan sikap belas kasihan orang Malaysia untuk mengaut keuntungan yang cukup tinggi dan kegiatan ini perlu dihentikan. Apa langkah yang telah kerajaan ambil dalam menangani isu ini dengan lebih tegas.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu pengemisan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil pendekatan secara menyeluruh iaitu holistik dengan penglibatan pelbagai agensi. KPWKM akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini

bagi memastikan aktiviti pengemisan dapat dikurangkan. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan operasi menyelamatkan pengemis berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 3, Akta Orang-orang Papa 1977.

Bagi aktiviti pengemisan secara sindiket adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia yang bertindak di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007. Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan sindiket pengemisan disarankan untuk melaporkan kepada PDRM bagi membolehkan PDRM mengambil tindakan.

Kementerian melalui JKM dengan kerjasama pelbagai agensi telah menjalankan langkah-langkah seperti berikut bagi menangani isu pengemisan.

Pertama, menjalankan operasi bersepadu, berjadual dan *ad-hoc* ikut aduan. Antara agensi yang terlibat dalam operasi bersepadu Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan.

Dalam operasi bersepadu ini, setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa agensi. Dari Januari hingga ke Jun 2016 JKM telah menjalankan 1,612 operasi pengemis dan seramai 1,275 orang pengemis telah diselamatkan melibatkan 435 orang pengemis warga asing dan 840 orang pengemis tempatan.

Selain JKM, Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh mengambil tindakan terhadap pengemis. Kuasa ini termaktub di bawah seksyen 1, Akta Orang Papa 1977 yang menyatakan mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan dan yang bertindak di bawah arahan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kebajikan masyarakat boleh mengambil ke dalam jagaannya mana-mana orang papa dan mengemukakan orang itu ke hadapan seorang Majistret dalam tempoh 24 jam.

Pihak PBT melalui undang-undang kecil mereka boleh juga mengambil tindakan bersesuaian dalam membanteras isu pengemisan dari terus berleluasa di kawasan pentadbiran masing-masing. Mengadakan kempen kesedaran dan pencegahan pengemisan melalui media cetak dan media elektronik, melalui kempen ini poster, stiker dan pamflet dengan slogan "*Bijak Membantu, Elak Tertipu*" telah diedarkan kepada orang awam melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Kempen bertujuan menerapkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat bahawa aktiviti mengemis menyalahi undang-undang. Oleh itu masyarakat perlu bijak membantu dan memberi sumbangan mengikut saluran betul seperti membantu rumah-rumah kebajikan yang

berdaftar, mangsa bencana, rumah-rumah ibadat atau individu-individu yang dikenal pasti kesusahan hidupnya. JKM juga bertindak sebagai urus setia kepada jawatankuasa bagi membanteras pengemis di peringkat nasional dan jawatankuasa ini juga wujud di peringkat negeri serta daerah.

Jawatankuasa ini berperanan menyelaras program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela yang berkaitan. JKM mewujudkan Desa Bina Diri bagi memulihkan pengemis supaya mereka dapat berdikari dan tidak lagi menjalankan lagi aktiviti pengemis. Sehingga kini terhadap empat buah Desa Bina Diri di seluruh negara. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Menteri yang menjawab tadi. Kita bimbang sindiket pengemis ini jika tidak dikawal dengan baik akan memberi imej buruk kepada pelancong di negara kita. Contohnya di Jalan Bukit Bintang dekat dengan Pavillion budak kecil bersama dengan ibu mengemis pada waktu malam dan van ambil pukul satu pagi. Ini berlaku di situ.

Soalan tambahan saya adalah bagaimana kementerian akan membanteras sindiket ini? Kedua, adakah peranan Anjung Singgah efektif? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, seperti apa yang saya telah maklumkan tadi kita kalau melibatkan dengan sindiket orang asing itu adalah di bawah kuasa PDRM dan Imigresen. JKM akan memainkan peranan bila dia terlibat dengan warganegara.

Mengenai Anjung Singgah ini, Anjung Singgah tidak untuk menempatkan warga asing atau sindiket dan mangsa-mangsa sindiket daripada warganegara asing tidak dimasukkan ke dalam Anjung Singgah. Ini kerana Anjung Singgah hanya untuk menempatkan warga asing yang bermasalah seperti ada masalah dengan kedudukan.

Dari empat Anjung Singgah yang telah pun ditubuhkan di bawah Yayasan Kebajikan Masyarakat kita telah pun menyediakan sejumlah 252 buah katil. Sejak April 2011, Anjung Singgah pertama di Kuala Lumpur ditubuhkan, hingga Oktober 2016 sejumlah 3,820 orang gelandangan telah pun dimasukkan dalam Anjung Singgah dan 1,539 orang iaitu 40.2 peratus telah pun mendapat pekerjaan daripada rujukan Anjung Singgah. Seramai 950 orang iaitu 24.81 peratus telah pun mendapat pekerjaan daripada usaha sendiri.

Bagi yang pulang ke pangkuan keluarga atau kampung iaitu 1,034 orang iaitu sama dengan 27 peratus dan dirujuk ke agensi NGO iaitu JKM, AADK, HIV, warga emas, wanita dan kanak-kanak iaitu sejumlah 305 orang iaitu lapan peratus.

■1210

Saya rasa kalau kita ikut angka-angka dan statistik yang saya telah beritahu tadi, Anjung Singgah ini telah pun memainkan peranan dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan sahaja.

Saya tengok jawapan tadi berkenaan dengan sindiket dan pengemis. Saya tengok pendirian kementerian tidak selaras dengan pendirian yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri. Pendirian kerajaan seperti yang saya tahu dijawab di Dewan Rakyat dan juga luar Kementerian Dalam Negeri, dia menafikan kewujudan sindiket pengemis. Dia cakap, *'there is no existence of any beggar syndicate'*. Ini pendirian kerajaan, Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri *acquisition* pengemis ini adalah *organize crime*, bukan oleh sindiket. Jadi sekarang kita nampak kementerian Yang Berhormat Menteri lain pendiriannya. Jadi soalan saya, saya hendak tahu apa pendirian kerajaan. *Is there such a thing as* sindiket pengemis atau tidak sebab kedua-dua kementerian lain jawapannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Senator.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Mengenai sindiket ini, ia di bawah kuasa PDRM. Oleh itu saya tidak dapat jawab adakah ia ada sindiket atau tidak tetapi kalau ikut maklumat yang kita terima dari PDRM, memang PDRM telah pun mengadakan operasi untuk mengambil tindakan yang di Perak ini. Mangsa-mangsa juga telah pun diselamatkan. Contohnya iaitu pada 7 Oktober 2016, 12 orang kanak-kanak perempuan berumur lingkungan 11 hingga 13 tahun telah pun diselamatkan tetapi sampai ke hari ini belum ada lagi apa-apa keputusan kerana kes masih dalam siasatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Chew Mei Fun.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tak bagi ya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Minta maaf ya. Sekarang saya nak pergi kepada tamatlah sudah masa pertanyaan-pertanyaan lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN
PEGUAM BELA (SABAH) (PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.13 tgh.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela (Sabah) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya, cadangan pindaan kepada Ordinan Peguam Bela (Sabah) [Bab 2] yang saya akan rujuk sebagai Ordinan Peguam Bela (Sabah) merangkumi tiga hal perkara. Satu, adalah bertujuan untuk menubuhkan Pertubuhan Undang-undang Sabah yang pada masa ini dikenali sebagai Persatuan Undang-undang Sabah; keduanya ialah cadangan pindaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Sabah; dan selainnya ialah meminda Ordinan Peguam Bela (Sabah) bagi maksud keselarasan dengan Akta Profesion Undang-undang 1976 [*Akta 166*] khususnya berhubung dengan prosiding tatatertib dan pindaan-pindaan berbangkit yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Baru III yang dicadangkan ini mengandungi seksyen baru 7A hingga 7F yang memperuntukkan hal perkara berhubung dengan Pertubuhan Undang-undang Sabah.

Seksyen baru 7A memperuntukkan penubuhan pertubuhan undang-undang Sabah untuk menjadi wakil dan badan kawal selia untuk profesion itu agar segala objektif dan kuasa pertubuhan undang-undang Sabah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Perlembagaan pertubuhan undang-undang Sabah pula diperuntukkan dalam bahagian baru VI manakala seksyen baru 7B memperkatakan meterai perbadanan pertubuhan undang-undang Sabah.

Seksyen baru 7C pula memberi pertubuhan undang-undang Sabah kuasa untuk mengeluarkan sijil tahunan bagi pengamal undang-undang. Pertubuhan Undang-undang Sabah juga diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia pengeluaran sijil tahunan itu dan kaedah-kaedah tersebut perlu ditandatangani oleh Presiden Pertubuhan Undang-undang Sabah dan disiarkan dalam warta kerajaan Sabah.

Seksyen baru 7D memperkatakan pengeluaran satu sijil tahunan itu dalam keadaan tertentu yang dinyatakan dalam seksyen yang berkenaan.

Seksyen baru 7E pula memperuntukkan permohonan kepada hakim besar untuk suatu perintah mengarahkan pertubuhan undang-undang Sabah untuk mengeluarkan sijil tahunan kepada peguam bela yang dikehendaki membuat permohonan di bawah seksyen ini atau peguam bela yang tidak berpuas hati dengan keengganan, kecuaiian atau kelewatan dalam mengeluarkan sesuatu sijil tahunan kepadanya.

Seksyen baru 7F memperkatakan kehendak pertubuhan undang-undang Sabah untuk menyelenggara satu daftar nama firma.

Cadangan pindaan selanjutnya adalah berhubung dengan meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Sabah. Cadangan pindaan ini adalah bagi maksud keselarasan dengan pindaan yang dibuat oleh Akta Profesion Undang-undang 1976 melalui Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 [*Akta A1444*] bagi meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Semenanjung Malaysia berlandaskan keputusan Jemaah Menteri pada 14 November 2008 supaya kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan meliberalisasikan sektor perkhidmatan di bawah seliaan masing-masing bagi memperkukuh perbadanan dan meningkatkan pengaliran pelaburan ke dalam negara.

Sesungguhnya perdagangan perkhidmatan merupakan komponen yang penting dalam perdagangan antarabangsa bagi negara maju dan juga negara yang membangun. Sektor perkhidmatan pula dijangka akan memberi lebih peluang pekerjaan kepada pekerja mahir dan berpendidikan. Sektor ini juga berpotensi untuk menawarkan pendapatan yang lebih tinggi.

Jemaah Menteri juga telah bersetuju untuk mempercepatkan liberalisasi beberapa sektor perkhidmatan dengan membenarkan 100 peratus ekuiti asing mulai tahun 2008. Bagi menyahut seruan kerajaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan, Persatuan Undang-undang Sabah telah menyatakan kesediaannya untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Sabah secara progresif. Sektor perkhidmatan perundangan yang akan diliberalisasikan hanya melibatkan kemasukan perkhidmatan perundangan asing di Sabah yang tertakluk kepada Ordinan Peguam Bela (Sabah).

Secara umumnya tujuan liberalisasi ini adalah untuk mengembangkan kepakaran dan pengkhususan profesion undang-undang di Malaysia. Sehubungan dengan itu Akta Profesion Undang-undang 1976 yang hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia telah dipinda dan memandangkan undang-undang yang mengawal profesion guaman di Sabah ialah Ordinan Peguam Bela (Sabah). Pindaan yang sama ini dicadangkan untuk dimasukkan dalam Ordinan Peguam Bela (Sabah) untuk memberi kesan terhadap liberalisasi tersebut. Cadangan pindaan

kepada Ordinan Peguam Bela (Sabah) membolehkan firma asing menjalankan amalan di Sabah dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui perkongsian antarabangsa atau lesen firma guaman asing berkelayakan.

Firma guaman Sabah juga boleh mengambil peguam asing tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan di Sabah dijangka akan memberi pelbagai manfaat kepada negara iaitu antara lainnya seperti berikut:

- (i) penambahan kepakaran dalam bidang amalan undang-undang yang dibenarkan terutamanya bidang kewangan Islam dan atau hutang antarabangsa dan pasaran kapital ekuiti, aset sekuriti, produk berstruktur dan berbentuk terbitan dan perbankan dan transaksi korporat;
- (ii) pemindahan teknologi daripada pakar khidmat peguam asing kepada peguam Sabah. Perpindahan teknologi ini dapat dilaksanakan melalui kerjasama firma guaman asing dengan firma guaman Sabah dengan menjalankan amalan undang-undang dan pentadbiran bersama di bawah perkongsian antarabangsa. Perpindahan teknologi juga boleh berlaku apabila firma guaman asing yang menjalankan amalan undang-undang ini di Sabah mengambil peguam Sabah untuk bekerja. Kaedah ini dapat membentuk satu persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik pelabur, teknologi serta menjana peluang pekerjaan bertaraf tinggi; dan
- (iii) penjenamaan firma-firma guaman Sabah yang telah mendapat lebih pendedahan melalui kerjasama dengan rakan kongsi asing yang mempunyai reputasi tinggi dan dikenali di arena antarabangsa. Usaha ini dapat menarik pelanggan asing di rantau ini untuk mendapatkan perkhidmatan perundangan yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguam Bela (Sabah) secara amnya memperuntukkan hanya peguam yang mempunyai sijil amalan guaman dan yang mempunyai kaitan dengan Sabah sahaja yang layak menjalankan atau dibenarkan untuk menjalankan amalan undang-undang di Sabah. Penerimaan masuk peguam asing ke Sabah hanya dibolehkan melalui penerimaan masuk dalam hal-hal tertentu melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 10, Ordinan Peguam Bela (Sabah).

Kaedah yang terhad ini dilihat sebagai tidak mencukupi untuk membantu kerajaan dalam mencapai objektif mengembangkan sektor perkhidmatan perundangan di Malaysia. Bagi merealisasikan objektif tersebut, Ordinan Peguam Bela (Sabah) wajarlah dipinda untuk

membolehkan kemasukan firma guaman asing dan memudahkan kemasukan peguam asing ke Sabah.

Jabatan Peguam Negara bersama Persatuan Undang-undang Sabah telah merangka dan menggubal pindaan terhadap Ordinan Peguam Bela (Sabah) yang berkaitan dengan liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan pindaan terhadap Ordinan Peguam Bela (Sabah) ini turut menitikberatkan langkah-langkah perlindungan seperti keperluan firma guaman asing dan peguam asing mendapatkan lesen dan didaftarkan sebelum menjalankan amalan undang-undang di Sabah, mempunyai kelayakan yang setaraf dengan peguam di Sabah dan mempunyai kepakaran yang relevan dengan keperluan negara seperti yang ditetapkan di bawah bidang amalan yang dibenarkan.

■1220

Melalui pindaan yang dicadangkan, peguam-peguam asing boleh memasuki Sabah untuk menjalankan bidang amalan yang dibenarkan melalui tiga kaedah seperti berikut:

- (i) perkongsian antarabangsa, *international partnership*, dengan izin;
- (ii) firma guaman asing berkelayakan, *qualified foreign law firms*; dan
- (iii) peguam asing yang bekerja di bawah firma guaman Sabah.

Badan yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen untuk firma guaman asing dan mendaftarkan peguam asing ialah Pertubuhan Undang-undang Sabah. Dalam hal ini, Pertubuhan Undang-undang Sabah dikehendaki mengambil kira syor daripada jawatankuasa pemilihan yang akan dipengerusikan bersama oleh Peguam Besar Negeri Sabah dan Presiden Pertubuhan Undang-undang Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian baru VII yang dicadangkan ini akan memasukkan seksyen baru iaitu 14A hingga 14O.

Seksyen baru 14A memperuntukkan tentang takrif perkataan tertentu yang digunakan dalam bahagian baru VII ini.

Seksyen baru 14B pula memperuntukkan tentang kehendak untuk sesuatu firma guaman asing dilesenkan mengikut peruntukan di bawah bahagian baru VII jika ingin menjalankan amalan di Sabah.

Selanjutnya, seksyen baru 14C, 14D dan 14E memperkatakan tentang hal-hal yang berhubung dengan jawatankuasa pemilih. Seksyen baru 14C adalah berhubung dengan penubuhan suatu Jawatankuasa Pemilih, *Selection Committee*, dengan izin, untuk memberikan syor kepada Pertubuhan Undang-undang Sabah berhubung dengan pemberian lesen kepada perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan dan firma guaman Sabah yang

berhasrat untuk mengambil bekerja peguam asing untuk menjalankan bidang amalan yang dibenarkan di Sabah.

Jawatankuasa Pemilihan ini juga memberikan syor kepada Pertubuhan Undang-undang Sabah berhubung dengan pendaftaran bagi peguam asing untuk mengamal dalam bidang amalan yang dibenarkan. Jawatankuasa Pemilihan tersebut nanti akan dianggotai oleh peguam besar negeri, Presiden Pertubuhan Undang-undang Sabah, seorang pegawai daripada sektor awam yang dilantik oleh Peguam Besar Negeri Sabah dan dua orang anggota Pertubuhan Undang-undang Sabah yang dilantik oleh Pertubuhan Undang-undang Sabah.

Seksyen baru 14D pula memperuntukkan tentang pelantikan seseorang sebagai anggota silih ganti untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih sebagai ganti kepada anggota yang tidak dapat hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih atas apa-apa sebab.

Selain itu seksyen 14E pula memperuntukkan bahawa Peguam Besar Negeri Sabah dan Presiden Pertubuhan Undang-undang Sabah akan mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih secara bersama. Tatacara tentang Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih juga diperuntukkan dalam seksyen 14E.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian baru VII yang dicadangkan ini selanjutnya mengandungi seksyen baru 14F, G, H, I, J dan K yang memperkatakan tentang kaedah bagaimana firma guaman asing serta peguam asing boleh memasuki Sabah untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dan juga memperuntukkan kuasa Pertubuhan Undang-undang Sabah untuk menggantung atau membatalkan lesen yang telah diberi kepada firma guaman asing yang berkenaan dan juga untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran peguam asing atas alasan-alasan yang dinyatakan dalam seksyen yang berkenaan.

Seksyen baru 14L, memperuntukkan bahawa perkongsian antarabangsa firma guaman asing berkelayakan dan peguam asing yang berdaftar hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang terpakai kepada peguam bela di bawah Ordinan Peguam Bela Sabah yang berkaitan dengan kelakuan dan etika profesional.

Manakala, seksyen baru 14M memperuntukkan bahawa peguam asing yang berdaftar adalah tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib bagi maksud tindakan tatatertib.

Untuk makluman, seksyen baru 14N pula memberi Pertubuhan Undang-undang Sabah kuasa untuk meminta perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan, firma guaman Sabah atau firma asing untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang tertentu dalam memastikan pemantauan kepada bahagian baru VII tersebut.

Seksyen baru 14O pula memberi Pertubuhan Undang-undang Sabah kuasa untuk membuat kaedah-kaedah yang berkaitan dengan Ordinan Peguam Bela.

Berkenaan dengan peruntukan membenarkan peguam asing menjalankan amalan di Sabah, Perkara 161B Perlembagaan Persekutuan menyatakan mana-mana peruntukan yang dibuat melalui atau di bawah sesuatu akta Parlimen yang memberikan hak kepada menghapuskan atau mengubah kelayakan bermastautin untuk menjalankan amalan di Sabah atau Sarawak, peruntukan itu tidak boleh berkuat kuasa sehingga diterima pakai di negeri-negeri itu melalui suatu enakmen badan perundangannya.

Oleh yang demikian, Bahagian VII hanya boleh dikuatkuasakan selepas diterima pakai di Sabah melalui satu enakmen badan perundangan negeri itu. Perkara ini jelas diperuntukkan dalam sub fasal 1(3) rang undang-undang ini. Bagi hal perkara yang melibatkan peguam bela dan peguam cara daripada Semenanjung Malaysia yang ingin menjalankan amalan di Sabah, mereka masih terikat dengan prosedur sedia ada yang diperuntukkan dalam Ordinan Peguam Bela dan peruntukkan baru bagi peguam asing yang ingin menjalankan amalan di Sabah tidak terpakai bagi peguam bela dan peguam cara daripada Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang telah disebut pada awal pembentangan ini, selain pindaan-pindaan yang berkaitan dengan penubuhan Pertubuhan Undang-undang Sabah dan liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan, terdapat cadangan pindaan kepada Ordinan Peguam Bela yang digubal bagi maksud keselarasan dengan Akta Profesion Undang-undang 1976, khususnya berhubung dengan prosiding tatatertib dan pindaan berbangkit yang lain. Sesungguhnya Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016 terdiri daripada 31 fasal seperti teks rang undang-undang yang berada di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Ordinan Peguam Bela merupakan satu langkah positif yang akan mengukuhkan ekonomi negara, memantapkan sektor perundangan dan perkhidmatan negara secara amnya. Dengan kemasukan peguam asing, sektor perkhidmatan perundangan di negeri Sabah dijangka akan lebih berkembang dan produktif serta dapat menggalakkan daya persaingan dan persekitaran yang sihat di peringkat antarabangsa. Selanjutnya, pindaan lain yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini adalah penting bagi menambahbaik peruntukan sedia ada untuk memastikan kepentingan orang ramai yang membuat aduan atau permohonan kepada Pertubuhan Undang-undang Sabah dapat diurus dengan lebih teratur dan cepat dan kepentingan para peguam juga dapat dilindungi.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Itu ada menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela (Sabah) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya hendak buka Majlis ini. Ada sesiapa hendak bercakap, mengambil bahagian? Sila iaitu Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah)(Pindaan) 2016. Ada siapa hendak bercakap? Sila.

12.27 tgh.

Datuk Chin Su Phin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bahas? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan satu rang undang-undang yang telah ditunggu 10 tahun lamanya oleh rakyat Sabah dalam usaha memantapkan lagi profesion undang-undang di negeri Sabah ini. Saya difahamkan bahawa rang undang-undang ini telah pun digubal, disediakan oleh *Sabah Law Association* dan juga Pejabat Penguat kuasa Besar Negeri Sabah dan diangkat naik oleh Kerajaan Persekutuan untuk dibahas dan diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kewujudan Pertubuhan Undang-undang Sabah bagi menggantikan Persatuan Undang-undang Sabah sedia ada, maka tertubuhnya sebuah badan profesional yang dapat mengawal profesion undang-undang di Sabah sepenuhnya yang tidak memerlukan lagi penglibatan-penglibatan Peguam Besar Negeri Sabah yang juga Ketua Hakim Sabah dan Sarawak.

Ini juga dapat memperlihatkan autonomi yang lebih tinggi dan berkesan dengan mengawal dan menstabilkan jumlah peguam di Sabah. Walaupun saya bersetuju dan menyokong penuh kepada rang undang-undang ini, terdapat beberapa perkara yang saya perlukan penjelasan Yang Berhormat Menteri. Pertama, adalah berkenaan firma guaman asing di Sabah. Saya ingin bertanya, sejauh mana hak-hak peguam tempatan Sabah diberikan keutamaan berbanding firma guaman asing yang akan menjalankan perkhidmatannya di sini? Adakah *foreign law firm* ini memerlukan *working visa*?

Keduanya, sejauh mana peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Majlis Peguam Malaysia dan juga Persatuan Undang-undang Sabah sebelum ini dalam meningkatkan lagi *skill* dan pengetahuan graduan undang-undang dan peguam-peguam

sedia ada di Sabah agar mereka ini setanding dengan firma guaman asing ini, sekali gus dapat bersaing secara sihat dengan mereka.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak kerana telah memberikan kepercayaan dan keizinan kepada saya Sabah untuk menjalankan fungsi-fungsi seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan rang undang-undang ini contoh keperluan autonomi Sabah yang terdapat dalam perjanjian tersebut. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih dan ada yang lain-lain lagi hendak bercakap dan hendak berbahas? Tidak ada jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.31 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Memang dalam perkara ini sebenarnya kalau kita tengok, ordinan ini kalau kita tengok daripada segi pindaan ini ia sebenarnya kalau kita tengok memang peranan Pertubuhan Undang-undang Sabah ataupun yang dulu dan hari ini yang pada masa ini dikenali sebagai Persatuan Undang-undang Sabah. Mereka sendirilah yang sebenarnya daripada segi sejarah yang memohon kepada pembukaan ini untuk berlaku.

Sebenarnya mereka telah bekerjasama dengan Pejabat Peguam Negara dan juga telah membincangkan secara mendalam tentang perlunya ada satu sistem untuk mewujudkan pembukaan. Kita tidak boleh menafikan dalam dunia tanpa sempadan Yang Berhormat Senator, memang dalam semua negara profesion guaman sudah tidak boleh menjadi suatu profesion yang tertutup, dengan izin, *it cannot be close anymore*.

Itulah sebabnya kita melihat dalam Ordinan Peguam Bela (Sabah) ini kita kerajaan melihat sudah tiba pada masanya dan kerajaan tidak boleh berganjak daripada keputusan tersebut tanpa adanya persetujuan yang dibuat oleh persatuan itu sendiri. Maknanya dalam bahasa Orang Putih perkara-perkara yang ditimbulkan *are guided by the members itself*. Itu sebabnya jaminan yang ditanya oleh Yang Berhormat, bagi saya memang sudah tentu akan dibawa *an ongoing discussion*, dengan izin, oleh persatuan itu sendiri.

Apa yang sebenarnya pindaan ini dibuat itu memberikan suatu kepastian kepada peruntukan-peruntukan yang ada supaya menjadi lebih terang dalam perkara ini. Kalau kita tengok pada seksyen 14C yang mana fasal 14C yang kita bawa ini, perkhidmatan itu tertakluk kepada perkhidmatan yang tertentu sahaja. Ia bukan perkhidmatan yang terbuka kepada semua perkara. Maksudnya kepada perkhidmatan yang dirujuk sahaja itu dalam fasal 14C. Kalau kita sebut tentang ada perlukan *working visa*, dengan izin, memang ia perlukan dalam *working visa* kepada bukan sahaja dalam profesion guaman tetapi dalam semua profesion asing memang perlunya *working visa* daripada buruh ataupun profesional pun dalam negara kita perlunya sistem *working visa* itu amalan yang dilakukan oleh kerajaan terutama Jabatan Imigresen.

Ini menunjukkan bahawa kita menerima hakikat bahawa sistem ini adalah terbuka tetapi keterbukaan itu seperti yang saya sebut tadi adanya kawalan dan bagi saya kawalan yang *ongoing*, dengan izin, itu akan dibawa seterusnya oleh ahli-ahli dalam persatuanlah. Itu sebabnya dalam negara kita saya sendiri dalam aspek Majlis Peguam, Tuan Yang di-Pertua saya selalu percaya bahawa antara pendekatan kawalan yang terbaik adalah daripada ahlinya sendiri.

Government intervention secara direct, direct government intervention tidak wajar dalam golongan profesional yang perlu adanya kawalan ialah ahli-ahli profesion tersebut dan kita tengok di segi sejarah memang *Sabah Law Society* ini memang memainkan satu peranan yang aktif. Saya masa dibawa dalam Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua, mereka sendiri datang dari Kota Kinabalu berjumpa dengan saya dan mereka memberikan saya tentang kedudukan mereka sebagai komitmen peguam-peguam di Sabah tentang berkehendak kepada pindaan ini. Mereka sendiri yang berkehendak.

Ini bukannya pindaan yang dibawa oleh kerajaan dan kerajaan memaksa persatuan tidak, mereka sendiri yang mahukan supaya adanya sistem yang terbuka tetapi adanya juga sistem yang mengawal terutama dalam kemasukan asing. Akan tetapi saya buat kesimpulan dalam semua profesion sama ada profesion *engineering* ataupun kedoktoran dalam negara kita memang kita meletakkan keutamaan kepada rakyat tempatan tetapi kehadiran mereka daripada syarikat-syarikat asing secara tidak langsung pun kita boleh melihat tentang kewujudan dengan izin, *transfer of technology* (TOT).

Setakat itu sahajalah jawapan saya. Kalau saya tidak mencukupi jawapan saya boleh memberi kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said dan ada yang lain lagi, tidak ada. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Datin Paduka Chew Mei Fun) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN ANUGERAH 2016

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.40 tgh.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubungan dengan anugerah dan pemakaian luar wilayah. Akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

■1240

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 yang dicadangkan aktanya bertujuan untuk mewujudkan kesalahan yang berhubungan dengan anugerah.

Disebabkan oleh penganugerahan gelaran dan kebesaran oleh orang tanpa kuasa daripada segi Perlembagaan dan penganugerahan gelaran dan Darjah Kebesaran oleh orang selain Ketua Negara yang negara asing, kerajaan telah memutuskan untuk mengekang aktiviti tersebut bagi memartabatkan institusi Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri. Sehubungan itu, adalah wajar peruntukan kesalahan khusus diwujudkan untuk menangani perkara berhubung dengan anugerah yang tidak diiktiraf.

Akta yang dicadangkan akan meliputi semua aspek kesalahan yang berhubung dengan anugerah Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri dan Ketua Negara asing.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan, beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat penganugerahan gelaran daripada sumber yang tidak diiktiraf oleh kerajaan dari dalam dan juga luar negara. Bagi kes dalam negara, muncul mereka yang mengaku pewaris kepada kesultanan silam seperti kononnya seperti pewaris Kesultanan Melaka yang telah mengadakan upacara penganugerahan pelbagai gelaran. Penganugerahan tersebut jelas tidak dibuat di bawah mana-mana undang-undang tetapi penerima gelaran tersebut menggunakannya seolah-olah ia merupakan gelaran yang sama yang diterima daripada raja-raja.

Cadangan asal adalah untuk meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [Akta 414]. Akta 414 merupakan undang-undang yang mencegah penggunaan tak wajar lambang dan nama yang dijadualkan. Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2013 telah disediakan oleh kerajaan pada tahun 2013 dan dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 25 September 2013.

Namun begitu, Ahli-ahli Parlimen kerajaan telah menyarankan sesuatu undang-undang yang komprehensif disediakan bagi menangani isu tersebut. Rang undang-undang tersebut telah ditarik balik oleh kerajaan pada 4 Disember 2013. Jabatan Peguam Negara telah diarahkan untuk mengadakan cadangan skim perundangan yang lebih komprehensif dan mengemukakan kepada Majlis Raja-Raja.

Jabatan Peguam Negara pada 26 Februari 2014 telah memberikan suatu taklimat ringkas berhubung latar belakang kepada cadangan pindaan dan skim perundangan tersebut berhubung Akta 414, kepada Mesyuarat *Pre-Council* Majlis Raja-Raja. Ini diikuti dengan taklimat susulan pada 16 Februari 2016 dan 10 Mei 2016 bertujuan untuk memaklumkan status penggubalan undang-undang yang berkenaan.

Susulan daripada taklimat-taklimat yang telah diberikan kepada Mesyuarat *Pre-Council* Majlis Raja-raja, Jabatan Peguam Negara telah membuat kajian dan menyediakan semua skim perundangan yang lebih komprehensif. Setelah mengambil kira pelbagai perkara termasuk pandangan melalui perbincangan dengan semua penasihat undang-undang negeri dan Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak yang diadakan pada 1 April 2016, kerajaan telah memutuskan untuk menggubal suatu akta baru bagi menangani perkara yang berhubungan dengan anugerah tidak diiktiraf.

Justeru, cadangan asal untuk meminda Akta 414, untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan anugerah tidak diiktiraf, tidak diteruskan, sebaliknya suatu akta baru digubal bagi menangani perkara tersebut secara spesifik.

Walau bagaimanapun, pindaan kepada Akta 414 masih diteruskan dengan menaikkan penalti dan memasukkan hukuman penjara. Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2016 telah pun dibacakan untuk bacaan kali pertama pada 21 November 2016 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 digubal di bawah Butiran 4, Senarai I, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu di bawah perkara undang-undang jenayah. Rang undang-undang tersebut akan terpakai bagi seluruh Persekutuan berkenaan dengan anugerah asing dan anugerah Yang di-Pertuan Agong.

Bagi maksud negeri-negeri, badan perhubungan negeri akan membuat undang-undang di bawah kuasa negeri di bawah butiran 4(g), Senarai 1, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bagi menangani penganugerahan aneka Darjah Kebesaran oleh pihak tidak berwibawa yang menyentuh anugerah negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut hanya terpakai bagi wilayah negeri tersebut sahaja sebagaimana yang termaktub dalam perenggan (b) Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah kelompangan undang-undang berhubungan kesalahan yang dilakukan oleh pihak yang tidak berwibawa di luar wilayah sesuatu negeri, satu fasal khusus diwujudkan dalam rang undang-undang ini bagi menjadualkan kesalahan negeri dan jika kesalahan tersebut dilakukan di luar wilayah negeri, ia akan menjadi satu kesalahan Persekutuan.

Fasal 13, 14, dan 15 rang undang-undang memperuntukkan berkenaan kesalahan suapan yang meliputi kedua-dua anugerah Yang di-Pertuan Agong dan juga anugerah yang ditetapkan oleh Raja atau Yang di-Pertuan Negeri. Memandangkan hal perkara ketiga-tiga

peruntukan ini melibatkan suapan, maka peruntukan ini perlu diadakan dalam rang undang-undang ini dan tidak dalam undang-undang negeri kerana perbuatan rasuah merupakan perkara di bawah butiran 4(f), Senarai I, Perlembagaan Persekutuan iaitu hal perkara Persekutuan dan tidak boleh diperuntukkan dalam undang-undang negeri.

Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 yang dicadangkan mengandungi 19 fasal seperti teks rang Undang-undang yang berada di atas meja-meja Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan yang mulia, oleh yang demikian Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 akan mengekang aktiviti berhubung dengan anugerah yang tidak diiktiraf secara menyeluruh dalam usaha menangani penganugerahan aneka Darjah Kebesaran oleh pihak yang tidak diiktiraf sama ada dari luar negara ataupun dalam negara. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan yang mulia saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubung dengan anugerah dan pemakaian luar wilayah.

Akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

Dalam senarai saya ini ada 6 hingga 7 orang yang hendak bahas dan saya panggil dulu Yang Berhormat Senator Siti Aishah binti Shaikh Ismail. Ada? Tidak ada. Pergi *lunch*.

Kita panggil orang lain pula, Yang Berhormat Datuk Rabiyyah binti Ali. Ada... sila.

12.48 tgh.

Datuk Rabiyyah binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) (Pindaan) 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Yang Berhubung Dengan Kesalahan Anugerah. Apa saja anugerah yang hendak diberikan, dikurniakan, ia hendaklah diberikan oleh badan atau institusi yang diiktiraf oleh kerajaan atau pihak yang berwibawa sahaja. Ia pula sewajarnya dianugerahkan kepada mereka yang paling layak sahaja setelah melalui proses

tertentu seperti tapisan kelayakan dan keselamatan contohnya Tokoh Maal Hijrah, Sasterawan Negara dan Seniman Agong, dan lain-lain.

Darjah dan kemuliaan pemberi anugerah menerima anugerah dan anugerah itu sendiri hendaklah sentiasa disanjung dan dijunjung. Itulah prinsip yang mesti dipegang dan dipertahankan. Justeru, saya menyokong penuh rang undang-undang ini yang mahu mempertahankan dan memuliakan anugerah yang dikurniakan oleh ketua negara dan ketua-ketua kerajaan negeri. Rang undang-undang ini menjadi penting dan perlu disegerakan dengan mengekang aktiviti menganugerahkan gelaran dan darjah yang semakin menjadi-jadi oleh pihak-pihak yang tidak diiktiraf oleh kerajaan ataupun mana-mana undang-undang.

Sebagai contoh di Melaka sahaja terdapat dua pihak yang memberikan anugerah haram iaitu orang yang mengaku dirinya Raja Melaka dan juga satu lagi Ketua Adat di Taboh Naning. Kerajaan Negeri Melaka telah pun meluluskan baru-baru ini ordinan seperti rang undang-undang ini.

■1250

Rang Undang-undang ini merangkumi perkara-perkara utama seperti berikut:

- (i) hukuman penjara jika guna anugerah, gelaran dan kebesaran tidak diiktiraf yang diterima dari dalam dan luar negara, menggunakan dalam apa cara sekali pun bakal berdepan hukuman penjara tidak lebih daripada 3 tahun;
- (ii) rang undang-undang itu turut mengadakan peruntukan kesalahan menghadiri, memproksi atau pun menyertai istiadat pengurniaan bagi anugerah yang tidak diiktiraf dan mencadangkan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya;
- (iii) ia turut menegaskan sebagai satu kesalahan bagi membuat lambang kebesaran untuk anugerah yang tidak diiktiraf dengan mencadangkan denda tidak melebihi RM10,000 atau pun penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (iv) rang undang-undang ini juga mengadakan peruntukan bagi kesalahan menggunakan dan menikmati gelaran dan panggilan di anugerah Yang di-Pertuan Agong yang telah dibatalkan atau ditarik balik seperti mana-mana yang terdapat dalam fasal 9 dengan membawa hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun.

Rang undang-undang tersebut turut menyentuh keperluan mewujudkan peruntukan kesalahan menerima dan menggunakan anugerah asing yang tidak diiktiraf dan boleh dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun, fasal 12.

Dalam fasal 13 pula ditegaskan bahawa mana-mana individu yang meminta ataupun menerima ataupun bersetuju menawarkan individu lain pemberian anugerah yang tidak diiktiraf boleh di penjara tidak melebihi 20 tahun.

Seterusnya demi menjaga kemuliaan dan darjat anugerah berkenaan serta untuk mengelak daripada menjadi bahan cacian, cemuhan atau bahan jenaka, maka disarankan agar Ketua Negara dan ketua negeri lebih teliti, lebih cermat serta lebih ketat dalam pengurniaan ini. Janganlah peristiwa memberikan anugerah Datuk kepada seorang 'kepala gengster' yang berumur 32 tahun berulang lagi. Amat memalukan Istana dan PDRM, kemudian kami yang bergelar "Datuk" juga turut terasa malu. Saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih, terima kasih banyak.

Sekarang saya sambung pula kepada Yang Berhormat Senator Datuk Fahariyah, ada? Sila.

12.52 tgh.

Dato' Fahariyah binti Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membahaskan Akta Lambang dan Nama, bukan Akta Anugerah. Mohon, terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Ya, oh anugerah ya, dan juga saya minta Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

12.53 tgh.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

Selepas seorang Melaka bahaskan rang undang-undang ini, saya juga orang Melaka. Jadi ada yang sudah disentuh oleh sahabat saya dari Melaka, Datuk Rabiyyah. Jadi di sini hanya dua perkara yang saya hendak timbulkan di rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era digital ini saya lihat ramai individu telah mula berani menggunakan gelaran-gelaran tertentu dan mendabik dada mengatakan anugerah yang diterima merupakan satu pengiktirafan kepada diri mereka. Dari situ mereka menjalankan aktiviti pengutipan derma, menjual nama sendiri dan menipu rakyat untuk mengaut keuntungan wang ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh dua perkara sahaja mengenai rang undang-undang ini iaitu fasal 3 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun bagi kesalahan mereka dan menganugerahkan yang tidak diiktiraf. Saya ingin mencadangkan agar hukuman ini ditambah lagi dan dikenakan denda yang lebih berat bagi mereka yang memproksikan gelaran mereka di luar negara. Langkah ini bagi melindungi imej Kesultanan Melayu dan imej Malaysia.

Yang kedua, kerana sahabat saya dari Melaka sudah sebut, jadi tak payah saya ulang lagi. Yang kedua, yang terakhir saya ingin menyentuh mengenai fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan memiliki alat atau benda bagi maksud menggunakan untuk membuat lambang kebesaran bagi anugerah tidak diiktiraf.

Bagi perkara ini saya ingin merujuk kepada lambang atau plat anugerah yang diletak di kenderaan. Ini kerana kalau sekadar plat lambang besi, sebagai contoh plat Ahli Yang Berhormat yang kita terima untuk diletakkan pada kenderaan amat mudah didapati di kedai-kedai cenderamata di sekitar di setiap negeri. Orang ramai mampu membeli dan meletakkan di kenderaan mereka. Saya rasa perkara ini perlu pemantauan oleh pihak kementerian dan saya ingin tahu apakah pandangan kementerian mengenai perkara ini. Jadi, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat yang cakap dah Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

12.56 tgh.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya bercakap sedikit mengenai rang undang-undang yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Anugerah bagi seseorang individu dalam negara kita ini adalah merupakan satu *tashreef*, dengan izin iaitulah satu penghormatan dari negara ataupun negeri kepada seseorang yang benar-benar telah berjasa kepada bangsa dan negara. Jadi rang undang-undang ini pada prinsipnya merupakan satu rang undang-undang yang disokong kerana untuk mengawal supaya tidak berlaku kemeruduman penghormatan masyarakat terhadap penerima-penerima gelaran darjah-darjah kebesaran dan bintang-bintang supaya tidak berlaku salah guna seperti mana yang telah disebutkan tadi.

Saya ingin menyatakan bahawa hendaklah juga dimasukkan dalam undang-undang ini bahawa walaupun telah disebut tetapi hendaklah diberikan satu penegasan bahawa mereka yang terlibat dalam kes-kes jenayah seperti mengedarkan dadah, merompak, menembak dan sebagainya seharusnya saya bersetuju dengan pandangan tadi, Yang Berhormat dari Melaka bahawa hendaklah dikenakan tindakan pemenjaraan dan juga pembayaran denda yang lebih tinggi supaya bintang-bintang anugerah di negara kita ini akan tetap dihormati dan tidak berlaku sebarang penurunan penghormatan di kalangan masyarakat.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara lagi. Banyak sangat bintang dianugerahkan di dalam negara kita dan ada negeri yang terlalu mewah, *luxurious* menganugerahkan bintang-bintang. Akan tetapi saya bersyukur bahawa di dalam negara kita Malaysia sekarang, Johor dan Selangor adalah antara negeri yang amat tegas sekali untuk tidak melambangkan bintang-bintang seperti mana dalam perayaan keputeraan Sultan Selangor baru-baru ini, hanya 75 orang yang menerima setelah 1,000 orang lebih yang telah dikemukakan nama-nama mereka oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Jadi *insya-Allah* kita akan berhenti tak lama lagi, memang pun lagi dua minit lagi.

Satu lagi perkara yang saya hendak tegaskan tak ada dalam rang undang-undang ini bahawa sebaik yang mungkin orang-orang muda tak payahlah segera dianugerahkan bintang kecuali yang cemerlang betul, yang *very distinguished*- layak. Akan tetapi kalau yang muda, semata-mata baru aktif dalam politik, saya rasa eloklah ditimbang dulu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak ya dan ada lagi tadi saya tunggu. Ada sini hendak datang dah, Yang Berhormat Siti Aisyah. Belum sampai lagi ya? Ada lagi sesiapa nak bercakap di sini, saya bagi peluang. Ada sesiapa lagi? Ada tak ini Yang Berhormat Dato' Fahariyah binti Md. Nordin ini? Sudah ya, dan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah sudah dan Yang Berhormat Mohd. Nor pun- sila.

12.59 tgh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit pandangan berhubung dengan penganugerahan ini, berhubung dengan Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016.

Tuan Yang di-Pertua, keinginan manusia ini berbagai-bagai. Antara keinginannya ialah untuk mendapatkan kedudukan tinggi dan mulia dalam kehidupan bermasyarakat. Justeru, setiap orang

ingin mendapatkannya dan salah satu daripadanya ialah ingin mendapat gelaran dan darjah kebesaran.

Rang undang-undang ini dibawa ke sini adalah semata-mata untuk mengawal dan menyekat penggunaan yang tidak wajar yang dilakukan oleh sebahagian daripada masyarakat kita yang sedang berlaku dan ini merupakan satu keadaan yang cukup membimbangkan negara kita pada masa depan sehinggalah mungkin kalau tidak dikawal dan diselia, anugerah-anugerah itu semacam tidak bermakna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada macam-macam dorongan yang telah dilakukan, ada macam-macam perkara yang telah berlaku di dalam masyarakat kita. Ada yang mendapat anugerah daripada pihak yang tidak mempunyai pengiktirafan dari negara kita dan mereka pun menggunakan dengan luasnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi peluang sambung karang ya.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah pun jam 1 tengah hari. Oleh yang demikian, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih, sekian. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

▪ 1430

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Ahli-ahli Yang Berhormat.

*Cantik sungguh bunga di taman,
Mari hinggap burung merpati,
Apa tanda orang yang beriman,
Bila berjanji, tepatilah janji.*

Saya tadi janji dengan ustaz kita Dato' Johari minta sambung. Silakan ustaz.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas penepatan janji yang telah diberikan dan saya pun akan menunaikan janji itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang untuk saya menyambung perbincangan berhubung dengan Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016. Setiap orang sebagaimana yang saya sebutkan tadi, mempunyai keinginan untuk mendapat anugerah, kedudukan, kehormatan dalam hidup mereka, dan hal itu merupakan satu fenomena yang ada dalam diri setiap orang.

Bagi mereka yang mempunyai keinginan yang tinggi dan mempunyai kedudukan di dalam masyarakat, biasanya diberi anugerah oleh pihak tertinggi negara dan juga negeri dan kita meyakini bahawa setiap anugerah yang telah diberikan itu benar-benar untuk mencerminkan atas jasa, bakti yang telah dicurahkan untuk negara, masyarakat dan agama yang dianuti.

Namun begitu, kita melihat dalam rang undang-undang ini cuba untuk dibawa beberapa perkara yang untuk mengawal dan juga mengekang keadaan suasana penerima-penerima anugerah yang tidak mengikut saluran yang benar sebagaimana yang biasa dilakukan. Oleh itu saya melihat daripada rang undang-undang ini, yang menarik perhatian saya ialah Bahagian II daripada nombor 3 sampai nombor 10 dan begitu juga Bahagian IV, iaitu suapan dan juga Bahagian V, berhubung dengan pelbagai.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang untuk mencegah bagi mereka yang menggunakan kedudukan yang sewenang-wenangnya untuk memberi anugerah kepada orang-orang tertentu dan begitu juga pihak tertentu atau individu tertentu untuk mendapatkan anugerah daripada pihak yang tidak mempunyai kuasa di dalam negeri dan negara kita.

Saya melihat perkara ini telah berlaku di dalam negara kita dan telah menjadi bahan perbincangan dalam masyarakat. Ada orang-orang yang telah membuat *ceremony* dan sebagainya untuk memberi anugerah dan begitulah juga orang yang berkenaan telah berusaha untuk mendapatkan anugerah itu walaupun dengan membelanjakan wang ringgit. Hal ini merupakan satu petanda yang tidak baik kepada kita di negara ini dan akhirnya anugerah-anugerah tersebut akan tidak dipandang oleh masyarakat lagi. Kerana itulah akta ini merupakan satu langkah untuk mencegah penggunaan yang tidak wajar yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu. Persoalan yang timbul di sini pihak mana yang akan memastikan anugerah seseorang itu betul atau tidak?

Kalau sekiranya seseorang itu telah ada gelaran-gelaran tertentu sebagai contoh Datuk lah umpamanya, adakah perlu pihak-pihak yang meragui anugerah itu membuat laporan

kepada pihak berkuasa untuk mendapat penyiasatan dan seterusnya untuk didakwa di bawah akta ini atau bagaimana?

Kedua, saya ingin memberi pandangan bahawa setiap orang yang akan dianugerahkan itu perlu mendapat *clearance*, dengan maaf daripada pihak keselamatan dan juga pihak-pihak yang berkaitan dengannya dan supaya orang yang mendapat anugerah itu betul-betul orang yang tidak terlibat dengan salah laku jenayah ataupun akhlak dan sebagainya yang boleh mencatatkan anugerah itu.

Begitulah juga seterusnya saya ingin mendapat maklumat, berapa banyak anugerah yang telah diberikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini kepada rakyat Malaysia setakat ini yang telah dapat dikesan dan berapa banyak atau berapa ramai pihak yang telah tidak bertanggungjawab, yang telah memberi anugerah itu telah disiasat dan dibawa ke muka pengadilan.

Saya ingin merujuk kepada muka surat sembilan. Dalam muka surat sembilan ini ada misalan. Misalan ini mudah difaham iaitu 'A' menerima anugerah asing tidak diiktiraf pada 2010 yang membawa gelaran dan panggilan yang 'A' telah menggunakan sejak 2010. Apabila akta ini mula berkuat kuasa, 'A' dilarang daripada menggunakan gelaran dan panggilan itu. 'A' menggunakan gelaran dan panggilan itu selepas akta ini mula berkuat kuasa, 'A' melakukan kesalahan. Misal ini jelas, cumanya kalau sekiranya 'A' ini juga orang panggil kepada dia, orang panggil dengan gelaran tetapi dia tidak menyuruh orang.

■1440

Adakah ia juga dikira sebagai satu kesalahan seperti orang menulis surat kepada A tadi. Orang menulis surat dengan gelarannya sedangkan gelaran itu telah terbatal dengan akta ini. Apabila hal ini terjadi, adakah ia dikira sebagai juga membuat kesalahan? Ini kerana dengan penggunaan gelaran tadi, satu.

Kedua, cara bertindak tadi oleh pihak- daripada akta ini, saya hendak ulang tadi pihak mana yang akan mengambil tanggungjawab untuk memastikan hal-hal ini. Saya rasa setakat itu Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun.

2.41 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Harun: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas izin untuk saya membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 ini.

Pada pandangan saya isu penganugerahan oleh institusi yang tidak diiktiraf Kerajaan Persekutuan dan negeri telah menjadi trend pada masa kini. Implikasi isu penganugerahan oleh institusi yang tidak diiktiraf ini telah mengancam kedaulatan negara kita dan bercanggah dengan anugerah darjah kebesaran dan pingat oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penganugerahan darjah kebesaran palsu dan pingat yang tidak diiktiraf ini, saya selaku wakil dari negeri Selangor mengambil berat perkara ini berlaku kerana ia mewujudkan isu tidak hormat dan percanggahan fakta sejarah mengenai warisan kerajaan atau Kerajaan Persekutuan. Justeru melalui rang undang-undang ini, saya ingin mendapatkan beberapa perincian mengenai perkara berikut.

Berapakah kes-kes yang disiasat oleh PDRM mengenai kes majlis penganugerahan darjah kebesaran dan pingat yang tidak diiktiraf yang sedang dan telah disiasat? Bagaimanakah cara kerjasama awam bagi memastikan segala bentuk majlis anugerah pasar gelap tawar darjah kebesaran dan pingat dapat dibendung?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah undang-undang ini dapat mengekang akan kewujudan persatuan-persatuan haram yang mengelola anugerah yang tidak diiktiraf dan cara paling aktif untuk memastikan NGO-NGO atau pertubuhan yang juga mempunyai anugerah seperti persatuan seni silat mempertahankan diri yang akan terkesan dalam peruntukan ini.

Oleh yang demikian, harapan saya semoga dengan rang undang-undang ini, isu anugerah tidak diiktiraf akan dapat diselesaikan dengan segera. Diharap dengan diwartakan undang-undang ini sebarang anugerah darjah kebesaran dan pingat dipertingkatkan penguatkuasaannya demi memastikan kedaulatan negara kita tidak tercabar.

Pada masa kini, menjadi trend rakyat negara kita untuk mengguna pakai dan membuat pemerolehan darjah kebesaran dan pingat dari luar negara untuk keuntungan diri dan pembangunan perniagaan. Apa yang menjadi masalah dan isunya kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan penganugerahan pingat ini telah menjadikan perbuatan jenayah komersial dan perlakuan rasuah semakin menjadi-jadi. Penganugerahan yang diperoleh daripada

kerajaan-kerajaan yang tidak lagi wujud seperti Kesultanan Sulu perlu dikawal kerana melalui aktiviti ini ia mewujudkan berlakunya pertikaian awam dan kedaulatan negara.

Justeru melalui rang undang-undang ini pada Bahagian Tiga mengenai anugerah asing, saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan perincian mengenai kes-kes dan anugerah asing yang tidak diiktiraf dan bagaimanakah cara kerajaan melalui kerjasama pejabat kedutaan luar negara dan Kementerian Luar Negeri, PDRM dan SPRM dapat kita basmi aktiviti perseorangan atau kumpulan atau aktiviti lain yang menjadi agen dalam menawarkan darjah kebesaran tidak diiktiraf dan meningkatkan kes-kes penipuan komersial di Malaysia.

Oleh itu melalui hukuman pada seksyen 11(5), saya mohon mencadangkan agar hukuman denda tidak melebihi RM500,000 menjadi mandatori dan agen urusan penganugerahan palsu ini dikenakan hukuman penjara. Dengan demikian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid.

2.46 ptg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Turut sama membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 dan saya menyokongnya, saya hendak memberikan beberapa pandangan.

Pertama, saya hendak menyentuh Bahagian Dua, Anugerah Yang di-Pertuan, Perkara Empat iaitu menghadiri dan sebagainya istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Dia kata di sini, 4(1), seseorang tidak boleh menjalankan sesuatu upacara istiadat pengurniaan bagi anugerah tidak diiktiraf. Kemudian seseorang tidak boleh menghadiri dan mana-mana orang yang melanggar subseksyen 1 atau 2 ini dia punya denda apabila disabitkan kesalahan RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun ataupun kedua-duanya.

Apa yang saya hendak berikan pandangan ini tidak seimbang. Kenapakah saya kata tidak seimbang? Pertama, orang hanya akan menghadiri kalau ada *organizer* dengan izin. Kenapa orang yang melakukan upacara ini, yang menganjurkan upacara ini dikenakan sama denda dengan orang yang menghadiri. Manakala penyebab utamanya berlaku sedemikian ialah orang yang menganjurkan. Jadi saya hendak mencadangkan supaya sepatutnya orang yang menganjurkan mestilah dikenakan penalti yang tinggi. Kalau setakat RM10,000 ataupun penjara selama tidak lebih tiga tahun, saya rasa kita tidak dapat membendung usaha ini.

Kedua, saya lihat dalam rang undang-undang ini sewajarnya kita patut meletakkan satu kriteria yang tertentu dan jelas siapa-siapa yang patut dapat pengurniaan pingat yang selayaknya. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, mesti kriteria yang pertama kepada jasa dan bakti yang telah ditaburkan. Takkan orang tiba-tiba tidak ada jasa, dia dapat Dato' misalnya. Bila kita tidak adakan kriteria, dia akan terdedah kepada suapan. Percayalah cakap saya. Jadi sepatutnya kriteria mesti kita letakkan di mana kalau kita masukkan dalam akta ini, ia satu garis panduan yang dibuat oleh pusat yang sepatutnya diikuti oleh tiap-tiap negeri.

■1450

Kedua, latar belakang diri penerima. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat tadi, sepatutnya latar belakang seseorang itu apabila dicadangkan untuk dikurniakan pingat, mestilah dilakukan satu siasatan yang rapi. Ini tiba-tiba kita tengok dalam surat khabar, kejadian tembak di Pulau Pinang oleh pengawal keselamatan, dia juga pun bergelar Datuk. Sepatutnya ini tidak berlaku di dalam negara kita. Mesti siasatan dilakukan. Katalah, saya hendak dikurniakan pingat, mesti disiasat latar belakang saya. Adakah misalnya saya menjalankan judi haram dan sebagainya? Apabila telah mendapat *clearance*, dengan izin, daripada pihak polis, maka barulah dipertimbangkan kurniaan pingat.

Ketiga, kriteria yang patut kita lihat ialah faktor umur. Tidak tahu apa pandangan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya berpandangan kalau misal kata seorang berumur 28 tahun, tiba-tiba dia ada Datuk. Kalau dia bergelar Tan Sri? Lagi pelik kita, betul? Akan tetapi orang-orang yang muda jangan bimbang, saya ada lagi satu kriteria yang saya hendak sebut. Ini saya sebut secara umum.

Ketiga, tentukan kuota pemberian pingat. Kalau misalnya kata '*Datukship*' untuk sebuah negeri tidak boleh lebih 25 setahun contohnya tetapi itu difikirkan yang patut. Akan tetapi takkanlah tiba-tiba sebuah negeri untuk '*Datukship*' setahun sampai 300. Itu yang kita nampak berlambak dalam pasaran. Sedangkan kurniaan pingat ini mestilah atas asas jasa dan bakti yang telah ditaburkan oleh seseorang itu.

Keempat, kriteria yang harus juga kita lihat ialah soal keistimewaan. Misalnya, ada seorang rakyat Malaysia pergi naik Everest sebanyak 14 kali. Bagi gelaran Dato', sangat munasabah. Kalau Dato' Chong, seorang muda menjadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, dapat gelaran Dato', munasabah. Kita nampak pun dia ada kemampuan iaitu dia menjurus kepada jasa dan bakti. Jadi, kalau kita ada garis panduan yang jelas, kita minta supaya negeri-negeri melaksanakannya, maka soal anugerah ini ia akan balik semula pada

satu waktu dahulu, sangat dihormati dan orang akan memberi hormat kepada sesiapa penerimanya.

Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya apabila satu-satu negeri mengeluarkan ataupun memberikan kurniaan pingat dan gelaran, maka wajarlah ia diwartakan supaya semua orang tahu mereka inilah yang berhak mendapat gelaran tersebut. Yang tidak ada warta, maknanya dia memang penipu besar. Saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Siti Aisyah binti Shaik Ismail.

2.55 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi peluang walaupun tadi keluar sekejap ada- atas urusan.

Terima kasih, saya tidak panjang Tuan Yang di-Pertua, hanya beberapa *point* yang hendak saya ketengahkan.

Pertamanya, kalau kita lihat dalam isu gelaran ini bagai isu yang dibangkitkan dan sempat juga tadi saya *check* dalam laman *Facebook* yang dibuat oleh seorang individu yang mendedahkan individu-individu yang menggunakan gelaran Datuk, Dato' Sri dan sebagainya sebagai modal mereka untuk mencari keuntungan.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kementerian. Pertamanya, setakat sekarang berapa ramai individu yang telah dikenal pasti mengguna dan menipu nama dengan gelaran-gelaran ini yang telah ditahan, didakwa ataupun disiasat? Ini kerana perlu diperjelaskan kerana saya melihat penggunaan gelaran-gelaran ini, sekarang ini terlampau aktif di peringkat mereka yang sudah membuat jualan MLM ini. Ramai daripada yang di bawah ini tertipu hanya kerana mereka ini datang dengan kereta besar, gelaran "Datuk", "Dato' Sri", "Tan Sri", dan sebagainya. Jadi, saya hendak statistik terkini daripada pihak kementerian.

Keduanya, saya cuma hendak tahu daripada segi undang-undang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Adam tadi, tentang bagaimana kalau kita lihat daripada segi undang-undang penguatkuasaan ini sendiri, seolah-olah denda dan hukuman ini tidak setimpal dengan apa yang mereka buat. Ini kerana saya yakin mereka ini orang yang berhabis wang mungkin nilainya puluh ribu, malahan ratus ribu hanya untuk lobi dapat gelaran ini daripada sesetengah pihak. Akan tetapi apabila mereka ini menyalahgunakan nama dan *title* itu, hanya hukuman penjara tiga tahun dan denda RM10,000. Saya rasa ini satu benda yang celah gigi dia

sahaja. Dia buat salah, dia hendak bayar, dia boleh bayar sebab terlalu rendah. Jadi, saya rasa perlu diteliti semula daripada segi hukuman denda dan penjara ini agar mereka ini tidak melakukan kesilapan itu berulang-ulang.

Ketiga, saya hendak tanya juga dalam isu broker ini. Broker pingat ini, orang tengah ini, sebab ada kebanyakannya timbul orang tengah ini yang menjadi perantara di antara sebuah institusi dengan orang yang hendak terima gelaran ini. Saya juga hendak tahu kalau kewujudan broker-broker ini, kalau mereka ditahan, ditangkap, apakah hukuman dan juga denda atau sebaliknya yang dikenakan kepada mereka? Saya harap juga satu undang-undang khas untuk broker-broker ini dikuatkuasakan agar tidak lagi, bagaimana yang kita sebut, tidak lagi menjadikan institusi Diraja itu yang kita tahu kebanyakannya mengeluarkan gelaran-gelaran ini dicemuh, dihina dan sebagainya. Ini kerana kebanyakannya menyalahkan akhirnya institusi Diraja memberikan pingat-pingat ini kepada orang-orang yang tidak sepatutnya.

Akhirnya, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pemantauan. Saya hendak tahu daripada pihak kementerian, bagaimanakah sesi pemilihan calon-calon ini dibuat? Contohnya, di Selangor baru-baru ini Tuanku Sultan menitahkan bahawa penerima pingat setiap tahun hanya 75 orang, tidak lagi mencecah ratusan dan ribu kerana dia tidak mahu lagi nama-nama ini disalah guna. Jadi, ini satu langkah yang saya kira baik dan sebaiknya setiap negeri juga ikut serta cara ini kerana kita hendak isu ini bukan lagi isu yang orang katakan isu lambakan. Kita hendak orang-orang yang betul ada integriti dilantik dan diletakkan untuk menerima darjah-darjah seperti ini.

Kedua, daripada segi pemantauan penipuan ini tadi. Saya hendak juga apa yang kementerian buat bagi memastikan penipuan penggunaan ini, sebab kalau boleh kementerian *check*, pegawai kementerian boleh *check* rujuk di *Facebook*, nama *Facebook* itu gelaran palsu. Ada disenaraikan ramai pemilik-pemilik nama gelaran palsu ini yang menggunakan nama "Dato' Sri", "Tan Sri" dan sebagainya, kementerian boleh ambil, tengok, gambar dia pun ada. Kalau perlu ambil tindakan, boleh ambil tindakan. Saya kira ini juga satu cara mudah untuk kementerian menyelesaikan perkara ini. Saya kira tidak banyak Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja soalan saya. Terima kasih sekali lagi kerana memberikan saya ruang dan peluang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Aisyah. Saya pergi ke penghabisan iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, dipersilakan.

■1500

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*
Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang kepada saya dan sewajarnya saya patut memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengambil inisiatif untuk melihat perkara ini yang berkaitan dengan penyalahgunaan anugerah. Di mana ia merupakan satu isu yang ditertawakan oleh masyarakat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan memang kita mengucapkan terima kasih pada pihak Kerajaan Pusat mahupun kerajaan negeri kerana telah memberikan berbagai-bagai darjah kebesaran, pingat kehormatan pingat yang diterima oleh orang yang berkelayakan sebagai membalas jasa mereka kepada pihak negara ataupun negeri tersebut. Ini kita terima. Akan tetapi, malangnya pada hari ini kita lihat terlampau banyak, terlalu mudah diberikan kepada individu-individu tertentu tanpa dapat kita lihat dengan jelas apakah sebenarnya jasa mereka kepada negara mahupun kepada negeri tersebut.

Sehinggakan pada hari ini, kita telah memberi peluang yang begitu luas kepada sesetengah pihak yang membeli anugerah. Ia menggunakan wang iaitu kalau mereka ada duit, mereka boleh mendapat pingat Datuk tanpa ada apa-apa jasa. Apatah lagi pada hari ini juga kita dapat melihat mereka yang memakai anugerah palsu dan juga anugerah yang tidak diiktiraf. Sedar ataupun tidak sedar kita perlu cakna tentang masalah ini ia agar kita sama-sama dapat bantu membendung sebelum ia menjadi virus yang sukar dikawal kelak.

Saya juga patut memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menyediakan satu sistem semakan penerima darjah kebesaran bintang dan pingat di laman sesawang Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri. Saya amat mengharapkan kemudahan tersebut akan sentiasa dikemas kini. Bukan itu sahaja, dikuatkuasakan dengan efisien dari semasa ke semasa agar tidak timbul persoalan dan salah faham dari mana-mana pihak.

Seterusnya juga saya berharap agar pihak Yang Berhormat Menteri dapat menyediakan senarai anugerah yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sama ada ia di dalam mahupun di luar negara sebagai panduan kepada penerima-penerima anugerah. Saya yakin dengan pelaksanaan seperti ini sekiranya seseorang penerima menerima apa-apa jemputan untuk menerima anugerah tersebut mereka boleh merujuk kepada pihak kerajaan tentang maklumat anugerah tersebut dan mengenal pasti sama ada ia palsu ataupun diiktiraf secara sah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merupakan seorang yang berlatarkan akademik. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan sedikit untuk memasukkan sedikit isu yang juga berkaitan

dengan masalah anugerah ataupun penyalahgunaan anugerah. Dalam dunia akademik, kita juga mempunyai masalah yang sama seperti misalnya penggunaan “Dr.” dan penggunaan Profesor. Walaupun kita tahu beliau tidak pernah buat PhD, tidak pernah belajar. Bahkan adakala kita tahu *background* dia SPM sahaja tiba-tiba mempunyai “Dr.”, ataupun tidak seorang yang tidak pernah menjadi seorang ahli akademik, dia tidak pernah jadi seorang pensyarah, Profesor Madya, Profesor tetapi mendapat gelaran “Profesor”, mahupun “Profesor Emeritus.”

Ini satu masalah yang besar dan saya katakan tadi, ia berhubungan dengan anugerah dan saya tahu ini bukan tugas Yang Berhormat Menteri yang ada pada petang ini ia lebih kepada tugas yang melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi. Akan tetapi, ini juga merupakan satu masalah yang besar. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua bahawa doktor yang boleh menggunakan *title* “Dr.” sama ada *medical doctor* ataupun *dentist* ataupun yang mempunyai PhD. Akan tetapi, pada hari ini kita juga melihat beberapa orang tokoh tertentu dianugerahkan dengan *Honorary Doctorate*.

“*Honorary Doctorate*” tidak boleh menggunakan “Dr.”. Dia tidak boleh di-*address* sebagai “Dr. So, and so.” Walaupun dalam surat-menyurat ia boleh menggunakan “Dr.” tetapi *in bracket*. Akan tetapi, kita tidak boleh menggelar dia ataupun dia tidak boleh mengatakan saya “Dr. so and so”- *only Doctorate*.

Begitu juga “*Adjunct Professor*”- *Adjunct Professor Honorary Professor*. Hendak jadi Profesor dia ada peringkat-peringkat kenaikan pangkat sampai ke tahap yang tertinggi. Itu pun Profesor JUSA ‘C’, ‘B’, ‘A’. Akan tetapi ada orang tiba-tiba menggelar diri mereka “Profesor”, walhal mereka ialah “*Adjunct Professor*.” Ini juga tidak boleh digunakan tetapi ia amat berleluasa. Termasuk juga, saya mengharapkanlah kementerian tersebut dapat melihat kes-kes yang lain tertentu di mana seseorang boleh menggunakan sewenang-wenangnya sesuka hati *title* diletakkan dalam nama mereka tanpa ditegur oleh mana-mana pihak.

Disebabkan- katakan saya hendak kaitkan dengan masalah lebih besar penggunaan darjah kebesaran seperti “Datuk” dan “Tan Sri”, maka sewajarnya juga saya mengharapkan isu yang sama ini juga dapat difikirkan bersama walaupun tanggungjawab kita berikan kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi khususnya. Secara keseluruhannya, saya amat menyokong segala usaha yang dilaksanakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016. Pelaku-pelaku yang menggunakan anugerah yang tidak diiktiraf dan palsu ini perlu diberi pengajaran atas kesalahan yang dilakukan. Maka dengan itu, saya menyokong usul ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, dan akhir sekali kita beri peluang kepada Yang Berhormat Presiden Majlis. Sila.

3.07 ptg.

Dato' Sri Khairudin Samad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atas permintaan Tuan Yang di-Pertua, saya akur dan saya tambah sedikit-sedikit apa yang rakan-rakan telah nyatakan untuk Yang Berhormat Menteri memberi ulasan nanti.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya melihat anugerah luar negara. Anugerah luar negara ini saya rasa ada dua. Satu, yang diberikan oleh negara berkenaan kepada mana-mana individu di dalam negara kita. Kalau saya mungkin saya dapat Sir Khairudin dari England umpamanya. Akan tetapi saya, balik ke England baru saya dipanggil "Sir". Takkan di sini panggil "Sir". Orang ingat saya cikgu sekolah. Jadi, itu adalah berbezaan. Janganlah balik sini pun *dok "Sir, Sir"*- tidak betul. "Sir" nanti orang Kelantan fikir lain pula.

Ini satu, yang kita hendak tekankan ini yang dapat daripada Mindanao, Sulu, Yogja. Kalau dia dapat di sana, dipakai di sana. Tidak ada masalah. Akan tetapi, jangan pakai di sini.

Saya pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini, ambil anugerah bayar RM10,000 atau RM20,000 di istana tetapi 'istana hotel'. Dipakaikan selempang, diberi pingat dan sebagainya. Lepas itu, buat *call card*, dengan izin, *business card* pakai nama "Datuk", "Dato' Seri", dan sebagainya. Kemudian mereka ini, menggunakan jawatan anugerah-anugerah ini untuk melobi *business* dan sebagainya. Ada setengah itu terkenallah yang mana, yang kita pergi, yang orang mengharap sangat untuk berhubungan dengan pingat- yang ada darjah-darjah ini terkenallah. Itu yang terkena berpuluh ribu.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Adam dan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah tadi. Beli ini kalau tidak salah sayalah, saya dengar- Yang Berhormat Menteri mungkin lebih arif. Hendak beli satu darjah ini bernilai ratusan ribu. Ratusan ribu. Kalau denda RM10,000, tidak berbaloi. Kalau dia sanggup bayar RM100,000 atau RM200,000 untuk mendapat darjah-darjah kebesaran yang palsu ini, kenapakah kita hendak denda dia sedikit sangat? Baru kita dapat membendung. Kalau tidak, tidak boleh. Mesti kena tinggi sebab nilai yang dibayar itu lebih tinggi.

■1510

Saya hendak sebut apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri tadi saya rasa, Yang Berhormat Menteri juga boleh sebut sedikit yang “dokter-dokter” ini. Dia boleh pakailah *bracket* tetapi tidak payahlah pakai *bracket* bila ada majlis, kita kena sebut. Kalau saya sebut “Profesor Dr. Sim”. Itu betul sebab layak tetapi kalau- tidak payah “Profesor”, “Dato’ Sri Dr. Khairudin”, tidak betul. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, itu betul sebab dia memang ada PhD. Saya kalau dapat Kehormat, tidak payah pakailah. Ini pun kita kena tengok juga.

Ini kadang-kadang yang ini pun boleh berniaga ini, yang ada ‘dokter’ ini boleh meniaga walaupun dia *inject* ayam. Kerja dia *inject* ayam tetapi Doktor Kehormat, boleh pakai. Dia tidak menjadi masalah tetapi kita jangan pakailah. Kerja dia *inject* ayam pun takkan hendak panggil “dokter”. Kalau hendak panggil “dokter”, itu yang dok *inject* lengan itu lagi ramai. Yang *inject* lengan itu Tuan Yang di-Pertua, kata Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi, ada 52,000 di dalam, 52 peratus ada di dalam. Itu semua pakar *inject*. Pakar suntikan. Itu boleh panggil ‘dokter’.

Jadi kita janganlah benda-benda yang macam ini tetapi kalau anugerah kepada silat, saya dalam Gayung, saya dapatlah selempang apa semua tetapi tidak pernah orang panggil “pendekar” pun. Tidak ada, “Dato’ Sri Pendekar Khairudin Samad”, tidak ada.

Yang Berhormat- tidak ada pula Setiausaha PESAKA di dalam. Kita tidak panggil. Dalam silat memang ada. Dalam persatuan sukan memang ada. Ada yang gelaran-gelaran tetapi kita tidak panggil tetapi kalau dalam majlis silat, kita akan sebut “pendekar”, dan sebagainya. Itu kita dapat. Tidak jadi masalah sebab memang pendekar pun. Kalau tidak, tidak pandai bersilat dalam Dewan. Kita bersilat lebih hebat daripada Menteri bersilat. Itu saya boleh akui. Fasal itu kita dapat gelaran ‘pendekar’ tetapi ‘pendekar’ yang dipakai di luar Dewan, di dalam persatuan silat tidak boleh kita hendak *action*, hendak menunjuk-nunjuk untuk hendak gunakan gelaran-gelaran ini.

Saya tertarik tadi sebab bila saya dengar soal dalam akademik, dalam persatuan yang disebut oleh rakan-rakan. Cuma bila Yang Berhormat Senator Dato’ Adam sebut kata, kita hadkan kepada negeri-negeri, saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh bagi pencerahan hak negeri-negeri memberi anugerah ini ialah “*Hak Beta*”. Kita rasa kita tidak boleh sentuh. “*Itu hak Beta. Apabila Beta hendak bagi, Beta bagi*”. Tidak boleh. Ini satu perkara yang cukup sensitif.

Saya pun tadi berbisik-bisik juga dengan Yang Berhormat Menteri. Kalau kita sentuh, mungkin jadi masalah sebab kalau terlalu ramai pun- saya pun setuju. Ambil satu biji batu baling kena- “*You pangkat apa? Dato*”. Ambil satu biji batu baling “*You apa? Dato’ Sri*”. Ambil

satu biji batu baling sahaja- PJK, PKT, dan sebagainya. Dan yang ini semua diperalatkan oleh mereka ini untuk kepentingan. Ia sudah jadi macam kita gunakan ini untuk skim cepat kaya... [Disampuk] Saya punya tidak payah. Saya punya yang diiktiraf... [Dewan ketawa]

Ada orang tanya saya- bayar atau tidak? Saya manalah ada duit hendak bayar macam itu Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada, kalau- baik saya kahwin lagi satu daripada saya pergi tambah pingat.

Tadi saya sebut pada kawan-kawan. Oleh sebab mereka tahu saya ini timbalan kepada setiausaha agung, bukan timbalan setiausaha agung, timbalan kepada setiausaha agung dan merupakan Menteri Wilayah, apabila disebut, Dato' dari Wilayah, keempat-empat isteri boleh jadi Datin. Dato' dari negeri lain tidak boleh. Semua pakat lobi pada saya Tuan Yang di-Pertua. Lobi untuk dapat Dato' dari Wilayah Persekutuan kerana semua hendak kahwin empat termasuklah yang bukan Islam. Saya terperanjat. Rakan-rakan yang bukan Islam pun minta sebab hendak kahwin empat.

Ini halwa sebelah petang kerana saya tahu rakan-rakan ramai mengantuk. Jadi saya tolong hidupkan semangat, ceriakan Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri, jangan- yang setengah itu tidak payah jawab. Fasal ini hendak menceriakan. Hendak menceriakan suasana yang agak mengantuk. Saya tengok ada yang sudah terkulai-kulai. Akan tetapi bila saya bangun *time* macam ini, Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya tidak mahu bercakap- mereka disuruh. Macam Tuan Yang di-Pertua *dok signal* saya suruh bangun...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Suruh bangun, suruh bangun. Saya terpaksa bangun.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit, boleh?

Dato' Sri Khairudin Samad: Ya, silakan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin. Dato' Sri betul ya? Saya sebenarnya dalam isu ini saya amat menyokong atas langkah kerajaan yang membentangkan rang undang-undang ini.

Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, di Parlimen saya, di bahagian saya, Ketua Cawangan, Dato' Sri bukan Dato'. Dapat Dato' Sri. Selempang saya nampak, lebih kurang sama tetapi saya takkan beritahu negeri mana. Apa yang menyeronokkan dia dapat Dato' Sri dia duduk rumah PPR Kampung Batu Muda, Dato' Sri

Khairudin. Mula-mula dia dapat Dato' Sri, dia satu 'bini'. Duduk sebulan selepas itu jadi dua 'bini'...

Timbalan Yang di-Pertua: Isteri dua.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Hari ini, tiga hari lepas baru kahwin satu lagi. Jadi, empat 'bini'... [Disampuk] Bukan 'Dato' Sri' Wilayah. Tidak ada, tidak ada. Empat 'bini'.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang kejadian ini, dan apakah tindakan yang boleh kita ambil yang sewajarnya kepada mereka seperti ini? Saya rasa bukan sahaja di berlaku Batu, mungkin berlaku juga di tempat-tempat lain. Ini bak kata profesor tadi, ada juga ketua cawangan di kawasan saya, bukan sahaja 'Dato' malah 'Dato' Dr.' Kita tahu sekolah dia tidak sampai ke mana. Saya *check*, saya *research*, saya *Google* semua, tidak ada pun tetapi masih dengan kad, dengan *name tag* yang gambar dalam *WhatsApp*, dia bubuh gambar Kolonel Kehormat iaitu RELA. Ya, bukan yang ada... [Menunjukkan isyarat tangan] Akan tetapi dia gunakan perkara-perkara macam ini. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya, Tuan Yang di-Pertua- ada masa kah ini hendak kena ulas?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ada.

Dato' Sri Khairudin Samad: Ada ya? Yang Berhormat Menteri, *dok* tunggu hendak gulung. Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya, pertama saya hendak ini. Yang memperjuangkan rumah PPR untuk Dato' Sri itu, Datuk Yahaya lah [Ketawa] Dia tiap-tiap hari berjuang untuk dapat rumah PPR. Ini masalahnya sekarang. So dia sudah dapat rumah PPR kepada 'Dato' Sri'. Sekarang dia kena perjuangkan untuk dapatkan tiga buah rumah lagi supaya berlaku adil kepada empat-empat isteri. Itu Datuk Yahaya kena carilah.

Tadi saya *dok* bisik juga dengan Yang Berhormat Menteri, saya kata ada negeri yang kita pakai misalnya sayalah, saya bagi senanglah, misalnya saya. Kalau saya kahwin lagi satu, isteri saya tidak boleh pakai sebab saya bukan Dato' wilayah. Tidak boleh pakai "Datin" tetapi dalam Islam, Dato' Johari, saya kena berlaku adil. Dua-dua isteri ini saya sudah beli seorang satu Mercedes. Saya sudah beri seorang satu sebuah banglo, saya berkongsi hari pula dengan kedua-dua isteri. Macam mana saya tidak boleh berkongsi "Datin". Ini jadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

■1520

Dato' Sri Khairudin Samad: Ini sebab Islam kena berlaku adil. Tidak begitu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua pun kalau mahupun kita boleh *adjust [Ketawa]* Untuk dapat dua “Datin Seri”. Dia- TBB- “tak berani bising”, “takut bini bising”. Apa tidak tahu Tuan Yang di-Pertua cerita dekat saya. Dia ada istilah baru sewaktu Dato’ Seri buat tesis, dia ada perkataan disebut TBB. Saya tanya apa itu Dato’ Seri TBB? “Takut bini bising” *[Ketawa]* Itu yang tidak berani itu. Bukan tidak berani apa, takut bini bising tidak mahu macam nyamuk tepi telinga. *Maintain* satu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi itu saya hendak jelaskan yang pertama- kita dulu tidak boleh ambil tindakan. Oleh sebab itulah kita hendak luluskan rang undang-undang ini. Kalau mengikut Yang Berhormat Menteri kita lulus yang ini, selepas ini semua tindakan kita boleh ambil. Jadi kalau yang minta-minta apa statistik semua untuk berapa ini saya rasa Yang Berhormat Menteri akan ulaskan. Ini sebab sekarang ini belum lagi ada tangkapan.

Oleh sebab dulu kita tidak ada rang undang-undang ini. Ini baru, ini benda yang baru yang kita hendak buat. Oleh sebab itulah kita duduk dalam Dewan yang mulia pada petang ini untuk meluluskan undang-undang ini supaya kita boleh ambil tindakan seterusnya selepas ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, cukuplah setakat itu atau hendak suruh saya sambung lagi? Saya ini boleh sambung lagi banyak lagi ini. Jadi saya bagi peluanglah untuk Yang Berhormat Menteri hendak menggulung. Jadi sekian terima kasih banyak saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 ini. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam*, terima kasih Dato’ Sri Khairudin Samad dan dicelahkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan seorang bagi lima minit sahaja nak minta sangat ini Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Kita bagi lima minit, sila.

3.22 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Alhamdulillah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin saya bercakap *last* ini. Selepas ini hendak gulung sudah. Pertamanya, saya hendak terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana hendak pinda undang-undang anugerah ini.

Sebenarnya undang-undang anugerah ini dari dulu lagi. Dulu saya ingat anugerah ini dihargai tetapi sejak kebelakangan ini nampaknya masyarakat pun sudah jadi tidak stabil memandang anugerah-anugerah ini. Saya mintalah Yang Berhormat Menteri supaya *centralize*-kan sebab Datuk ini ramai sangat. Dekat *Facebook* itu saya tengok Datuk ini, Datuk itu semua

ini Datuk. Kita tidak tahu pun Datuk daripada mana, daripada Siam, Thailand, Indonesia atau dari *Philippines*- banyak Datuk. Jadi kalau boleh kita *centralize*-kan supaya senang kita boleh *check*. Kalau dia Dato' Seri atau Datukkalau ada *centralize* kita boleh *check* betul kah dia Datuk ini, negeri mana yang bagi.

Kedua, yang sudah dapat Datuk ini sebelum bagi anugerah itu saya mintalah supaya dihantar nama ke KDN, tapis dulu. Dia ini gengster, kepala perompak atau kaki tarik kereta kah. Ini gengster, kaki tarik kereta pun dapat Datuk. Jadi imej Datuk, imej pemberi Datuk itu. Jadi minta KDN tapis dulu.

Ketiga, saya kalau bolehlah umur Datuk itu janganlah umur 19 dapat Datuk. Kita hendak panggil Datuk pun segan. Umur 19 dapat Datuk, umur 20. Kalau boleh gazetlah 45 tahun ke atas. Ada *value* sikit, ini umur 19 dapat Datuk kita hendak panggil pun tidak tergamak.

Jadi saya rasa lima minit ya Tuan Yang di-Pertua bagi. Cukuplah, minta Menteri jawablah. Terima kasih [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita sudah dengar dengan penuh teliti bahawa ramai antara kita punya Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian memberi pendapat yang baik dan bernas.

Sekarang kita serah kepada Yang Berhormat Menteri kita untuk menjawab. Sekarang minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.25 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menimbulkan isu-isu berkenaan dengan rang undang-undang ini. Saya begitu mengucapkan terima kasih bagi pihak kerajaan kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong 100 peratus kepada rang undang-undang yang mana bagi kerajaan satu langkah begitu proaktif.

Walau bagaimanapun, saya ingin menjawab secara menyeluruh Tuan Yang di-Pertua bahawa yang lebih penting adalah untuk kita memahami bahawa rang undang-undang ini adalah bertemakan kepada anugerah yang tidak diiktiraf. Definisi anugerah tidak diiktiraf itu ialah anugerah yang tidak keluar daripada pengiktirafan oleh kerajaan. Kalau kita tengok dalam bidang kuasa negara asing dalam rang undang-undang ini adanya senarai jadual daripada negara-negara yang dilihat sebagai negara yang bertauliah. Jadi kalau mereka mendapat anugerah daripada negara yang tidak bertauliah itu dikategorikan sebagai tidak diiktiraf oleh negara kita.

Keduanya, ialah keadaan yang sedemikian yang mana disebut oleh sahabat-sahabat terutama Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya dari Batu yang menyatakan tentang yang macam anugerah kita tapi bukan anugerah kita terutama daripada kesultanan-kesultanan yang memang tidak pernah wujud dan juga istana yang disebut itu istana hotel. Kalau kita tengok sejak kebelakangan saya rasa surat khabar yang begitu agresif dalam isu ini ialah akhbar *Utusan Malaysia*. Ini sebab dilihatkan sebagai memalukan bukan sahaja yang menerima ataupun memberi tetapi juga yang menghadiri.

Kalau saya, dengan izin, tunjuk kepada Yang Berhormat gambar-gambar ini yang keluar dalam *website* ini... [*Menunjukkan beberapa keping gambar*] Kalau kita tengok memang sekali pandang itu memang anugerah seolah-olah yang diiktiraf dengan dia punya baju Melayu dengan dia punya selempang dengan Dato' Seri itu dia ada dia punya medal. Inilah sebenarnya kategori saya tidak tahulah hendak cakap dia orang ini kurang siuman. Akan tetapi yang lebih dahsyatnya mereka ini sebenarnya tidak diiktiraf. Akan tetapi bila dia berjalan dia tergamak letak dalam *business card*, dia memanggil diri dia Dato' Seri dan bila kita siasat tengok Dato' Seri belakang itu- "Mindanao", dia tidak dalam kategori yang disebutkan oleh negara-negara yang diiktiraf. Bererti bahawa rang undang-undang ini bertekan kepada anugerah yang tidak diiktiraf. Itu jadi keutamaan.

Akan tetapi yang mana Yang Berhormat Senator menyebut tentang kategori umur, kategori perlu diberikan atau tidak. Kalau anugerah daripada anugerah yang diiktiraf yang mana Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad menyebut tentang negeri-negeri yang memberi, disebabkan memberi mengatakan bahawa mereka dalam jawatankuasa merasakan umur yang muda itu didefinisikan sebagai iktiraf, kerajaan tidak boleh campur tangan. Ini sebab yang mana kerajaan campur tangan adalah hanya kepada anugerah yang tidak diiktiraf.

Akan tetapi bagi saya rang undang-undang ini langkah pertama sebab kita telah berbicara tentang perkara ini sudah bertahun-tahun. Hendak bercakap tentang anugerah dari Mindanao, daripada Sulu, Sulawesi ini daripada dulu sudah lama sudah.

Saya dimaklumkan bahawa dalam kes-kes ini sekali dia tawarkan Dato' Seri itu sampai RM150,000- satu kepala. Kalau sepuluh orang dapat RM500,000, dapat RM1 juta. Manakala yang tukang buat itu yang sekarang ini kerajaan hendak katakan bahawa yang tukang buat itu yang guna medal yang sama dengan format medal yang mana kita iktiraf keluar, itu juga perlu ditangkap. Ini sebab kalau dia tidak buat orang tidak pakai. Oleh sebab dia buat itulah, dengan izin, bahawa inilah sebenarnya yang mewujudkan keadaan seolah-olah yang diberi itu adalah iktiraf.

Itu sebabnya bagi kerajaan langkah pertama kita ini dalam rang undang-undang ini...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Yang Berhormat, saya hendak minta laluan.

Dato' Sri Khairudin Samad: *[Bangun]*

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Siapakah dulu?

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya dululah *[Ketawa]*

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Presiden?

Dato' Sri Khairudin Samad: Ketua Whip.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Yes, Sir [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila

Dato' Sri Khairudin Samad: Minta izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, boleh tak saya tambah sikit? Yang Berhormat Menteri kalau boleh kita collaborate dengan Jabatan Pendaftaran Negara ini sebab difahamkan ada yang bawa sijil-sijil palsu ini yang tidak diiktiraf ini ke Jabatan Pendaftaran Negara. Jabatan Pendaftaran Negara pula keluarkan kad mengatakan si polan ini Datuk.

■1530

Saya pernah bawa dalam Dewan yang mulia ini, bukan sahaja dia dapat kad dari Jabatan Pendaftaran Negara, dia menggunakan kad dari Jabatan Pendaftaran Negara itu untuk masukkan "Datuk" nya ke dalam lesen memandu beliau. Saya bawa perkara ini ke Jabatan Pengangkutan Jalan. Ketua Pengarah pun terperanjat kerana macam mana stesen dia boleh masukkan nama 'Datuk' di dalam lesen memandu.

Kalau boleh kita bincang dengan Jabatan Pendaftaran Negara, jangan sewenang-wenang orang bawa sijil kah apa, dia terus masukkan 'Datuk' ke dalam kad yang diberi berasingan untuk dia bawa bersama-sama dengan MyKad nak menunjukkan kepada orang bahawa dia ada 'Datuk'. Saya yang dapat tiga empat 'Datuk' pun tidak pernah buat kad berkenaan, tetapi saya difahamkan ada dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bangkitkan isu yang saya sebut tadi. Ini bukan isu Mindanao apa semua. Isu dalam negara kita. Biarlah saya berterus terang. Apabila saya jumpa dengan yang beristeri empat tadi, isteri dia semua pakai "Datin Seri". Empat-empat isteri termasuk yang baru kahwin pun pakai "Datin Sri."

Seorang Ahli: Adillah itu.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya, adillah sebagaimana yang dikehendaki, yang dituntut oleh Islam sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Khairuddin tadi. Apabila saya tanya dia, berdepan dengan dia, "*Dari mana awak dapat 'Dato' Seri' ini?*", dia tunjuk kad. Apabila tunjuk *name card* dia, lambang Kerajaan Negeri Perak. Minta maaf. "*Awak dapat daripada DYMM Sultan Negeri Perak kah?*" "*Bukan. Daripada kerabat Sultan Perak.*" Ini yang berlaku.

Jadi, adakah "Dato Seri" yang dapat seperti mana yang saya perkatkan tadi juga tidak diiktiraf oleh kerajaan? Kalau tidak diiktiraf oleh kerajaan, selepas ini lulus undang-undang, saya bagi dekat Menteri lah ambil tindakan. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat, sebenarnya jika perkara yang disebut itu berlaku, selalunya yang menyatakan anugerah itu diberikan oleh negeri, yang mana bagi rang undang-undang ini, ia tidak kepada anugerah yang sah diberikan oleh negeri-negeri. Akan tetapi jika terdapatnya situasi yang disebut oleh Yang Berhormat yang sedang berlaku, yang mana anugerah diberikan oleh pihak ketiga bagi pihak negeri, sebagai contoh seperti contoh yang diberi oleh Yang Berhormat, saya rasa mereka boleh memberikan laporan kepada negeri tersebut. Sebab, negeri ini dia mempunyai sistem penganugerahan jawatankuasa dia sendiri.

Itu sebab saya sebut, rang undang-undang kita, dia tidak boleh dipakai kepada anugerah yang diiktiraf. Sama ada Yang Berhormat Abdullah sebut bagi aspek umur atau pun latar belakang ataupun apa yang disebut kriteria-kriteria jenayah dan sebagainya, dia ada jawatankuasa yang menilai. Akan tetapi, bagi pihak Wilayah Persekutuan, dengan anugerah yang diberi Yang di-Pertuan Agong, kita di Bahagian Istiadat mempunyai sistem sendiri terutamanya sistem penilaian daripada segi kebankrapan, tidak adanya kes jenayah, bukan jenayah dan sebagainya.

Tadi ada Yang Berhormat sebut tentang kes pembunuhan "Datuk" di Pulau Pinang yang ditembak. Saya tidak yakin atau pun yakin, saya tak tahu. Akan tetapi, daripada segi fakta, ini berlaku kerana kita menganggap "Datuk" ini mesti "Datuk" yang bertauliah. Kemungkinan yang mendiang ini "Datuk" yang tidak bertauliah, sebagai contoh. Sebab, dia tidak macam Ph.D yang disebut Yang Berhormat Tan Sri Senator tadi, bahawa kalau dia Ph.D yang disebut bukan Ph.D *doctorate* itu, bukan *doctorate* daripada *doctorate* yang betul-betul, dia boleh pakai sistem *bracket*. Akan tetapi, daripada segi '*Datukship*' itu yang mana tidak diiktiraf itu, dia tidak ada sistem *bracket*. Dia jalan dengan "Datuk", dan "Datuk Sri". Bagi sekali pandang, terutama bagi

rakyat yang berhubung dengan dia yang tidak tahu siapa dia ini, dia akan mengagap bahawa si polan si polan ini mendapat anugerah yang diiktiraf.

Seperti mana juga Yang Berhormat Senator Khairuddin sebut, dalam JPJ, sebab sebenarnya dalam kad JPJ, dalam pasport sekalipun, dia tidak dibenarkan letak dia punya *title*, dengan izin- "Dato", "Profesor", "Doktor." Pasal kita pergi luar negara, kalau imigresen, dia tengok "Datuk", cakap pun dia tidak boleh, faham pun tidak, satu dunia hendak kena jawab bila isi nama pasport itu dengan nama sebenar dengan pasport dengan nama sebenar yang kita pakai gelaran. Sebab, gelaran kita ini tidak dikenali atau diterima oleh negara asing, sebagai contoh.

Itu sebab dalam perkara ini, rang undang-undang ini, kerajaan bertekan kepada isu bahawa anugerah yang tidak diiktiraf, bererti anugerah ini sebenarnya tidak wujud. Akan tetapi jikalau anugerah ini tidak wujud dan dijalankan seolah-olah anugerah ini anugerah yang bertauliah atau wujud, ini satu kesalahan yang begitu besar yang sedang berlaku.

Bagi pihak kerajaan, saya ingin menekankan pada hari ini dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab dalam Mesyuarat Kabinet, beliau memang begitu, dengan izin, bahasa Orang Putih, *adamant* mahu melihat bahawa undang-undang ini wujud, sebab sudah terlampau banyak sangat yang membawa gelaran yang sebenarnya gelaran itu tidak wujud. Ini yang paling bahaya, sebab kita tidak tahu daripada mana. Betullah, masalah budak kah, kepala gengster kah, tiga *line*, empat *line*, enam *line* ini bahaya. Sebab nanti bila kita berjalan dengan 'Datuk' ini, tidak dihormati.

Akan tetapi saya ingin maklum, kalau perkara ini berlaku di *United Kingdom* dia panggil diri "*House of Lord*" ataupun dia adalah "*Sir*" tetapi dia bukan "*Sir*", saya rasa terus masuk penjara, dan tidak ada orang akan persoalkan. Ini kalau betullah JPJ- saya rasa kita hendak laporan bertulis ini. Macam mana JPJ boleh letak nama 'Datuk' dalam lesen hanya sebab dia hendak lepas daripada saman.

Sebenarnya ia akan membawakan lebih banyak pengaiban daripada segi memalukan mereka yang membawa gelaran. Sebab, kita yang membawa gelaran ini akan dilihat dalam kategori yang tidak dihormati kalau dia berjalan daripada gelaran yang tidak diiktiraf.

Saya tidak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau dia boleh sangguplah pakai selempang, pakai anugerah-anugerah diraja, "Datuk Seri" dan sebagainya dan dia boleh ambil gambar dan dia boleh pergi Hotel Vistana kah, macam-macam hotel, dia boleh berjalan seolah-olah ini anugerah, saya rasa ini dalam kategori lebih kepada muka tidak malu. Macam mana dia boleh anugerah diri dia sebagai satu "Datuk"? Ini yang menjadi satu keadaan bahaya.

Dan saya hendak cakap ini tak naklah dalam aspek perkauman tetapi banyak berlaku kepada orang Melayu. Ini yang menjadi keadaan yang, kata orang, memalukan sebab yang memberi anugerah selalunya daripada tuanku-tuanku sultan yang dipimpin oleh kepimpinan Kesultanan Melayu. Jadi kita nak jaga supaya bukan sahaja yang menghadiri, menerima, tetapi yang membuat, yang menjemput, yang *booking* Hotel Vistana itu semua kita kena tangkap. Sebab kalau kita tidak tangkap, dia rasa dia menghadiri, dia lepas.

Akan tetapi yang bab-bab balu, bab-bab yang cerai mati dengan cerai hidup itu, itu saya dah terangkan tadi dalam taklimat iaitu ikut negeri-negeri. Akan tetapi yang kita tahu "Tan Sri" ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh dipakai untuk keempat-empat isteri. Sebab 'Tan Sri' datang dari wilayah, daripada Yang di-Pertuan Agong. Jadi yang mana kalau lebih, Yang Berhormat Senator Khairuddin hendak yang lebih, dapatkan sajalah "Tan Sri". Kalau tidak, pergi ke negeri-negeri ini susah juga, setiap negeri hendak dapat empatkah hendak dapat tiga, tetapi kalau Tan Sri itu dapat satu- ha, Tan Sri Laksamana ada. Betul, Tan Sri? Satu, setel semua... [*Dewan ketawa*]

Jadi saya jawab kepada poin-poin yang ditimbulkan. Berkenaan dengan *database* yang disebut itu, memang sebenarnya adanya Bahagian Istiadat mempunyai *database* untuk nama-nama tetapi lebih kepada anugerah yang diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong. Kita ada sistem *database*.

Kemudian memberi anugerah yang, kata orang, denda RM10,000 yang kita kadang memang kita sekali pandang itu lihat kepada jumlah yang rendah, tetapi adanya klausa, *the clause* yang mengatakan, "...atau kedua-duanya sekali", jadi penjara dan juga bayar denda itu. Maknanya bukan penjara atau denda tetapi kedua-duanya pun boleh. Jadi maknanya hukuman ini boleh juga dilihat berat. Dan daripada aspek hukuman, seksyen-seksyen yang ada, dia bukan boleh juga satu seksyen dia boleh dituduh, dia boleh dituduh dalam pelbagai seksyen dan dikenakan hukuman seterusnya.

Yang Berhormat juga tanya soalan tentang proses dan prosedur kelulusan pemunyaan anugerah kerajaan asing kepada rakyat Malaysia. Saya sebut tadi yang kita dalam jadual ini mempunyai senarai dan mempunyai nota diplomatik yang mana sesiapa yang mendapat anugerah daripada sesebuah negara asing, dia boleh tulis ke Wisma Putra untuk mendapat kepastian sama ada anugerah ini sah atau tidak, sama ada perlu kita ambil anugerah ini ataupun tidak. Kedutaan ataupun Pesuruhjaya akan mengemukakan kepada Kementerian Luar Negeri dan pihak kementerian akan memanjangkan permohonan tersebut kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, untuk mendapatkan kelulusan kerajaan dan

perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tertakluk juga kepada tapisan keselamatan dan keutuhan yang telah dilaksanakan oleh pihak PDRM dan SPRM.

■1540

Bagi memberikan pengetahuan tepat berkenaan prosedur ini pada orang awam, beberapa pendekatan akan dilaksanakan oleh Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa sebelum kuat kuasa rang undang-undang iaitu dimuatkan naik ke laman web rasmi, surat edaran pemakluman ke semua kementerian, setiausaha kerajaan negeri, agensi berkaitan dan juga *public engagement*. Kemudian, saya menjawab pula tentang isu Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah berkenaan dengan proses pencalonan dan pemilihan untuk darjah kebesaran dan pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau pun negeri.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sila.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Sebelum Yang Berhormat masuk ke tajuk yang lain. Tadi kita bercakap soal dapat darjah dari luar negara sama ada kita nak iktiraf atau tidak. Sekarang ini soalan saya, bagaimana pula saringan dibuat untuk orang-orang luar yang kita nak bagi pingat kepada mereka contohnya, artis dari Indonesia, artis daripada *Bollywood* dan sebagainya yang kita bagi darjah-darjah kebesaran. Kalau di England dia kata *awards are granted on the advice on the Foreign and Commonwealth Office, this is what happened in England*, dengan izin. Jadi di negara kita ini siapakah yang akan memberi *recommendation* yang seperti ini, kadang-kadang artis itu memang *famous* tapi perangai dia pun kita tidak tahu jadi kita bagi Dato', Tan Sri dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat seperti yang saya sebut tadi kalau kita tengok di peringkat anugerah yang diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu anugerah daripada Kerajaan Pusat sudah tentu adanya sistem saringan yang dibuat yang saya sebut tadi iaitu tentang siasatan PDRM dan juga SPRM, dan sudah tentu kalau di peringkat mereka yang menerima ini adalah orang luar. Saya cukup yakin tapi saya kena beri jawapan secara bertulis tetapi saya cukup daripada sistem kita yang ada dalam negara. Selalunya apa akan berlaku ialah mereka akan juga memberikan siasatan kepada pihak Interpol ataupun pihak antarabangsa dan juga Kementerian Luar Negeri.

Akan tetapi kalau anugerah tersebut diberi oleh kerajaan negeri ataupun diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan sebagainya, yang saya sebut tadi itu dia ada jawatankuasa dia sendiri. Itu sebabnya dalam perkara ini yang mana Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin sebut tadi itu memang betul. Bila ia bertema kepada kuasa kerajaan negeri, sistem

saringan yang dilakukan ataupun budi bicara yang dilaksanakan, rang undang-undang ini tidak meliputi kuasa kerajaan negeri dalam aspek tersebut. Hanya kepada yang tidak diiktiraf.

Berkenaan dengan proses pencalonan penyerahan darjah kebesaran dan pingat sama ada di peringkat Persekutuan ataupun negeri, semua calon akan dipilih dalam beberapa peringkat jawatankuasa. Senarai muktamad adalah atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, Sultan, ataupun Raja-raja, Tuan Yang di-Pertua. Ini selalunya prosedur yang wujud dalam negara kita. Berkenaan dengan *brokerage* tentang pasaran gelap, fasal 15 ada mengandungi isu jual beli anugerah, seperti yang saya sebut tadi, ia akan dibaca bersama dengan Akta SPRM untuk suapan atau *brokerage*.

Sebenarnya *brokerage* ini kalau kita tengok daripada segi undang-undang, macam mana kita nak tuduh *brokerage* kecuali yang memberi itu mengatakan dia tidak mengesahkan pemberian. Akan tetapi kalau *brokerage* itu mengatakan dia mendapat arahan untuk menerima komisen ataupun mengambil komisen bagi pihak, saya rasa ini satu proses yang perlu dibuktikan dalam proses siasatan polis. Kita sebenarnya dalam aspek ini kita boleh menuduh tetapi peguam bela juga mempunyai pembelaan mereka sendiri, itu sebab saya katakan kalau adanya dalam jawatankuasa dan jawatankuasa memberikan keputusan muktamad, kemudian adanya si polan mengatakan bahawa dia telah beri RM500,000 kepada *brokerage* untuk mendapat surat anugerah. Macam mana dia nak tuduh? Duit itu pergi ke mana? Dia bayar untuk siapa? Takkan pakai sistem resit. Jadi ini aspek undang-undang.

Akan tetapi saya percaya dalam aspek anugerah yang tidak diiktiraf itu senang lagi dibuktikan sebab anugerah itu tidak wujud. Jadi kalau dia mengambil suapan, senang dia mengatakan bahawa suapan telah diberi, anugerah tidak wujud. Akan tetapi kalau anugerah itu anugerah yang diiktiraf, dia nak membuktikan proses suapan itu satu siasatan yang perlu dibuat oleh pihak polis. Seperti mana Yang Berhormat tahu, dalam isu-isu tertentu macam mana kita nak tanya jawatankuasa yang memberi anugerah ini sama ada adakah sistem *brokerage* diterima ataupun komisen. Kita nak tanya siapa? Oleh sebab yang memberi itulah akan menjadi orang yang menjadi penentu untuk mengesahkan adakah tidak dia meminta suapan dalam proses ini. Ini sesuatu yang agak sensitif untuk dibuktikan, ini proses undang-undang.

Berkenaan juga terdapatnya individu yang menggunakan anugerah palsu, sebenarnya seperti yang saya sebut tadi itu anugerah palsu ini kita boleh membuat laporan polis ataupun siasatan akan dibuat. Senarai anugerah yang dimasukkan dalam laman web supaya boleh disemak memang ada satu sistem tetapi hanya di Bahagian Istiadat, saya sebut tadi. Berkenaan dengan penjara dan juga denda dinaikkan, beberapa Yang Berhormat

mencadangkan jumlah hukuman yang lebih berat. Saya ingin menyatakan di sini seperti yang disebutkan bahawa hukuman tersebut itu diletakkan hukuman yang bersama iaitu undang-undang atau penjara.

Berkenaan dengan tentang anugerah asing yang tidak diiktiraf. Anugerah asing yang tidak diiktiraf juga ditanya oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, seperti yang saya sebut tadi itu tentang anugerah yang tidak diiktiraf itu dalam Jadual Pertama. Jadual Pertama dalam rang undang-undang ini boleh dibaca bersama untuk memberikan secara imbasan tentang negeri-negeri yang diiktiraf. Ada juga menanya tentang, saya tidak mendapat soalan ini tetapi di Dewan Rakyat ada ditanya Tuan Yang di-Pertua tentang negara yang tidak diiktiraf seperti Myanmar contohnya. Myanmar ini dalam keadaan sekarang ini mempunyai masalah *genocide*. Di mana pembunuhan beramai-ramai kepada golongan Rohingya.

Jadi, adakah ia dilihat sebagai anugerah yang tidak diiktiraf? Akan tetapi dalam jadual kita kalau kita tengok Yang Berhormat, Myanmar masih disenaraikan sebagai negara daripada negara yang diiktiraf. Akan tetapi mungkin yang boleh kita buat ialah bila diberikan penganugerahan tersebut, kita tolaklah. Mengatakan, "*Terima kasih, thank you but no thank you*", dengan izin, sebagai contohlah. Akan tetapi sebenarnya, selagi nota diplomatik ataupun Kementerian Luar menyenaraikan negara tersebut sebagai negara yang diiktiraf, itulah yang dilihat sebagai anugerah yang diiktiraf.

Yang Berhormat juga ada sebut tentang persatuan silat dan sebagainya seperti mana ada juga Yang Berhormat berbahas pada hari ini bahawa rang undang-undang ini tidak meliputi anugerah tersebut, sama juga seperti *doctorate* dengan profesor palsu. Kita tidak terlibat dalam perkara ini tetapi di bawah Kanun Keseksaan undang-undang jenayah kita boleh buat laporan polis di bawah siasatan laporan penipuan ataupun penyamaran. Ia ada undang-undang tersebut. Maknanya *you can*, dengan izin, kita boleh buat laporan polis seolah-olah mereka yang terlibat ini telah menyamar diri mereka sebagai *doctorate PhD*, sebenarnya *honorary* sahaja, tetapi ini agak subjektif sebab ada yang kata *honorary* itu dia tidak boleh pakai *title doctor* tapi dia boleh letak dalam nama tapi ada juga orang kata *doctorate honorary* ini tidak payahlah pakai, dia Ph.D yang betul sahaja yang boleh pakai.

Akan tetapi yang lebih dahsyat Tuan Yang di-Pertua, ialah profesor daripada universiti yang tidak wujud, ini yang bahaya. Kita tidak tahu universiti mana, tiba-tiba dia kata dia profesor. Akan tetapi bagi saya Yang Berhormat sekalian, kalau berlaku kepada orang luar yang tidak tahu undang-undang tidak apa tapi kalau berlaku pada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini malu juga kita, ini perkara yang bahaya.

Jadi nasihat saya secara umum, kalau bolehlah kita punya *title* yang tidak dianugerahkan Ph.D dan sebagainya tidak payahlah kita pakai, sebab kalau adanya laporan dibuat, siasatan akan dibuat dan didapati bersalah, salah tetap salah, itu undang-undang. Kita tidak boleh bezakan sama ada kita wakil rakyat ataupun tidak. Itu sebab kadang-kadang orang berkata bahawa orang politik ini kadang dilihat dengan lebih- penilaian adalah lebih tajam kepada orang politik. Akan tetapi kalau orang dalam bidang *entertainment* sebagai contoh, dia dapat anugerah 'datukship'. Dia menyanyi, dia berlakon, tiba-tiba dia jadi *bankrap*. Adakah anugerah dia akan ditarik balik dan sebagainya?

Ini juga kes sama yang berlaku dalam kes-kes orang yang masih memakai atau isteri yang memakai *title*, dengan izin, "Datin", "Datin Sri", dan "Puan Sri" tapi dia telah diceraikan, cerai hidup bukan cerai mati. Jadi saya sebut tadi itu, ada juga negeri-negeri yang membenarkan, ada negeri yang tidak membenarkan. Akan tetapi yang mana diberikan taklimat tadi, kalau dia kahwin lain, kahwin baru memang dia tidak boleh pakai kecuali kalau dia kahwin dengan orang yang ada *title* yang lebih besar. *Title* yang dibawa itu, jadi ada dua tiga kes. Masa saya jadi peguam syariah itu, dia "Puan Sri", dia bercerai dia masih memanggil diri dia "Puan Sri". Ikut prosedur dia tidak boleh lagi sebab dia sudah bercerai, bercerai hiduplah.

■1550

Akan tetapi kalau kita tengok di negeri-negeri ya, saya rasa yang tadi diberikan taklimat kepada negeri-negeri tersebut, negeri-negeri ini kita tengoklah yang mana boleh dengan tidak boleh. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi kalau kita tengok daripada segi Wilayah Persekutuan ini seperti mana anugerah yang diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong, ia dilihat sebagai pemakaiannya boleh kepada nombor dua, tiga dan juga empat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun tentang persatuan haram yang mengelola anugerah yang tidak diiktiraf. Bahagian III rang undang-undang ini digubal untuk membendung aktiviti tersebut. Mereka yang terlibat terutamanya yang melanggar fasal 3, 4, 5, 6 dan 7 akan dikenakan hukuman yang setimpal dengan jenayah yang dilakukan.

Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid sebut tentang fasal 4 iaitu yang menjalankan dan menghadiri program, anugerah yang tidak diiktiraf, yang tidak seimbang dengan mereka yang menganjur. Kedua-dua kesalahan ini di bawah seksyen yang sama. Walau bagaimanapun dalam menjatuhkan hukuman penglibatan seseorang itu dalam perlakuan kesalahan tersebut akan menjadi *benchmark* dalam menjatuhkan hukuman. Hukuman yang diperuntukkan hukuman yang maksimum dan adalah bergantung kepada fakta kes dalam menjatuhkan hukuman.

Akan tetapi kalau kita baca Yang Berhormat tentang fasal 3 ya. Fasal 3 ini yang mana bagi pihak kerajaan, menerima dan menggunakan anugerah yang tidak diiktiraf. Kalau kita tengok fasal 3, subseksyen (3), dia tidak dikenakan denda ya kepada fasal 3. Maknanya siapa yang memakai dan menerima anugerah yang tidak diiktiraf dia akan terus disabitkan dalam penjara berbanding dengan fasal 4 iaitu menghadiri, fasal 5 membuat, fasal 6 membuat lambang kebesaran, fasal 7 memiliki alat atau benda, fasal 8 menyatakan diri sebagai pemegang anugerah dan sebagainya.

Jadi maknanya fasal 3 itulah yang paling berat. Maknanya fasal 3 itu dia tidak ada budi bicara hakim hendak bagi hukuman wang ringgit, dia kena masuk penjara. Itu sahaja hukuman yang diberikan, maksimum tidak lebih daripada tiga tahun. Jadi siapa yang pakai itu, dia memang kena masuk penjara. Akan tetapi berbanding dengan fasal 4, 5, 6 dan 7 yang mana dia menghadiri, dia membuat, dia boleh- hakim boleh memilih sama ada penjara ataupun hukuman denda atau kedua-duanya sekali. Jadi, hakim mempunyai budi bicara yang lebih. Bererti daripada rang undang-undang ini, *insya-Allah* bila diluluskan, siapa yang memakai ini dia kena lebih berjaga-jaga.

Bererti kalau ada laporan polis, siasatan dibuat dia masuk penjara ini. Jadi penuhlah nanti dalam Penjara Kajang itu penuh dengan Datuk dengan Datuk Seri. Sebab ini perkara yang begitu salah, dia memakai itu salah. Akan tetapi kadang-kadang kita ingatkan suapan itu lebih dahsyat, menghadiri lebih dahsyat, *brokerage* lebih dahsyat, itu tidak, yang pakai itu. Itu sebabnya masa di Dewan Rakyat ada ditanya tentang isu-isu terutama janda ya, macam saya sebut tadi ya cerai mati ataupun cerai hidup. Kalau dia tidak faham dan dipakai *title* yang ada dengan dia, dia tidak tahu. Ini yang sebabnya *public engagement* kita kena buat dan kita kena ingatkan dia dan maklum pada dia. Dia tidak boleh pakai sebab dia ada syarat dia kata tidak boleh. Ada negeri kalau sudah cerai dia tidak boleh pakai *title* itu.

Jadi inilah sebenarnya seksyen 3 ini begitu drastik undang-undang dia yang memakai itu. Jadi saya cuba hendak ingatkan pada rakyatlah, jangan kita lepas rang undang-undang ini diluluskan, dia rasa dia boleh meneruskan dengan kad dia, dengan nama dia, dipanggil Datuk Seri dia yang kita jumpa dekat kenduri kahwin, umur 20-21 tahun tiba-tiba Datuk Seri ini, kita tengok dia kita siasat ini, saya rasa mana-mana pihak buat laporan polis, mandatorilah. Maknanya budi bicara tidak ada, tidak melebihi tiga tahun dan tidak ada budi bicara untuk denda. Itu saya hendak sebutkan pada Yang Berhormat sekalianlah.

Kemudian saya ingin menyebut tentang pasaran gelap itu saya sudah jawab tadi, *brokerage* dan sebagainya. Mana-mana orang, anugerah tidak diiktiraf akan menjadi kesalahan,

saya sudah sebut. Ketauliahlah anugerah seseorang penerima anugerah saya sebut tentang pangkalan data, memang kita ada sistem data dalam Bahagian Istiadat. Laporan polis, badan yang akan menjadi agensi pelaksana Yang Berhormat sekalian, Polis Diraja Malaysia, bukannya Bahagian Istiadat ataupun JPM. JPM hanya ada senarai Bahagian Istiadat tetapi penguat kuasa polis, dibaca bersama dengan undang-undang jenayah.

Itu sebabnya dalam fasal ini dibaca bersama dengan Akta SPRM lah untuk jenayah suapan. Itu sahajalah yang saya dapat jawab. Yang mana saya tidak sempat jawab itu saya akan bagi jawapan secara bertulis. Akan tetapi saya harap sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, harapan daripada kerajaan, dengan adanya rang undang-undang ini bila diluluskan *insya-Allah* ia akan menaikkan lagi, kata orang dengan bahasa Orang Putih, dengan izin, *dignity* ya iaitu maruah mereka yang mempunyai anugerah kepada maruah yang lebih tinggi dan juga pemberi.

Jadi sesiapa yang melihat mereka dalam kategori hendak *brokerage*, hendak jual, hendak beli, hendak jadi orang tengah, mereka harus berjaga-jaga kerana kerajaan tidak akan bertoleransi kepada mereka yang cuba menjual anugerah yang perlu dihormati dalam negara kita. Dengan itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said yang telah memberi penjelasan yang terang dan tepat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 19** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual Pertama dan Kedua** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Chong Sin Woon) dan diluluskan]

■1600

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG LAMBANG DAN NAMA
(MENCEGAH PENGGUNAAN TAK WAJAR) (PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.00 ptg.**

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli yang dimuliakan, Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) [Akta 414] digubal dan diluluskan pada tahun 1963 dan berkuat kuasa sejak 1 September 1963.

Pada ketika itu tujuan Akta 414 digubal adalah untuk menghalang penggunaan lambang yang khususnya digunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan profesional dan perniagaan. Contohnya, seperti potret Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang dicetak di atas kad hari raya. Oleh yang demikian, kerajaan telah membuat keputusan untuk menggubal satu akta bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang dan nama yang disenaraikan dalam jadual akta untuk maksud profesional dan perniagaan. Akta 414 telah mengalami beberapa proses kajian semakan dan pindaan sepanjang tempoh perwujudannya sejak tahun 1963.

Contohnya, seperti perwakilan kuasa daripada Perdana Menteri kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1991 dan penambahan di jadual dalam Bahagian 1 dan 2 yang melibatkan lambang dan nama Bank Negara Malaysia serta lambang kementerian, jabatan dan agensi persekutuan masing-masing pada tahun 1995 dan 2012. Sebagai langkah pencegahan penggunaan tidak wajar lambang dan nama Akta 414 ini dicadang untuk diperkukuhkan.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) (Pindaan) 2013 telah disediakan oleh kerajaan pada tahun 2013 bertujuan untuk mengadakan peruntukan baru bagi kesalahan menerima darjah kebesaran daripada ketua negara yang tidak diiktiraf. Ia telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 25 September 2013.

Walau bagaimanapun Ahli-ahli Parlimen, kerajaan pada ketika itu telah mencadangkan supaya sesuatu undang-undang yang komprehensif disediakan bagi menangani isu penggunaan tak wajar lambang dan nama. Justeru rang undang-undang tersebut telah ditarik balik oleh kerajaan pada 4 Disember 2013.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk mengkaji isu tersebut dan perkara-perkara yang berbangkit. Hasil kajian tersebut mendapati terdapat keperluan untuk mewujudkan satu rang undang-undang komprehensif iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubung Dengan Anugerah 2016 bertujuan untuk menangani perkara penerimaan anugerah yang tidak diiktiraf yang telah dibaca dan di bentang pada sesi mesyuarat kali ini.

Pada masa yang sama, pindaan juga telah dibuat pada Akta 414 iaitu menaikkan penalti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 414. Akta ini digubal pada 1963 iaitu 53 tahun yang lalu di mana denda tidak melebihi RM1,000 merupakan penalti berbentuk pencegahan ialah merupakan jumlah yang besar pada ketika itu. Namun begitu, jumlah tersebut pada hari ini tidak meninggalkan impak ke atas penjenayah yang disabit hukuman denda maksimum. Oleh itu, kerajaan berpandangan bahawa hukuman penalti perlu dinaikkan dan hukuman penjara dimasukkan untuk mencerminkan keseriusan kesalahan dan sebagai faktor pencegahan kepada masyarakat. Hukuman denda yang lebih tinggi dan juga hukuman penjara merupakan manifestasi kerajaan ialah mengambil langkah tegas terhadap mereka yang menggunakan lambang dan nama secara tidak wajar.

Perincian peruntukan bagi Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) (Pindaan) 2016 adalah seperti berikut:

Fasal 1 merupakan tajuk ringkas akta dan memberikan Menteri kuasa untuk menempatkan tarikh permulaan kuasa-kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 menggantikan seksyen 5, Akta 414 dengan seksyen 5 baru yang memperuntukkan penalti yang telah dinaikkan daripada denda tidak melebihi RM1,000 kepada denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk mencerminkan keseriusan kesalahan di bawah Akta 414.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, oleh yang demikian pindaan yang telah saya jelaskan tadi merupakan usaha penambahan kawalan penyalahgunaan lambang dan nama. Justeru rang undang-undang ini diharapkan akan memperkasakan perlindungan lambang dan nama di bawah Akta 414. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan yang mulia saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya minta pertama sekali Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

4.05 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas pembentangan pindaan Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 yang mana pindaan dibuat pada seksyen 5 dengan menambah penalti atau hukuman bagi pesalah yang disabitkan dengan penyalahgunaan lambang-lambang atau nama yang disenaraikan dalam jadual di Bahagian 1 dan 2 Akta ibu. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh penyalahgunaan lambang dan nama rasmi kerajaan persekutuan ini kebimbangan utama kita dan masyarakat akan mewujudkan persepsi yang tidak baik terhadap kedaulatan institusi Raja Berperlembagaan dan Kerajaan Malaysia.

Penyalahgunaan berkaitan dengan penggunaan lambang Bank Negara Malaysia juga akan meningkatkan kes-kes salah guna kuasa, sindiket penipuan sistem kewangan dan juga eksploitasi ke atas sistem ekonomi dan keutuhan sistem perbankan Malaysia. Oleh itu, bersesuaian dengan pindaan bagi menjadikan hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pesalah yang menggunakan lambang dan nama yang tidak wajar ini saya mempunyai beberapa persoalan agar tidak ada lagi kes-kes penggunaan tak wajar di kalangan institusi atau rakyat.

Pertamanya, kawalan piawai atau tata kelola penggunaan lambang atau nama yang diwartakan dalam semua urusan rasmi kerajaan dan acara rasmi. Kedua, maklumat mengenai reka bentuk, reka letak atau reka struktur bagi memastikan lambang yang digunakan merupakan lambang tulen dan asli sebagaimana ia diwartakan. Ketiga, mekanisme yang lebih efektif bagi memastikan media digital membuat pemberitahuan awam mengenai lambang dan nama ini bagi memastikan keunggulan lambang dan nama ini dipelihara.

Akhir kata, saya mohon agar kerangka kerja penguatkuasaan terhadap penggunaan lambang dan nama rasmi kerajaan akan terus diperkasa dan harapan saya dengan penalti yang lebih berat ini tidak akan berlaku lagi kes-kes penyalahgunaan lambang dan nama. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Puan Shahanim.

4.08 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam Sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan bagi saya turut sama membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mantan ketua saya, mantan bos saya Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said dan warga kementerian yang terlibat secara langsung atas pembentangan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 ini meliputi ia melibatkan nama rasmi Yang di-Pertuan Agong serta lambang-lambang Kerajaan Persekutuan seperti bendera Malaysia iaitu Jalur Gemilang, lambang Jata Negara dan lambang Kerajaan Persekutuan, kementerian, jabatan atau agensi kerajaan sebagaimana jadual Bahagian 1 dan 2, Akta Ibu ini.

■1610

Mengikut warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 7 Februari 1991, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mewakili kuasa kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan bagi menguatkuasakan peraturan-peraturan mengenai penggunaan nama rasmi kerajaan dan lambang yang dimaktubkan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, penggunaan lambang dan nama rasmi kerajaan menjadi semakin tidak terkawal, lebih-lebih lagi penyalahgunaan ini melibatkan perbuatan membuat pengubahan reka bentuk dan reka struktur lambang rasmi kerajaan untuk mempersendakan kerajaan. Bersesuaian dengan pindaan fasal 2, di mana dengan mengenakan hukuman lebih berat denda dan penjara, saya menyokong penuh pindaan ini kerana lambang dan nama yang termaktub di bawah Akta Ibu membuktikan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi perbahasan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri mengenai aktiviti penguatkuasaan penggunaan lambang dan nama rasmi kerajaan sama ada Persekutuan atau kerajaan negeri ini dalam media digital dan media cetak. Jika melalui perwakilan kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut warta Kerajaan Persekutuan tahun 1991, sebarang penggunaan lambang Kerajaan Persekutuan dan lambang kerajaan perlu mendapat kebenaran kerajaan iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Kanan. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang berikut:

- (i) adakah perlu perwakilan kuasa ini dipanjangkan pula kepada Kementerian Dalam Negeri yang menguatkuasakan lesen bahan cetak di dalam negara;
- (ii) apakah perwakilan kuasa juga boleh diberikan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi mengekang penggunaan tidak wajar lambang di media digital; dan
- (iii) perwakilan kuasa pada Bank Negara Malaysia bagi mengawal penggunaan lambang Bank Negara Malaysia agar skim-skim penipuan dan kegiatan mengelirukan pelanggan dapat diatasi segera.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan lambang dan nama dalam institusi beraja dan Kerajaan Persekutuan amat penting demi menjamin kewibawaan dan kedaulatan Institusi Raja, Perlembagaan Negara dan juga kerajaan. Justeru, saya memohon mencadangkan pada Jabatan Perdana Menteri agar memainkan peranan yang lebih efektif bagi mempromosi keunggulan lambang Kerajaan Persekutuan dan memastikan protokol penggunaannya dipelihara. Saya memohon agar tatacara protokol, susunan-susunan lambang mengikut kedudukan senioriti Raja-Raja Melayu dan kelulusan penggunaan dalam majlis rasmi dihebahkan kepada orang awam. Bagi lambang yang berkaitan dengan Bank Negara Malaysia pula, saya menggesa agar *exclusivity* lambang Bank Negara Malaysia ini diperhebatkan penguasaannya bagi memastikan sindiket atau perbuatan penipuan yang melibatkan jenayah komersial dapat dielakkan dan dihapuskan secara total.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan dan warga kerja JPM atas inisiatif meminda jumlah hukuman denda dan penjara dalam fasal 2 rang undang-undang ini. Semoga dengan hukuman yang lebih berat ini, tidak lagi berlaku salah guna dan eksploitasi penggunaan tidak wajar lambang dan nama Raja dan Kerajaan Persekutuan, kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan Bank Negara Malaysia. Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Tidak ada lagi. Terima kasih.

4.14 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Senator. Dalam perkara ini sebenarnya bila kita tengok, rang undang-undang ini telah wujud dari tahun 1963.

Sebelum itu, saya lupa. Saya ingin mengalu-alukan kedatangan MIC negeri Pulau Pinang ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Sebenarnya rang undang-undang ini yang telah wujud dari tahun 1963. Kalau kita tengok dari tahun 1963 sampai hari ini tahun 2016, masih terdapat banyaknya penyalahgunaan ataupun penggunaan yang tidak wajar yang disebut oleh kedua-dua Yang Berhormat Senator tersebut. Itu sebabnya bagi kerajaan, antara keperluan yang perlu dibuat itu ialah denda itu perlu ditambah dan hari ini untuk rang undang-undang ini di peringkat Dewan Negara itu adalah lebih kepada seksyen 5, di mana denda dinaikkan kepada RM20,000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Saya sebenarnya berpendapat secara peribadi lah ya. Saya ini lain sedikit, peribadi saya mengatakan bahawa jumlah denda ini tidak mencukupi. Kalau saya, saya tidak minta kena denda wang ringgit, masukkan dalam penjara terus. Sebab bila dia pakai lambang, lambang ini kadang-kadang dia salah guna, ini yang menjadi bahaya sebab orang mengingatkan bahawa ini adalah satu— contohnya kenderaan, sebagai contoh kenderaan yang kononnya kenderaan bertauliah tetapi bukan kenderaan bertauliah. Jadi itu sebabnya dari tahun 1963 undang-undang ini ada dan pada tahun 2016 ini kita naikkan hukuman.

Jadi, yang mana kedua-dua Yang Berhormat menyebut tadi itu, bagi saya yang lebih penting di sini ialah laporan yang perlu dibuat oleh semua pihak yang terlibat. Saya harap terutama pihak berkuasalah yang dapat melaksanakan keperluan untuk diambil tindakan kepada penggunaan yang tidak wajar ini, perlunya satu komitmen. Akan tetapi kalau kita tengok secara menyeluruh, benda ini memang berleluasa tetapi di mana kepastian yang perlu kita dapat. Akan tetapi saya tidak melihat dalam segi rang undang-undang ini perlu adanya satu sistem yang boleh kita memantau ataupun ada satu sistem yang kita boleh buat, dengan izin, *immediate check* sama ada memang penggunaan ini wajar ataupun tidak.

Akan tetapi daripada isu yang disebut oleh Yang Berhormat, sama ada dibenarkan penggunaan itu ataupun tidak, perlu kita balik kepada agensi yang mengeluarkan kebenaran tersebut. Macam mana yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Shahanim tadi ini, macam Bank Negara ataupun KDN, perlunya kerjasama. Memang betul sebab kita hendak tahu daripada individu mana. Saya tadi masuk ke Dewan nampak kereta baru Speaker Dewan Negara, lambang dia warna merah. Itu Dewan Negara. Akan tetapi ada juga hantu raya di luar itu dia boleh pakai lambang yang sama ataupun mungkin bukan Speaker tetapi, dengan izin,

Speaker, mungkin kawan-kawan atau pembantu pun hendak pakai lambang yang sama sebab dia rasa bos dia pakai, kenapa dia tidak boleh pakai. Ini juga masalah kita.

Itu sebab dalam perkara ini, yang penting pelaksanaan daripada segi tindakan yang perlu dibuat. Saya haraplah daripada pihak kerajaan, Polis Diraja Malaysia yang mana laporan ini dibuat, perlu diadakan tindakan yang sewajarnya dan perlu dibuat dengan secara pantas supaya mereka tahu kerajaan akan tidak bertoleransi kepada kesalahan-kesalahan ini yang berlaku. Akan tetapi seperti yang disebut daripada jawapan yang diberi oleh pihak Peguam Negara ialah dia melihat lebih kepada mana Yang Berhormat Puan Shanim, tentang lambang yang dijadualkan sebagai contoh jati negara yang diubah untuk tujuan persendaan.

Tindakan yang boleh diambil adalah di bawah Kanun Keseksaan iaitu perbuatan khianat di bawah seksyen 425 iaitu menyebabkan kerosakan ataupun perubahan kepada apa-apa harta. Itu satu *option*, dengan izin. Akan tetapi lebih kepada penggunaan tidak wajar ini ialah lebih kepada yang mana tidak boleh guna, diguna. Jadi, macam mana perlu kita pemantauan?

Itu sebabnya harapan saya sebagai Menteri bertanggungjawab bagi rang undang-undang ini ialah pihak agensi penguat kuasa itu mesti melakukan penguatkuasaan itu secara menyeluruh. Ini satu perkara yang begitu serius sebab kadang-kadang orang ingatkan orang yang bertauliah, tetapi bila sampai sebenarnya bukan orang yang bertauliah. Itu sahajalah jawapan saya kepada soalan-soalan yang diberi oleh Yang Berhormat. Saya harap, saya memohon Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini diterima dan diberikan sokongan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Chong Sin Woon) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Baik Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah sudah Mesyuarat pada hari ini, dan Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 21 Disember 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.22 petang.]